

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322



**Jais ada dendam terhadap Khalid Samad?**

→ ms2



**NGO kesal pemimpin negara Arab sekongkol dengan Amerika**

→ ms8




**Pakatan Harapan akan lawat Tembok Besar China Kuantan**

→ ms9

# APA JANJI NAJIB KEPADA CHINA?

➔ Ikuti laporan penuh muka 9

Mesyuarat meja bulat antara BN dengan Parti Komunis China berlangsung pada 7 Disember lalu di Hotel Istana Kuala Lumpur.



ROUNDTABLE MEETING  
BARISAN NASIONAL WITH COMMUNIST PARTY OF CHINA  
7th DECEMBER 2017  
HOTEL ISTANA KUALA LUMPUR

**APAKAH** yang dijanjikan kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak kepada Parti Komunis China dalam mesyuarat meja bulat mereka pada 7 Disember lalu di Hotel Istana Kuala Lumpur?

Inilah persoalan yang perlu dijelaskan oleh pemimpin BN khasnya Najib ketika memuncak kemarahan rakyat terhadap pelaburan yang tidak telus China di negara ini.

Ia berlaku ketika berita tersebar Sri Lanka terpaksa menyerahkan perlabuhan utama mereka kepada sebuah syarikat dari China bermula dengan pinjaman untuk pembangunan negara mereka.

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

01132334322  
untuk urusan pembelian

HANYA RM 49

**SHARIAH DAN POLITIK**

PROF. DR. JASSER AUDA

HANYA RM 39

**DUA DEKAD DIA DIZALIMI**

DR. MOHAMMAD ASHRAF MANSOR

HANYA RM 29

**KEBEBASAN & PEMBEBASAN**

PERBAHASAN DALAM KONTEKS MAQASID SHARIAH

Sheikh Dr. Ahmad al-Raisuni

HANYA RM 22

**POLITIK & DEMOKRASI**

Sheikh Dr. Rasid Channouchi

HANYA RM 19

**Panduan Pemula MAQASID AL-SHARIAH**

Dr. Jasser Auda

# Jais ada dendam terhadap Khalid Samad?

**T**INDAKAN Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) merayu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam terhadap denda RM1,900 yang dikenakan ke atas Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Abdul Samad dianggap bersifat dendam pribadi.

Tindakan membuat rayuan itu dianggap kerana tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Khalid boleh menyertai pilihan raya ke 14.

13 Disember lalu, Khalid dimaklumkan oleh Peguam Syarie yang mewakilinya Dr Zulkarnain Lukman, bahawa beliau telah menerima surat permohonan Jais itu menerusi Notis Kebenaran Merayu Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam menerusi Ketua Pendakwa Syarie.

Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH berkata, dengan notis itu jelas menunjukkan seolah-olah Jais berniat untuk memastikan kelayakan beliau untuk bertanding pada pilihan raya akan datang dapat dihalang apabila membuat rayuan terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam itu.

"Saya dimaklumkan Peguam Syarie

bahawa pihak Jais akan merayu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah baru-baru ini ke atas denda yang dikenakan kepada saya yang dikurangkan daripada RM2,900 ke RM1,900.00.

"Mereka akan membuat rayuan itu seolah-olah berniat untuk nak tentukan saya hilang kelayakan bertanding kerana mereka tidak puashati jumlah RM1,900 kerana untuk hilang kelayakan bertanding adalah denda RM2,000 ke atas.

"Niatnya bertujuan untuk tentukan saya hilang kelayakan," ujarnya dalam sidang medianya.

Pada 24 November lalu Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengekalkan keputusan bersalah mengajar agama tanpa tauliah di sebuah surau di Klang pada 2011 yang dijatuhkan ke atas Khalid.

Walau bagaimanapun, hakim syarie Salehan Yatim bersetuju untuk mengurangkan denda yang dikenakan daripada RM2,900 kepada RM1,900 yang bermakna kedudukan sebagai ahli parlimen tidak terjejas.

Hakim berkata, beliau mengambil maklum bahawa denda RM2,900 boleh



Khalid dan peguamnya Faiz Fadzil

menyebabkan Khalid kehilangan kerusinya dan Shah Alam pula kehilangan wakil rakyat yang dipilih.

Beliau juga berkata, bahawa ini adalah kesalahan pertama Khalid.

Menurut peguam Khalid, Faiz Fadzil,

rayuan yang dibuat oleh Jais itu lebih tertumpu kepada denda yang dikenakan ke atas Khalid semata-mata.

"Rayuan ini akan lebih bersifat denda itu sahaja sedangkan sabitan didapati bersalah tidak dirayu oleh Khalid walaupun beliau tidak setuju dengan keputusan sabitan itu tetapi hukuman denda itu tidak menghalang beliau untuk bertanding.

"Jadi di sini apa tujuan sebenarnya untuk merayu terhadap hukuman? Sedangkan memang telah dijatuh hukum (bersalah dan didenda)," soalnya.

Khalid kesal atas tindakan Jais ini.

"Lainlah kalau dikatakan saya tidak bersalah. Ini dah kata saya bersalah tetapi dia tidak puashati dengan denda kerana bawah RM2,000.

"Apa niat di sebalik rayuan itu? Inilah yang boleh dinilai sendiri niat disebaliknya," ujarnya.

Khalid didakwa memberikan ceramah tanpa tauliah di Surau Taman Seri Sementa Klang pada 16 Ogos 2011 lalu yang melanggar Seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (2003).

## Bebaskan Anwar untuk jalani rawatan

**PENGERUSI** Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Peguam dari Amerika Syarikat (AS) Kimberly Montley mendesak kerajaan Malaysia membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membolehkan beliau menjalani rawatan perubatan.

Dalam satu kenyataan bersama, mereka menuntut kerajaan mempertimbangkan keseriusan dan keadilan terhadap hubungan antarabangsa dan Malaysia mengenai kesihatan Ketua Umum Pakatan Harapan itu.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan selepas dalam satu mesyuarat yang diadakan antara Motley dan Dr Mahathir 12 Disember lalu yang telah membincangkan mengenai situasi semasa bekas timbalan perdana menteri itu.

"Kami menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan permintaan kami dengan serius dan demi keadilan dan hubungan antara-bangsa Malaysia.

"Kami bersama bersetuju bahawa Anwar harus segera dibebaskan dari penjara. Beliau kini berada di hospital menjalani rawatan perubatan jangka panjang.

"Anwar adalah seorang tahanan politik dan telah menjalani hukuman penjara lebih daripada 34 bulan.

"Beliau dijadualkan untuk dibebaskan pada bulan Jun 2018 dan keadaan perubatan semasanya menjadi perhatian kepada keluarganya, kawan, dan orang di seluruh dunia.

"Sebagai tahanan yang kini berusia 70 tahun, Anwar memerlukan

kan rawatan perubatan yang signifikan akibat penahanannya itu," ujar kenyataan bersama tersebut.

Motley dalam sidang medianya sebelum itu mengkritik Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kerana menghalang beliau bertemu Anwar.

Beliau menyifatkan halangan itu sebagai tidak wajar sama sekali, dan meminta kebenaran untuk bertemu Anwar di Hospital Kuala Lumpur atas kapasitinya sebagai peguam Anwar.

Motley juga menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengkaji pembebasan segera pemimpin pembangkang itu.

Beliau berharap akan dapat bertemu Najib dan Zahid semasa beliau berada di Malaysia dalam beberapa hari lalu.

## Negara rugi RM160 bilion di bawah Najib, dakwa Tun Mahathir

**PENGERUSI** Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa, negara telah mengalami kerugian sebanyak RM160 bilion antara tahun 2013 hingga 2015 saja melalui Bank Negara.

Kerugian sehingga RM160 bilion itu berlaku ketika negara dipimpin oleh Datuk Seri Najib Razak, jelas beliau dalam program Hard Talk bersama Datuk Husam Musa di Bangi baru-baru ini.

Mahathir mendakwa, kehilangan wang di bawah Najib berjumlah USD39.621 bilion (RM161 bilion) berbanding ketika era beliau yang menyaksikan Bank Negara rugi RM31 bilion dalam pasaran perdagangan mata wang asing forex.

"Duit ini (ketika era beliau) hilang kerana perniagaan mata wang oleh Bank Negara dalam usaha mengurus rizab negara kita. Dengan itu duit kita hilang RM30 bilion.

"Tapi baru-baru ini, dari 2013 sehingga 2015, Bank Negara hilang lebih banyak daripada itu. Sebenarnya sebanyak USD39.6 bilion bersamaan dengan RM160 bilion lebih kurang.



"Tapi untuk ini tiada siasatan dilakukan, tiada Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan dan jawapan yang diberikan dalam parlimen tidak memuaskan," kata Mahathir dalam klip video yang dimuat naik Facebook Kelab Che Det.

Menurut laman web rasmi Bank Negara, rizab negara menurun kepada USD95,289.62 bilion pada Disember 2015 berbanding USD134,910.79 bilion pada Disember 2013.

Faktor utama penurunan yang ketara itu dikaitkan dengan percubaan Bank Negara mempertahankan nilai ringgit yang jatuh secara drastik ketika itu.

Rizab Bank Negara sudah pulih sejak itu kepada USD101,471.49 bilion setakat 31 Oktober tahun ini.

**Tun Mahathir mendakwa negara hilang RM60 bilion dibawah Najib tetapi tidak pula ditubuhkan RCI.**



## PH gesa sidang khas parlimen bincang isu Baitulmaqdis

**KUALA LUMPUR:** Ketua Pembangkang Dewan Rakyat Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menggesa sidang parlimen khas diadakan bagi mencapai ketetapan bi-partisan dalam isu Baitulmaqdis.

Sambil mengutuk keras keputusan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump yang mahu memindahkan kedutaan Amerika Syarikat dari Tel

Aviv ke Baitulmaqdis, beliau berkata parlimen Malaysia perlu mengeluarkan ketetapan mengesahkan tindakan itu dan memberikan cadangan untuk menangani isu tersebut.

Sehubungan itu Dr Wan Azizah menggesa Perdana Menteri mengarahkan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat bagi membincangkan isu Baitulmaqdis. "Dewan Rakyat kini dalam

penungguan selepas selesai sidang Bajet. Maka, saya telah menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak supaya memanggil sebuah Mesyuarat Khas Dewan Rakyat bagi membincangkan perkembangan ini.

"Saya telah meminta beliau mengemukakan pemberitahuan memaklumkan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 11(3) supaya Me-

syuarat Khas tersebut diadakan dengan seberapa segera.

"Saya mendesak supaya kerajaan mengemukakan usul dan ketetapan bagi mengesahkan keputusan Presiden Trump dan membuka perbincangan bagi membolehkan cadangan mengenai langkah-langkah perlu yang sewajarnya di ambil bersama oleh Parlimen bagi menangani isu ini," tegas beliau.

## Tindakan SPRM bebaskan Annuar mengejutkan

**KUALA LUMPUR:** Pemuda AMANAH Nasional mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneruskan siasatan skandal tajaan pasukan bola-sepak The Red Warrior (TRW) oleh dua anak syarikat milik Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Timbalan Ketua Pemuda Faiz Fadzil berkata, tujuan pembayaran tersebut telah menyimpang daripada tujuan asal Mara iaitu meningkatkan kualiti kehidupan orang Melayu terutamanya dalam bidang pendidikan dan perniagaan.

Justeru tindakan SPRM membebaskan bekas Pengerusi Mara Tan Sri Annuar Musa tanpa sebarang dakwaan amat memeranjatkan dan menimbulkan pelbagai persepsi

negatif di kalangan masyarakat.

"SPRM seolah-olah dilihat telah bertindak sebagai hakim dengan membebaskan beliau tanpa sebarang pendakwaan.

"Ini adalah kerana Tan Sri Annuar ketika kejadian adalah Pengerusi Mara dan Penasihat pasukan TRW dengan itu boleh dianggap mempunyai percanggahan kepentingan dalam kedua-dua entiti.

"Kemungkinan wujudnya elemen jenayah seperti penyelewengan, pecah amanah, penipuan atau rasuah dalam skandal penajaan wang MARA ini memerlukan siasatan lanjut secara menyeluruh dan bebas oleh pihak SPRM," ujarnya dalam satu kenyataan.

Faiz mengulas kenyataan SPRM 12 Dis lalu bahawa pihak pendakwa raya memutuskan

untuk tidak mendakwa Annuar berhubung isu penajaan pasukan bola sepak Kelantan dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, pihak pendakwa raya telah meneliti kertas siasatan isu terbabit dan memutuskan untuk tidak melakukan pendakwaan kerana kekurangan bukti.

Bagaimanapun Faiz yang juga seorang peguam berkata, SPRM dan Peguam Negara tidak boleh dengan mudah menutup siasatan skandal ini.

"Jika benar tidak cukup bukti untuk mendakwa, seharusnya Peguam Negara mengarahkan SPRM untuk membuat siasatan lanjut," ujarnya.

## Sultan Selangor kesal imam, nazir ingkar arahan

**KLANG:** Sultan Selangor mengingatkan pihak berkuasa supaya memastikan penceramah di negeri itu mendapat tauliah sebelum dibenarkan berceramah.

Sultan Sharafuddin Idris Shah turut menggesa pihak berkuasa memantau semua ceramah di negeri itu kerana masih ada imam dan nazir yang ingkar serta tidak mematuhi arahnya menyebabkan wujud ceramah menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar serta mengelirukan masyarakat Islam.

"Beta pernah dimaklumkan terdapat golongan tertentu di kalangan umat Islam yang terpesong daripada ajaran Islam

sebenarnya sehingga menganggap pembunuhan yang dilakukan sesama manusia adalah satu jihad dituntut Allah.

"Fahaman dan ikutan sebegini amat berbahaya jika dibiarkan menular di kalangan umat Islam kerana ini boleh menyebabkan pembunuhan sesama umat Islam dan perpecahan umat Islam seperti yang berlaku di beberapa buah negara Teluk kebelakangan ini.

"Mais (Majlis Agama Islam Selangor) dan Jais (Jabatan Agama Islam Selangor) sebagai badan agama tertinggi di Selangor perlu sentiasa tegas di dalam mengambil tindakan

sewajarnya terhadap mereka yang melanggar titah beta dan segala peraturan ditetapkan," ujar baginda.

Sultan Sharafuddin berkata demikian pada Istiadat Pengurniaan Wafat Pelantikan Ahli Mais bagi sesi 2018-2020 dan Majlis Santapan Tengah Hari Bersama Imam Masjid Diraja dan Seluruh Selangor di Istana Alam Shah, 13 Dis lalu.

Sementara itu, Sultan Selangor mengingatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) merujuk Mais terlebih dahulu sebelum melulus dan melaksanakan sebarang dasar berkaitan agama Islam.

Antara contoh dasar itu ialah pensijilan halal, zakat, pelaksanaan fatwa dan wakaf.

"Beta ingin mengingatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang bertindak sebagai badan agama di peringkat persekutuan hanya berfungsi selaku agensi pusat yang berperanan untuk menyelaras perkara berkaitan agama Islam antara negeri-negeri di negara ini," ujar baginda.

Menurutnya, undang-undang berkaitan hal ehwal agama Islam di Selangor terletak sepenuhnya di bawah bidang kuasa dan pertimbangan beliau.

## Tun Mahathir pulang pingat Selangor kerana rasa tidak layak

**PETALING JAYA:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan beliau memulangkan pingat kebesaran Istana Selangor kerana mengangap tidak lagi layak menyimpannya.

Bekas perdana menteri itu berkata, oleh kerana Sultan Sharafuddin Idris Shah menganggap beliau akan "membakar negara dengan api kemarahannya", maka dengan sendiri beliau tidak lagi layak menyandang gelaran kebesaran negeri itu.

"Saya fikir Sultan Selangor merasakan saya tak layak untuk terima anugerah berkenaan. Kalau saya nak terima mestilah sebab saya



layak tapi sekarang saya dikatakan akan membakar seluruh negara, jadi saya fikir saya sudah tidak layak lagi," kata beliau selepas mem-pengerusikan sidang media Pakatan Harapan di ibu pejabat Keadilan, 12 Dis lalu.

Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyerahkan semula semua anugerah kebesaran yang diterima daripada Sultan Selangor pada 7 Dis lalu.

Pingat tersebut diserahkan selepas Dr Mahathir sekali lagi dikritik Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam wawancara yang diterbitkan The Star dan Utusan Malaysia.

Sementara itu pihak istana Selangor menyatakan Sultan Sharafuddin berkenan menerima pemulangan berkenaan tanpa sebarang halangan.

## Anak anjur Himpunan Wanita Generasi Felda Kebangsaan

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) dengan kerjasama Institut Wanita Berdaya Selangor (IWB) akan menganjurkan Himpunan Wanita Generasi Felda Kebangsaan pada 16 Dis ini bertempat di Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya,

Selangor.

Menurut presidennya Mazlan Aliman, himpunan itu khusus membincangkan hala tuju wanita Felda.

Mazlan berkata, di sebalik kemelut yang dihadapi Felda ketika ini, peranan wanita Felda mesti diperkasa dan diberi nafas baru.

"Mereka mesti berani dan lantang memperjuangkan hak peneroka, Generasi Baru Felda dan isu-isu wanita demi kehidupan yang lebih baik.

"Himpunan ini adalah langkah awal kepada penubuhan sebuah NGO, wadah baru bagi wanita Felda. Ia akan bekerjasama

ma dengan Gerakan Persatuan Wanita (GPW) dan badan badan lain di Felda," katanya dalam satu kenyataan ringkas.

Kata beliau lagi, Anak menyeru wanita Felda sama ada penerokawati, anak, cucu atau menantu peneroka, menghadiri program berkenaan.

## Minda Pengarang

### Trump bertindak kerana Arab lemah

**P**akatan Harapan bersama umat Islam yang lain mengadakan himpunan besar-besaran di hadapan bangunan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di ibu negara pada Jumaat lalu.

Pakatan Harapan mengerahkan seluruh penyokongnya, bersama umat Islam yang lain, membantah tindakan Presiden Donald Trump hendak memindahkan kedutaan Amerika di Tel Aviv ke Jerusalem (Baitulmaqdis).

Protes berkenaan bagi menegaskan rasa kecewa terhadap pengiktirafan Amerika terhadap Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

"Keputusan sepihak Trump itu jelas tidak membantu usaha damai konflik panjang di rantau Asia Barat khususnya di Palestin. Sebaliknya, lebih rumitkan lagi keadaan, sekali gus menyalakan api kemarahan dan reaksi bantahan masyarakat dunia," kata kenyataan Pakatan Harapan itu.

Kesemua pimpinan tertinggi Bersatu, AMANAH, PKR dan DAP itu menyifatkan campur tangan Trump ke atas negara Arab itu sebagai melampaui batas demi survival politiknya menjelang Pilihan Raya Separuh Penggal Amerika.

Pelbagai pihak mendesak supaya Datuk Najib Tun Razak yang rapat dengan Presiden Donald Trump supaya dapat mendesak Trump membatalkan niatnya itu.

Tindakan AS ini telah pun dibantah oleh Kesatuan Eropah (EU) dan United Kingdom di mana mereka telah mengeluarkan kenyataan bahawa ia tidak akan memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Dalam situasi yang membara ini, Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan paling lantang bersuara mengkritik Trump, ketika kebanyakan pemimpin dunia umat Islam, khususnya negara Arab kelihatan begitu kaku dan teragak-agak untuk mengecam Donald Trump.

Liga Arab baru hendak bermesyarat, sementara Arab Saudi menggesa Trump membatalkan niatnya.

Erdogan memberi amaran jika Baitulmaqdis diktiraf sebagai ibu negara Israel oleh Donald Trump, beliau akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel.

Erdogan menganggap, Baitulmaqdis adalah garis merah buat umat Islam. Ucapan itu secara langsung ditujukan kepada Trump.

Perkembangan baru langkah Donald Trump ini akan membakar rantau timur tengah dan sukar untuk kembali aman. Selama ini Amerika begitu banyak mendapat faedah dari hasil minyak negara Arab, malah dikatakan negara Arablah yang begitu banyak membantu dan menyegarkan ekonomi Amerika.

Penganalisis berpendapat, inilah rupanya balasan Amerika, khususnya Donald Trump, atas 'budi baik' negara Arab itu kepadanya.

Presden Amerika itu mengambil langkah mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, pada ketika pemimpin negara Arab bersengketa sesama sendiri. Kini Arab Saudi bersengketa dengan dengan jirannya, Yeman dan saling serang menyerang.

Dalam masa yang sama, Arab Saudi bersama sekutunya di negara teluk juga telah memulaukan negara Qatar, jirannya sendiri juga.

Sudah tentu Donald Trump berpendapat bahawa negara Arab tidak akan bersatu. Maka itu, beliau mengambil langkah drastik, tidak mepedulikan negara Arab, kerana dia tahu kelemahan negara Arab yang tidak akan bersatu, Keika ini, Israel merasakan begitu kuat dngan dokongan Trump.

Kini tinggallah Hamas yang dipimpin oleh Ismail Heiniyah yang akan melancarkan intifadah kali kedua, meneruskan perjuangan dan sudah tentu akan memakan korban lebih banyak.

## Pencerahan Nabi Ibrahim ke atas umatnya

**T**auhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyah mempunyai hubungan yang tidak dapat dipisahkan. Tauhid Rububiyah menati-jahkan adanya Tauhid Uluhiyah. Maksudnya pengakuan seseorang terhadap Tauhid Rububiyah

menghendaki dan menuntut pengakuan kepada Tauhid Uluhiyah.

Barangsiapa yang telah mengetahui bahawa Allah adalah Rabb-nya yang menciptakan dan mengatur segala urusannya, maka dia wajib beribadah hanya kepada Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun. Ini bertepatan dengan maqasid Al-Quran yang menegaskan bahawa barangsiapa beribadah hanya kepada Allah dan semata-mata kerana-Nya dalam keadaan tidak sedikit pun menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, pasti dia telah benar-benar yakin bahawa Allah-lah Rab-nya dan Khaliq-nya.

Hal ini adalah sebagaimana dengan izin Allah telah disusun melalui kata-kata penuh mukjizat yang dilafazkan dengan lisan Nabi Ibrahim kepada kaumnya dan terutamanya kepada bapanya Azar yang derhaka kepada Allah. Perhatikan dengan teliti, dengarkan bacaan ayat-ayat ini secara yang tenang dan perlahan.

Syura Asy- Syu'ara', surah 26: ayat 75 - 82:

Kata (Ibrahim): Apakah kamu memperhatikan apa yang kamu sembah. (75)

Kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu? (76)

Sesungguhnya apa yang kamu sembah itu adalah musuhku, kecuali Rabbul 'Alamin.(77)

Dia yang telah mencipta aku, maka Dia yang memberi petunjuk kepadaku. (78)

Dia yang memberi makan dan minum kepadaku. (79)

Dan apabila aku sakit, Dia-lah yang menyembuhkan aku. (80)

Dan Dia yang akan mematikan aku, kemudian akan menghidupkan aku kembali. (81)

Dan Dia yang sangat aku harapkan akan mengampuni kesalahanku pada hari Kiamat. (82)

Kata-kata Nabi Ibrahim yang merupakan dakwah atau seruan



Pencerahan Mingguan  
**TANWEER  
USBU'II**

**SAARI SUNGIB**

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

kepada kaumnya itu membawa makna yang begitu menyusuk kalbu dan sekaligus menggetarkan hati dan seluruh anggota lantas sebagaimana yang akan berlaku pada Hari Hisab setiap umat akan datang ke hadapan Allah dalam keadaan berlutut (Al-Jathiyah, surah 45: ayat 28).

Bahkan dakwah Nabi Ibrahim merupakan satu pencerahan bagi kaumnya daripada kegelapan kepada cahaya, daripada kejahilan kepada kefahaman yang nyata, daripada kelaziman ikut-ikutan tanpa memahami sebab kepada kejelasan melakukan sesuatu dengan kefahaman dan kemuncaknya daripada kegelapan ikutan nenek-moyang kepada pasrah ruku dan sujud kepada Allah Rabbul 'Alamin.

Dengan itu secara halus Nabi Ibrahim menggunakan pendek-

berhala-berhala itu tidak berupaya untuk mempertahankan diri mereka sendiri apatah lagi memberi perlindungan kepada manusia.

• Berdiri teguh dengan penuh yakin sambil menyatakan bahawa yang disembah oleh kaumnya itu adalah lemah, lalu mengisytiharkan bahawa semua yang

lemah itu adalah musuhny.

• Bertenaga gagah dengan mengisytiharkan bahawa ia hanya tunduk dan mengabdikan diri hanya kepada Allah Rabbul Alamin - Allah Tuhan Semesta Alam.

• Bercakap dengan faseh bahawa ia telah dicipta oleh Allah yang juga telah mencipta segala-galanya dalam alam semesta maka Allah juga yang pasti memberi petunjuk kepadanya.

• Bertegas mengakui Allah Rabbul Alamin namun di atas kasih dan sayangnya tiada satu pun yang ada ditinggalkannya termasuk memberi ia makan dan minum.

• Berterus terang menyatakan kesyukuran kepada nikmat dengan diberi kesihatan oleh Allah dan apabila ia sakit, Allah yang

**Kata-kata Nabi Ibrahim yang merupakan dakwah atau seruan kepada kaumnya itu membawa makna yang begitu menyusuk kalbu dan sekaligus menggetarkan hati dan seluruh anggota lantas sebagaimana yang akan berlaku pada Hari Hisab setiap umat akan datang ke hadapan Allah dalam keadaan berlutut (Al-Jathiyah, surah 45: ayat 28).**

tan akidah tauhid agar kaumnya sedar terhadap kesilapan mereka pada kala itu lagi. Antara lain berdasarkan Surah Asy- Syu'ara', ayat 75 - 85. Jalan yang digunakan oleh Nabi Ibrahim adalah satu dialog yang bersifat monolog pada peringkat permulaannya seperti berikut:

• Bertanya apakah kaumnya sudah memperhatikan objek-objek yang bukan pada zaman mereka sahaja bahkan sejak zaman datuk nenek moyang mereka lagi mereka telah menjadikannya sebagai objek-objek penyembahan. Mereka dengan setulus hati telah mengambilnya sebagai tuhan sedangkan mereka telah menyaksikannya sendiri bahawa

menyembuhkannya.

• Berkeyakinan teguh bahawa Allah akan mematikkannya dan kemudian akan menghidupkannya kembali.

• Berharap bahawa Allah akan mengampuni kesalahannya pada Hari Kiamat.

• Alhamdulillah. Subhanallah. Allahu Akbar. Tiada lagi kata-kata seindah dan secantik ini yang dibalut dengan mukjizat Allah yang memberi pencerahan di atas pencerahan dan terus kekal memberi pencerahan kepada sesiapa yang mengharap pencerahan dalam liku-liku kehidupan untuk mendapatkan rahmat Allah Rabbul Alamin.



# Andainya PRU14...

**S**udah dua penggal berturut-turut Umno-Barisan Nasional tidak meraih majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Gelombang tsunami pertama membadai tanpa dijangka pada 8 Mac 2008, dan perdana menteri ketika itu Abdullah Ahmad Badawi tidak bersedia untuk berdepan dengannya. Parti pembangkang berjaya merangkul 82 daripada 222 kerusi parlimen, di samping mengambil alih 5 buah kerajaan negeri.

Gelombang tsunami kedua sememangnya dijangka bakal melanda PRU13 pada 5 Mei 2013, cuma tidak pasti sejauh mana impaknya. Malah Umno-Barisan Nasional telah bersedia untuk situasi "seandainya BN ditewaskan". Bersedia tidak bermaksud "melepaskan kuasa seandainya kalah", tetapi boleh jadi "bagaimana mempertahankan kuasa sungguhpun dikalahkan".

Akhirnya BN menang kerusi sungguhpun kalah undi. Pakatan Rakyat mara selangkah lagi ke depan, dengan 89 kerusi Dewan Rakyat, tetapi sekadar mampu mempertahankan 3 kerajaan negeri.

Kesudahan ini disambut dengan perasaan berbau. Untuk Umno-BN, mereka gembira kerana masih memegang 60% kerusi parlimen,



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

dan merampas semula kerajaan negeri Kedah, juga mempertahankan kerajaan negeri Perak yang dirampasnya pada tahun 2009. Namun BN kehilangan kerusi dan undi yang lebih banyak berbanding apa yang dicapai Pak Lah dalam PRU12.

Untuk Pakatan Rakyat, semestinya ia dikecewakan kerana matlamatnya untuk menawan Putrajaya tidak kesampaian. Pakatan Rakyat hanya boleh senyum dengan memaksa dirinya menerima keputusan ini secara positif. Untuk kali pertama jumlah undi yang diperolehi "pembangkang" mengatasi "pemerintah", dan lebih 8 kerusi parlimen diperolehinya berbanding PRU12.

Ini sejarah. Padahal di negara demokrasi yang lain, adalah memadai seandainya parti pemerintah menang sekadar dengan majoriti mudah dalam pilihan raya.

Cuma di Malaysia, Umno-BN yang selama ini selesa dengan majoriti dua pertiga, menggariskan matlamatnya pada paras dua pertiga. PM yang gagal mencecahnya, akan digulingkan dalam parti.

Najib Razak sepatutnya dijatuhkan selepas PRU13, tetapi beliau bernasib baik sungguhpun dirinya bangkit dengan menjatuhkan Abdullah Badawi yang gagal mencapai majoriti dua pertiga. Persoalannya, apakah pemimpin UMNO yang lain sanggup memberi peluang kepada Najib sekali lagi, untuk terus menerajui tampuk kuasa, jikalau gagal mengembalikan majoriti dua pertiga dalam PRU14?

Padahal, Najib, 64, telah memegang kuasa untuk 8 tahun, PM yang ketiga panjang tempoh pemerintahannya setakat ini. Timbalannya adalah Ahmad Zahid Hamidi yang sebaya dengannya. Anak tangga kuasa ketiga diduduki Hishammuddin Hussein, 56, dan seterusnya, Khairy Jamaluddin, 41, yang semakin menonjol sebagai pewaris kuasa pada masa depan.

Najib terselamat sekali lagi meskipun terpalit dengan skandal 1MDB, lantaran pendedahan skandal RM2.6 bilion oleh Wall Street Journal pada 2 Julai 2015. Namun dengan segala kuasa dalam tangannya, Najib memecat

Muhyiddin Yassin yang teragak-agak untuk bertindak lebih awal ketika itu. Penghalangnya dialih, talian hayat politiknya dilanjutkan, dan kini Najib berdepan dengan cabaran dalam PRU14.

Apa yang jelas, jikapun Umno-BN tidak ditumbangkan dalam PRU14, kepimpinan Najib tetap dipersoalkan, sekiranya status quo gagal dipertahankan. Ini bermakna seandainya Umno-BN gagal pertiga dalam Dewan Rakyat, atau jikalau Pakatan Harapan berjaya menembusi lagi beberapa kerajaan negeri, misalnya Kedah, Johor atau Perak. Kepimpinan Najib akan dipertikaikan jikalau BN menang kurang daripada 133 kerusi parlimen, atau UMNO memperoleh kurang daripada 88 kerusi parlimen sebagaimana yang tercapai dalam PRU13.

Justeru itu, Najib sebenarnya menghadapi tekanan untuk melonjakkan prestasi Umno-BN secara keseluruhan. Tetapi jikalau Najib berjaya merampas kerajaan negeri Selangor, ini mungkin "jasa" untuk menebus "dosa"-nya. Atau jikalau Umno merampas semula kerajaan negeri Kelantan yang hilang dari tangan Umno sejak tahun 1990, ini juga prestasi yang mampu memahat namanya sebagai PM yang kedua panjang tempoh pemerin-

tahannya, barangkali.

Apapun, ini cuma teori atas kertas bahawa hayat politik seseorang pemimpin politik ditentukan berdasarkan prestasinya. Mana-mana pemimpin yang gagal mencapai KPI-nya, akan di-rehat-kan, kalau dirinya enggan memberi laluan.

Cuma, perkembangan politik beberapa tahun kebelakangan memperlihatkan bagaimana pemimpin politik berada di tempatnya bukan kerana kepimpinannya, tetapi kekuasaannya. Lebih-lebih lagi, ia disokong dengan budaya dalam parti yang taat secara membuta tuli, ataupun terlalu takut untuk mempersoalkan pemimpin.

Padahal, Najib berada pada tempatnya bukan kerana kepimpinannya, tetapi kelicikannya memecahbelahkan pembangkang, dan kekerasannya untuk memancing musuh dalaman. Lama-kelamaan, sistem ini mengekalkan meraka yang paling licik berpolitik, dan bukan paling layak sebagai pemimpin. Mengikut logik, parti sedemikian akan menjadi semakin lemah kerana tanpa kepimpinan yang baik.

Persoalannya, sampai bila Najib boleh bertahan, dan sampai bila pula Umno mampu bertahan? Lebih penting, sampai bila Malaysia boleh bertahan dengan keadaan sebegini?

## Baitulmaqdis: Timur Tengah di lingkaran api

**K**etika negara Arab kelihatan kaku dengan perisytiharan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mengiktiraf Baitulmaqdis (Jerusalem) sebagai ibu negara Israel, dunia Arab terkaku, memperlihatkan betapa lemahnya kumpulan negara Arab.

Tetapi tidak negara Turki yang dipimpin oleh Presidennya, Recep Tayyip Erdogan. Tokoh inilah yang paling lantang menentang Israel dan amat kritikal terhadap Amerika. Malah pernah berdebat hebat dengan pemimpin Simon Peres.

Erdogan mengecam keras langkah Trump yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Yahudi itu dan memindahkan kedutaan Amerika dari Tel Aviv ke Jerusalem.

Kata Erdogan, langkah Amerika itu akan meletakkan rantau Timur Tengah dalam 'lingkaran api' yang akan membakar segalanya.

Ada beberapa negara Eropah



**CETUSAN MINDA**  
ABDUL SHUKUR HARUN

masih belum bersedia menyetujui langkah Trump itu, tetapi dunia umat Islam melihat pemimpin Turki itu yang boleh diharapkan untuk membela umat berdepan dengan musuh-nya, terutama berdasarkan sejarah keagungan Turki sejak zaman Khalifah Uthmaniyah.

Erdogan bertemu Pope Francis minggu ini, begitu juga akan menemui President Vladimir Putin dari Russian dan juga beberapa pemimpin Eropah, khususnya German.

Langkah lebih berani Erdogan ialah menghalau duta Israel dari Turki.

Ketika ini umat Islam seluruh dunia mengadakan tunjuk

perasaan membantah tindakan Amerika itu, ketika pemimpin dunia Arab terkaku dan bingung, menggambarkan bahawa pemimpin dunia Arab, walaupun kaya dengan hasil minyak, tapi sama sekali tidak mampu menentang kedurjanaan Amerika dan Israel.

Liga Arab entah ke mana, OIC entah ke mana. Hanya pemimpin Hamas Ismail Haniya menggesa Intifada baru.

Menurut laporan *Al-Jazeera*, Ismail menyifatkan pengiktirafan itu sebagai 'pengisytiharan perang terhadap warga Palestin'.

"Keputusan Amerika itu adalah penindasan, pengisytiharan perang terhadap kami. Ia telah membunuh proses ke arah keamanan, Perjanjian Oslo dan proses penempatan," katanya.

Di Malaysia, seperti negara umat Islam yang lain, tunjuk perasaan terus diadakan.

Dalam masa yang sama, tiga tokoh yang mewakili organisasi

masing-masing telah mengeluarkan kenyataan mengutuk tindakan Amerika itu.

Mereka, Ustaz Haji Ahmad Awang, Timbalan Pengerusi Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia Cawangan Malaysia, Ustaz Abdul Ghani Shamsudin, Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Asi dan Mohd Azmi Abdul Hamid dan Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim).

Kenyataan mereka berbunyi: "Kami membantah keras sebarang langkah pihak Amerika Syarikat (AS) mahupun Israel untuk mengisytiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel."

"Tindakan yang diura-ura akan diisytihar oleh Presiden AS Donald Trump bakal meningkatkan ketegangan di rantau Asia Barat yang kini terus bergolak."

"Laporan terkini, Trump telah menghubungi pemimpin Palestin Mahmoud Abbas bahawa AS akan memindahkan kedutaan

AS ke Jerusalem, adalah suatu proses ke arah mengisytiharkan ketetapan tersebut."

"Jurucakap Rumah Putih Hogan Gidley telah mengesahkan Trump akan mengisytiharkan pemindahan kedutaan AS dari Tel Aviv ke Jerusalem.

"Perlu diingat Baitulmaqdis telah melalui 50 tahun proses 'pengyahudian'. Kini buat kali pertama Yahudi memasuki Kubah Sakhrah. Polis Israel telah menangkap empat orang pegawai Masjid Al Aqsa dan juga peguam Syeikh Raed Salah."

"Umat Islam akan bangkit menentang langkah itu kerana ia adalah antara isu utama yang dipertahankan oleh seluruh rakyat Palestin dan umat Islam. Bahawa tidak ada kompromi dalam hal Baitulmaqdis sebagai hak umat Islam Palestin."

**BERSAMBUNG KE MUKA 21**

# PAU2017 jadi pentas ampu, bukan selesai masalah rakyat

**KUALA LUMPUR:** Wanita Pakatan Harapan (PH) kesal kerana Perhimpunan Agung Umno 2017 (PAU 2017) hanya dijadikan medan untuk 'mengampu dan mengipas' pemimpin Umno dan bukannya dijadikan medan untuk mencari penyelesaian masalah sebenar rakyat iaitu kos kenaikan sara hidup.

Ketua Penerangan Wanita PH Aiman Athirah Al Jundi berkata, PAU 2017 terus mengamalkan politik ampu dan kipas sehingga menenggelamkan realiti sosio-ekonomi negara yang semakin rosak dan merudum teruk.

Beliau kesal kerana para perwakilan Umno tidak langsung prihatin dengan kos hidup rakyat yang semakin meningkat, nilai mata

wang ringgit Malaysia yang terus jatuh, subsidi rakyat yang dirampas, peluang pekerjaan yang tidak diurus baik, harta kekayaan negara yang terus dirompak regim kleptokrasi dan pelbagai 'kehancuran' yang berlaku.

Malah PAU 2017, katanya menjadi medan mengkritik, memalukan dan merendah-rendahkan tahap intelektualiti rakyat khususnya kalangan artis-artis tanah air.

"Bermula dengan ucapan bertaraf angkuh dan sombong daripada seorang bekas artis bernama Dira kepada rakan artis lain iaitu Fathiya Latif sehinggalah kepada kritikan-kritikan oleh pemimpin Umno, Rosmah Mansor melalui pembantu khasnya dan anggota kabinet Najib Razak sendiri kepada Datuk Shiela Majid semata-mata kerana

beliau menyuarakan kebimbangannya terhadap situasi ekonomi rakyat mutakhir ini," katanya.

Sheila baru-baru ini menyuarakan kekesalan dengan kenaikan harga barang dan kejatuhan nilai ringgit yang memberi kesan kepada rakyat.

Kenyataan beliau bagaimanapun dikritik para perwakilan Wanita Umno yang diberi kesempatan berucap.

Athirah menyifatkan kritikan para pemimpin Umno terhadap teguran para artis sebagai pra-matang, lemah dan tidak bertanggungjawab.

Bahkan, katanya ia satu pencabulan kepada hak bersuara rakyat yang dijamin perlembagaan negara.

"Bukan itu sahaja, malahan seolah-olah menjadi satu signal kepada samseng-samseng pro-Umno untuk kemudiannya menghantar mesej-mesej ugutan kepada artis seperti Fathiya Latif yang difahamkan kini menerima ugutan melibatkan nyawa dan keselamatannya.

"Inilah natijahnya apabila pemimpin-pemimpin negara dan parti politik yang menjadi kerajaan lebih seronok bersikap samseng, adu domba, angkuh, sombong; ibarat beraja di mata, bersultan di hati. Sehingga budaya ugut dan ancam suara rakyat sesuka hati semakin mengambil tempat," katanya.

Athirah menyatakan komitmen Wanita PH untuk berdiri teguh bersama-sama para artis dan personaliti yang bersuara untuk rakyat.

## Imam besar Al-Azhar, ketua paderi koptik enggan jumpa naib presiden AS

**KUALA LUMPUR:** Imam Besar Al-Azhar Al Sharif Mesir, Prof Dr Ahmed Mohamed Al-Tayyeb membatalkan pertemuan dengan Naib Presiden Amerika Syarikat, Mike Pence berikutan pengiktirafan negara itu terhadap Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Agensi Berita Islam Antarabangsa (Una) pada 9 Dis melaporkan Universiti Al-Azhar dalam satu kenyataan berkata, Kedutaan Besar AS di Kaherah menghantar permohonan pertemuan tersebut minggu lepas.

Sheikh Al-Tayyeb yang pada awalnya menerima pelawaan itu bagaimanapun menarik diri susulan perkembangan terbaru membabitkan status Baitulmaqdis.

"Kami tidak boleh duduk semeja dengan mereka yang manipulasi sejarah dan menafikan hak rakyat Palestin.

"Saya langsung tidak berkeingi-

nan bertemu dengan pihak yang menyerahkan sesuatu bukan hak milik mereka dan Amerika harus membatalkan pengiktirafan itu dengan segera," katanya.

Sheikh Al-Tayyeb turut menyeru rakyat Palestin bangkit kembali dengan semangat tinggi demi Islam dan negara tercinta.

"Kami (Al-Azhar) bersama rakyat Palestin dan tidak akan membiarkan mereka bersendirian," katanya.

Pada 6 Dis di Washington, Trump mengumumkan mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel, dan mengarahkan Jabatan Negara itu memulakan proses memindahkan Kedutaan AS dari Tel Aviv ke bandar itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Gereja Koptik Mesir, Pope Tawadros II turut membatalkan pertemuan dengan Pence yang dijadualkan di Kaherah lewat bulan ini sebagai membantah tindakan



Dr Ahmed Mohamed Al-Tayyeb (kiri) ketika menerima kunjungan Pope Francis di Kaherah.

Washington mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada 9 Dis, Gereja Koptik Mesir menyifatkan keputusan presiden Donald Trump itu "tidak mengambil kira perasaan

jutaan orang Arab".

Gereja Koptik juga membuat keputusan tidak menerima kunjungan Pence apabila pemimpin AS itu melawat Mesir.

"Gereja Koptik Ortodok Mesir menolak untuk bertemu Naib Pres-

iden Mike Pence dan berdoa untuk kebijaksanaan bagi menyelesaikan semua isu yang memberi kesan kepada keamanan rantau Timur Tengah," kenyataan itu dietik.

Keputusan itu dibuat sehari selepas Dr Ahmeed al-Tayeb menyatakan keengganan untuk bertemu Pence.

Penganut Kristian Koptik membentuk 10 peratus daripada 93 juta rakyat Mesir dan agama minoriti terbesar di rantau Timur Tengah.

Keputusan Trump mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel memcetuskan bantahan rakyat Palestin dan beberapa pertempuran dengan tentera Israel.

Pemimpin Hamas juga memberi amaran akan menggerak intifadah (kebangkitan rakyat) bagi membantah keputusan AS yang mencetuskan kebimbangan terhadap pertumpahan darah di wilayah bergolak itu.

## Peguam AS kesal tidak dibenarkan bertemu Anwar

**KUALA LUMPUR:** Peguam dari Amerika Syarikat, Kimberley Motley kesal kerana dihalang bertemu anak guamnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menyifatkan halangan itu sebagai tidak wajar sama sekali, Motley berkata beliau meminta kebenaran untuk bertemu Anwar di Hospital Kuala Lumpur atas kapasiti sebagai peguamnya.

"Saya terkejut Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan kerajaan Malaysia enggan membenarkan pertemuan itu.

"Secara asasnya mana-mana orang yang dipenjarakan berhak mendapat akses kepada penasihat undang-undang pilihannya.

"Menolak permintaan saya untuk bertemu Anwar melanggar piawai antarabangsa mengenai akses keadilan dan memburukkan imej Malaysia," kata Motley dalam satu kenyataan, 12 Dis lalu.

Sebelum ini Motley menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengkaji pembebasan segera pemimpin pembangkang itu.

Beliau berharap akan dapat bertemu Najib dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi semasa beliau berada di Malaysia.

"Najib boleh menyeru Anwar dibebaskan segera dan terdapat beberapa cara yang boleh diambil bagi membolehkan pembebasan Anwar.

"Beliau boleh melakukannya. Beliau juga boleh benarkan Anwar teruskan rawatan di rumah," katanya pada sidang media di ibu pejabat Keadilan, 11 Dis lalu.

Motley mewakili Anwar sejak 7 Septem-

ber secara pro bono (percuma).

Anwar, 70, dijatuhkan hukuman 5 tahun penjara kerana didakwa meliwat Mohd Saiful Bukhari, 30, di kondominium Desa Damansara, Bukit Damansara pada 26 Jun 2008.

Anwar menafikan dakwaan itu dan menganggapnya sebagai konspirasi politik untuk memusnahkan kerjaya politik beliau.

Bekas timbalan perdana menteri itu sedang menjalani hukuman di Penjara Sungai Buloh dan dijangka bebas pada tahun hadapan.



# NGO kesal pemimpin negara Arab sekongkol dengan Amerika

**T**iga pertubuhan Islam kesal dengan tindakan beberapa negara Arab yang kini telah bersekongkol dengan Amerika Syarikat dan Israel ketika Presiden Donald Trump mahu mengisytiharkan Baitul Maqdis sebagai ibu negara haram Israel itu.

Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia Cawangan Malaysia, Sekretariat Himpunan Ulama Asia dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) dalam satu kenyataan bersama mereka mengutuk tindakan itu.

Timbalan Pengerusi Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia Cawangan Malaysia, Ahmad Awang, Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Asia, Abdul Ghani Samsudin dan Presiden Mapim, Mohd Azmi Abdul Hamid telah menandatangani kenyataan bersama mereka yang kesal dengan tindakan itu.

Kata mereka, sehingga kini tiada bantahan dari beberapa negara Arab Teluk terutama Arab Saudi dan UAE berkaitan dengan langkah AS ingin memindahkan kedutaannya ke Jerusalem.

Majlis Keselamatan PBB dalam resolusi 478 pada tahun 1980 telah menetapkan semua misi diplomat yang ada di Jerusalem keluar dari kota suci itu.

Ini bermakna ketetapan antara-



Ahmad Awang, Azmi Hamid dan Abdul Ghani kesal dengan sikap sesetengah pemimpin negara Arab.

bangsa itu melarang sebarang pembukaan kedutaan negara di Jerusalem, kata kenyataan bersama mereka itu.

Sehubungan itu, mereka menyeru:

1. Kerajaan Malaysia segera menyatakan bantahan keras kepada kerajaan AS ke atas usaha memindah kedutaannya ke Jerusalem dan sekaligus mengiktiraf kota suci itu sebagai ibu negara Israel.

2. Negara-negara anggota OIC mengutuk dan membantah keras tindakan Presiden AS Donald Trump yang akan mengisytihar Jerusalem sebagai ibu negara Israel.

3. Kerajaan Malaysia perlu menggesa OIC mengadakan persidangan tergempar untuk membincangkan tindakan provokatif AS dan Israel tersebut.

4. Semua negara Islam dan negara

berdaulat yang lain bersatu menentang sebarang percubaan memindahkan ibu negara Israel dari Tel Aviv ke Jerusalem.

5. Seluruh ulama dan organisasi Islam di seluruh dunia membangkitkan kesedaran rakyat di negara masing-masing demi menentang rancangan AS dan Zionis Yahudi menguasai Jerusalem dan Masjid Al Aqsa.

6. PBB menguatkuasakan Resolusi 478 dan resolusi-resolusi lain yang berkaitan untuk menyekat pencerobohan Israel ke atas Jerusalem.

Mereka membantah keras sebarang langkah pihak Amerika Syarikat (AS) mahupun Israel untuk mengisytiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Kata mereka, tindakan yang diura-ura akan diisytihar oleh Presiden AS

Donald Trump bakal meningkatkan ketegangan di rantau Asia Barat yang kini terus bergolak.

Laporan terkini, Trump telah menghubungi pemimpin Palestin Mahmoud Abbas bahawa AS akan memindahkan kedutaan AS ke Jerusalem, adalah suatu proses ke arah mengisytiharkan ketetapan tersebut.

Jurucakap Rumah Putih Hogan Gidley telah mengesahkan Trump akan mengisytiharkan pemindahan kedutaan AS dari Tel Aviv ke Jerusalem.

Perlu diingat Baitulmaqdis telah melalui 50 tahun proses 'pengyahudian'. Kini buat kali pertama Yahudi memasuki Kubah Sakhrah.

Polis Israel telah menangkap empat orang pegawai Masjid Al Aqsa dan juga peguam Syekh Raed Salah baru-baru ini.

"Umat Islam akan bangkit menentang langkah itu kerana ia adalah antara isu utama yang dipertahankan oleh seluruh rakyat Palestin dan umat Islam kerana tidak ada kompromi dalam hal Baitulmaqdis sebagai hak umat Islam Palestin," kata mereka.

Mengisytiharkan Jerusalem (Baitulmaqdis) sebagai ibu negara Israel berimplikasi bahawa Masjid Al-Aqsa akan berada dibawah penguasaan Israel sepenuhnya, kata kenyataan itu.

"Umat Islam Palestin dan di seluruh

dunia sama sekali tidak akan menerima keputusan ini," katanya.

Baitulmaqdis sudah lama menjadi isu paling sensitif kepada umat Islam.

Walaupun Israel mengisytihar telah menguasai Jerusalem Timur pada 1967, ia tetap diperjuangkan oleh rakyat Palestin untuk membebaskannya dari pencerobohan Yahudi Zionis.

Presiden Perancis Emmanuel Macron sendiri menyatakan pendirian kepada Trump mengenai status Jerusalem perlu dibincangkan dalam perundingan antara Israel dan Palestin.

Kini Liga Arab dilaporkan telah mengadakan perbincangan khas Selasa kelmarin mengenai isu ini.

"Ugutan Presiden Palestin Mahmoud Abbas bahawa kepimpinan Palestin akan memutuskan hubungan dengan AS menunjukkan isu ini pasti akan berpanjangan.

"AS jelas menjadi alat Israel untuk mencapai cita-citanya menguasai Masjid Al Aqsa," katanya.

Sehingga kini tidak ada sebarang kedutaan di Jerusalem kerana komuniti antarabangsa tidak mengiktiraf kuasa Israel ke atas kota tersebut.

Kongres AS pernah meluluskan undang-undang pada 1995 untuk memindahkan kedutaan selewatnya pada 1999 namun Presiden diberi kuasa melengahkan pemindahan itu setiap enam bulan berdasarkan keselamatan nasional.

## Trump cabul hak asasi manusia, kata PH

**PAKATAN** Harapan menyifatkan isu Baitul Maqdis bukan hanya isu umat Islam malah isu kemanusiaan sejagat.

Kedegilan dan keangkuhan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel adalah satu pencabulan hak asasi manusia serta melanggar undang-undang antarabangsa dan ianya tidak boleh diterima, kata pemimpin gabungan empat parti politik itu.

Dalam satu kenyataan yang ditandatangani lima pemimpin utamanya, mereka berkata keputusan sepihak oleh Presiden Trump itu jelas tidak membantu usaha damai konflik panjang di rantau Asia Barat khususnya di Palestin, sebaliknya lebih merumitkan lagi keadaan sekaligus menyalakan api kemarahan dan reaksi bantahan masyarakat dunia.

Kenyataan itu ditandatan-



Pimpinan Pakatan Harapan ketika menyerahkan memorandum ke Kedutaan Amerika Syarikat bagi membantah tindakan Donald Trump mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel.

gani oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Pengerusi Pakatan Harapan yang juga Pengerusi

PPBM, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Pakatan Harapan yang juga Presiden

PKR, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Presiden PPBM, Mohamad Sabu, Presiden AMANAH dan

Gobind Singh Deo, Timbalan Pengerusi DAP.

Kata mereka, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), OIC dan komuniti antarabangsa tidak pernah mengiktiraf pendudukan Israel di Jerusalem Timur selepas perang 1967 malah menggesa mereka berundur ke sempadan asal mereka pra-1967.

Ia dikukuhkan lagi dengan Majlis Keselamatan PBB yang bersidang pada 23 Disember 2016 yang telah meluluskan Resolusi 2334 yang mengatakan pendudukan Israel ke atas Jerusalem Timur tidak sah, kata mereka.

"Sekalipun pengumuman Presiden Trump itu dilakukan demi survival politik beliau menjelang Pilihan Raya Separuh Penggal (Mid-Term Election) Amerika Syarikat, ia adalah suatu tindakan campurtangan ke atas Negara Arab

yang melampaui batas.

"Tindakan AS ini telah pun dibantah oleh Kesatuan Eropah (EU), dan United Kingdom telah mengeluarkan kenyataan bahawa ia tidak akan memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv," kata kenyataan itu.

Sebagai bantahan awal terhadap pengumuman Trump ini, Pakatan Harapan telahpun menghantar memorandum ke Kedutaan Amerika Syarikat pada Jumaat (8 Disember) lalu.

Namun bagi menegaskan lagi rasa kecewa dan penolakan Pakatan Harapan terhadap pengiktirafan yang angkuh itu, dan sebagai tanda solidariti bersama rakyat Palestin yang terus dizalimi, maka Pakatan Harapan mengadakan satu lagi himpunan bantahan di hadapan bangunan kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, selepas solat Jumaat, 15 Disember.



# Pakatan Harapan akan lawat Tembok Besar China Kuantan

**F**orum Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) yang dihadiri pimpinan utama Pakatan Harapan 6 Disember lalu mengambil keputusan untuk mengadakan himpunan di perkarangan "Tembok Besar China" di Kuantan.

la bertujuan untuk menyatakan bantahan terhadap pelaburan yang tidak jelas China ke negara ini dan disifatkan mengambil kesempatan dari masalah yang sedang dihadapi oleh perdana menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Kita sedia terima pelaburan asing dari mana-mana negara sahaja tetapi tidak sampai mengganggu kedaulatan negara kita," kata Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut serta dalam forum itu.

Tembok Besar China Kuantan adalah tembok yang dibina setinggi lapan kaki sebagai pagar kepada kira-kira 1,200 ekar tanah untuk projek fasa satu Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP).

la terletak di Gebeng, kira-kira 25 KM dari bandar Kuantan.



Dalam forum anjuran AMCJL itu, Tun Mahathir melancarkan buku tulisan Faiz Fadzil tentang kleptokrasi.

Bagi penduduk tempatan, tembok itu digelar sebagai "Tembok Besar China Kuantan".

Tiada apa yang luar biasa dengan tembok itu, tetapi tujuannya untuk memisahkan mereka yang di dalam dengan

dunia luar.

la juga sekali gus mencetuskan spekulasi di kalangan masyarakat setempat.

Mahathir yang pernah sampai ke situ dan membuat video klip mengenainya mendakwa pelaburan asing seperti

MCKIP tidak menguntungkan sedikit pun rakyat tempatan kerana kontraktor dan pekerja terbabit dibawa masuk dari China.

Dalam forum itu, Mahathir berkata, beliau juga ingin tahu apa yang ada dalam tembok itu.

"Saya nak tahu juga, apa yang ada kat dalamnya. Ada balai polis kita ke tidak. Jika apa-apa yang berlaku di dalam sana, siapa yang menyiasatnya," kata Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas cadangan perhimpunan itu dalam forum malam tadi.

Selain Mahathir, turut menjadi penal adalah Mohamad Sabu, Hishamudin Rais, Howard Lee (Adun DAP), Faiz Fadzil dan Sivarasa Rasiah (MP Subang).

Aktivis sosial Hishamudin Rais memulakan cadangan agar pelaburan China ke negara ini dikaji kerana banyak keburukan yang telah berlaku termasuk pengalangan di beberapa negara Afrika.

Dr Mahathir bersetuju, cara pelaburan ini tidak kena dan merugikan Malaysia dengan mengambil contoh Forest City di

Johor dan MCKIP di Kuantan.

Forest City, katanya, dijual dengan harga yang mahal sehingga orang tempatan tidak mampu beli dan diberikan pelepasan cukai sehingga 10 tahun pula kepada pembeli dari China.

Mohamad Sabu turut menyokong agar bantahan dibuat di jalan raya terhadap masalah ini.

"Pengalaman kita, kerajaan BN tidak akan bergoncang setakat perbincangan dalam bilik seminar, konvensyen dan sebagainya.

"Hanya dengan turun ke jalan raya kita boleh berjaya menarik minat. Ia berlaku sebelum PRU 1999, 2008 dan juga 2013 yang lalu," katanya.

Ekoran itu seorang penonton bangkit mencadangkan Tembok Besar China Kuantan ini dilawati beramai-ramai dengan diketuai sendiri oleh Mahathir.

Cadangan itu kemudiannya setuju dijadikan aktiviti perhimpunan besar-besaran Pakatan Harapan menjelang PRU 14 ini.

## Apa yang kerajaan BN janjikan dengan Parti Komunis China?

Oleh ARIF ATAN

**A**pakah yang dijanjikan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Parti Komunis China (PKC) dalam mesyuarat Meja Bulat antara kedua-dua mereka pada 7 Disember lalu kini menjadi tandatanya.

Ini kerana, mesyuarat itu diadakan susulan daripada pertemuan kedua-dua pemimpin parti pemerintah di negara masing-masing sejak tujuh tahun lalu.

Gambar-gambar tentang mesyuarat mejabulatang yang diadakan di Hotel Istana Kuala Lumpur itu kini menjadi tular dalam media sosial dan internet.

Sebelum ini, Ahli Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Seri Ti Lian Ker mendedahkan Umno melalui Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PKC seawal 4 Ogos 2010.

Urusan kemasukan warganegara China ke Malaysia sebagai pelancong, pelajar dan pemastautin juga dilihat dipermudahkan hasil pertemuan pemimpin Umno dengan pemimpin PKC tahun lalu melalui pelaksanaan sistem pengeluaran visa secara elektronik, E-visa dan program pengecualian pembayaran visa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilapor berkata, kerajaan China menerima kesemua cadangan Malaysia itu dalam pertemuannya dengan Menteri Keselamatan Awam, Guo Shengkun dan mesyuarat bersama Setiausaha Pusat, Politik dan Hal Ehwal Undang-Undang, PKC, Meng Jianzhu pada Februari 2016.

Pada masa sama, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi BN beberapa kali mendakwa Malaysia akan mendapat manfaat besar hasil daripada pelaburan dan projek daripada "One Belt One Road" (OBOR) oleh China yang pertama kali disebut Presiden, Xi Jinping pada September 2013.

Gagasan satu wilayah satu jalan itu menyaksikan China berhasrat untuk membina laluan bersepadu merangkumi jalan raya, landasan kereta api dan pelabuhan di negara yang bersempadan dengan wilayahnya.

Ekoran itu, pemberian kontrak dan penjualan aset strategik milik negara kepada syarikat-syarikat milik kerajaan China menyaksikan trend yang semakin ketara ketika Malaysia terus dibebani hutang mencecah RM685 bilion pada suku kedua 2017.

Hal ini termasuklah kesediaan China memberi hutang dalam kuantiti besar melalui pinjaman mudah kepada Malaysia bagi sejumlah projek mega antaranya projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) bernilai RM55 bilion.

Majlis pecah tanah projek yang menghubungkan Pelabuhan Klang ke Tumpat, Kelantan sepanjang 688 kilometer pada 9 Ogos lepas itu turut menyaksikan kehadiran Ahli Majlis Negeri China, Wang Yong selaku wakil khas Xi Jinping; pegawai kanan kerajaan China serta pemegang kepentingan projek tersebut.

Serentak itu, China dilihat turut mengukuhkan rangkaian pertahanan dan pengangkutan lautnya melalui minat republik itu dalam projek pembangunan pelabuhan laut dalam di Melaka Gateway, Pulau Melaka membabitkan dua syarikat pelabuhan terbesar China den-

gan pelaburan mencecah RM8 bilion.

Projek Taman Perindustrian Maritim dan Taman Perindustrian Guangdong-Melaka bagi pengeluaran barangan pengguna elektrik selain pembinaan sejumlah kawasan guna tanah bagi tujuan perdagangan dan perniagaan juga dipersetujui pada pertemuan antara kerajaan negeri Melaka dan Wilayah Guangdong pada 21 September 2015.

Bahkan dua tahun sebelum itu, pelaburan China mulai tertumpu di Kuantan pada ketika republik tersebut galak dengan tuntutan terhadap sebahagian besar laluan perdagangan antarabangsa di Laut China Selatan.

Di Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Gebeng, Kuantan, pelaburan China melibatkan pembinaan kilang besi, kilang aluminium dan loji penapisan minyak sawit selepas pemeteraian perjanjian yang turut disaksikan Najib pada 5 Februari 2013.

Najib pada ketika itu juga mengemukakan Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd akan bekerjasama dengan IJM Corporation Berhad bagi projek pembesaran Pelabuhan Kuantan merangkumi pembinaan terminal laut dalam yang baharu dengan kos pelaburan menelan lebih RM3 bilion.

Namun, penguasaan 49 peratus syarikat milik kerajaan China itu dalam MCKIP serta pegangan 40 peratus dalam Pelabuhan Kuantan mengundang kebimbangan tentang aspek keselamatan dan kedaulatan negara ini.

Akhir 2015 juga menyaksikan loji-loji penjanaan elektrik Edra Global Energy, iaitu anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dijual kepada China General Nuclear Power Corpora-

tion (CGN) dengan harga RM9.8 bilion walaupun penjana bebas itu dibeli daripada pemilik tempatan dengan harga RM12 bilion.

Seterusnya, 1MDB pada Mac 2016 telah menjual 60 peratus saham syarikat pemaju Bandar Malaysia, iaitu tapak lapangan terbang lama Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Sungai Besi kepada syarikat usaha sama Malaysia dengan China Railway Construction Engineering (CREC).

Bandar Malaysia seluas 197 hektar yang akan menjadi pusat rangkaian kereta api dalam pelan besar-besaran China melalui OBOR itu juga diuar-uarkan akan menyaksikan kemunculan

bandar bawah tanah terbesar di dunia.

Pentadbiran Najib juga dilihat terlalu bergantung kepada pinjaman dana dari China bagi projek raksasa lain seperti pusat kewangan antarabangsa, Tun Razak Exchange (TRX) seluas 28 hektar di tengah-tengah ibu negara serta projek Forest City merangkumi 1,370 hektar di Johor dengan pelaburan berjumlah RM450 bilion.

Perkembangan kerjasama dua hala BN dengan PKC turut diperkukuh melalui komitmen Persatuan Cina Malaysia (MCA) sebagai parti komponen rejim pemerintah itu dalam langkah meningkatkan apa yang dipanggil sebagai perkongsian di semua peringkat.



### JAWATAN KOSONG

Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:  
luqman.malaysiadateline@gmail.com  
Sebelum 30 Disember 2017

# Seludup migran di pintu masuk negara

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Selepas berlaku penyeludupan warga Bangladesh dan Myanmar melalui Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sejak 2010, kerajaan akhirnya bercadang menyelaraskan agensi berkaitan dalam kawalan sempadan negara.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilapor berkata, terdapat tiga agensi yang terlibat bagi menangani masalah penyeludupan migran ke negara ini.

Pihak terbabit adalah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM)

serta Agensi Keselamatan dan Kawalan Sempadan (AKSEM).

Zahid pada masa sama mengakui isu tersebut sudah lama berlarutan ketika diminta mengulas pembongkaran kegiatan penyeludupan warga Bangladesh dalam laporan muka depan Harian Metro (HM) 7 Dis lalu.

"Permasalahan penyeludupan migran sudah terlalu lama dan ia harus diletakkan nombor satu untuk ditangani," ujarnya.

Terdahulu, HM dalam laporan bersirinya mendedahkan terdapat empat sindiket utama dari Dhaka, Bangladesh yang dipercayai paling aktif membawa masuk migran secara haram melalui KLIA sejak 2010.

Mereka yang juga digelar 'Raja KLIA'

didedahkan mengaut sebanyak RM5.2 juta setahun dan didakwa mengenali setiap pegawai dan anggota JIM yang bertugas di pintu masuk utama negara ini.

Hasil penyiasatan skuad HM sejak tujuh bulan itu juga mendedahkan pendatang dari Myanmar yang menggunakan pasport Bangladesh turut diseludup masuk ke Malaysia.

Kegiatan menyeludup warga Bangladesh juga dilapor paling giat berlaku sekitar tahun 2011 sehingga 2014 dengan ratusan migran berjaya lolos di KLIA menggunakan rangkaian sindiket tersebut.

Setiap migran dikenakan bayaran sehingga RM15,000 manakala bayaran wang

'pelincir' di KLIA dikatakan sebagai sudah menjadi kebiasaan sekiranya mahu melepasi pemeriksaan.

Bagaimanapun, Bahagian Anti Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) D7C Bukit Aman dengan kerjasama HM telah menumpaskan sindiket penyeludupan warga Bangladesh di KLIA dalam Ops Pintas KLIA hampir 24 jam, baru-baru ini.

Sebelum ini, pihak pembangkang mendedahkan kemasukan ribuan warga Bangladesh di KLIA menjelang pilihan raya umum ke-13 (PRU-13), namun dinafikan pihak kerajaan bahawa mereka mempunyai kaitan sebagai pengundi.

## Puteri Umno lapor polis dakwaan ahli berkhawat

**KUALA LUMPUR:** Pergerakan Puteri Umno membuat dua laporan polis di Balai Polis Dang Wangi 8 Dis lalu berikutan dakwaan anggotanya berkhawat ketika Perhimpunan Agung Umno berlangsung.

Ketua Penerangannya Haryaty Hamzah berkata, laporan itu dibuat susulan dakwaan bekas anggota pergerakan itu yang disiarkan sebuah portal berita kononnya banyak berlaku kes khawat ketika Perhimpunan Agung Umno berlangsung.

Beliau berkata, kenyataan yang melampau itu menjejaskan imej

parti dan kepercayaan rakyat malah turut menjejaskan imej anggota muda terutamanya dalam Puteri Umno dan Pemuda Umno.

"Ini mewujudkan persepsi baharu bahawa persidangan buat benda tak betul, harap pihak berkuasa buat siasatan kenyataan ini," katanya kepada media di hadapan IPD Dang Wangi.

Turut membuat laporan polis di balai yang sama ialah Ketua Puteri Umno Bahagian Klang Norhaslindawati Bujang.

Haryaty berkata, Puteri Umno juga bersedia mengambil tindakan

undang-undang terhadap pihak yang membuat fitnah itu jika ada keperluan.

Beliau berkata kenyataan bekas anggota Puteri Umno yang kini bersama Pas itu tidak berasas kerana ketika perhimpunan berlangsung Puteri Umno memberi fokus kepada agenda parti.

Kira-kira 10,000 anggota Puteri Umno hadir pada perhimpunan yang berlangsung dari Selasa hingga Sabtu ini.

Dakwaan itu dibuat oleh bekas Ahli Jawatankuasa Kerja Puteri Umno Klang Wan Asshima Kamaruddin.



Haryaty (dua dari kiri) dan Norhaslindawati (dua dari kanan) selepas membuat laporan polis di IPD Dang Wangi.

## Artis mula berani ungkap derita rakyat

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar memuji keprihatinan artis dan personaliti tanah air terhadap keperitan hidup rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

"Lebih membanggakan saya apabila mereka berani keluar daripada status sosial mereka untuk berada di tengah realiti kehidupan rakyat marhaen.

"Komen serta luahan isi hati mereka bukan pada sebarang orang tetapi ditujukan kepada MO1 (Malaysian Official 1) yang sedang berkuasa.

"Mereka sanggup keluar daripada alam kehidupan membodek untuk kepentingan diri kepada keberanian memperjuangkan kepentingan negara dan kehidupan rakyat," kata beliau dalam satu

kenyataan media.

Tetapi malangnya kata Mahfuz, mereka dicemuh oleh pemimpin Umno dengan berbagai tuduhan hanya semata-mata untuk menutup kepincangan tadbir urus pentadbiran Najib.

"Saya percaya mereka sedang merasai kerosakan yang sedang berlaku akibat daripada politik 3P (penjilat, pembodek, pengampu). Malangnya di Malaysia kebenaran adalah musuh nombor satu negara," kata Mahfuz lagi.

Beliau turut menyifatkan artis dan personaliti tersebut sebagai 'YB' (wakil rakyat) di luar Parlimen yang tidak mengambil sikap berkecuali dalam masalah keperitan hidup rakyat.

"Anda berani kerana benar, anda berani untuk menjadi berani demi negara dan rakyat. Terima kasih 'YB'!" ujarnya.

## Jangan peralat agama untuk tutup kelemahan kerajaan

**KUALA LUMPUR:** Pemuda AMANAH Nasional mengingatkan Umno supaya tidak memanipulasi agama untuk menjawab isu kenaikan harga barang yang menjadi beban serta kemarahan rakyat negara ini.

Kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainudin dalam Perhimpunan Agung Umno di PWTC baru-baru ini bahawa "Allah menentukan harga barang" berdasarkan sepotong hadis dibuat bagi mengekang kemarahan rakyat terhadap kenaikan harga barang, kata Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil.

Hamzah ketika menggulung perbahasan memetik hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah, Dialah yang menetapkan harga, menyempit, meluaskan dan memberi rezeki. Sesungguhnya aku benar-benar

berharap untuk bertemu Allah dalam keadaan tidak ada seorang pun yang menuntut kepadaku berkenaan sesuatu kezaliman pada darah dan harta".

Hadis itu, kata Faiz menjelaskan tentang prinsip keadilan dan kewajipan membersihkan diri daripada kezaliman.

Menurut Faiz, keadaan ekonomi negara yang tidak memberangsangkan kini diakibatkan oleh tadbir urus kerajaan yang penuh pembaziran dan ketirisan menyebabkan kantung negara menjadi kering.

Sehubungan itu, kerajaan katanya terpaksa mengenakan pelbagai cukai regresif seperti GST yang telah menyebabkan kenaikan melambung harga barang.

Skandal korupsi institusi dana awam terutama 1MDB, tambah beliau menyebabkan kehilangan kepercayaan pelabur asing yang mendorong kejatuhan nilai ringgit

mengakibatkan harga barang menjadi mahal kerana kebanyakan barang diimport.

"Bukankah ini kezaliman kepada rakyat akibat kepincangan tadbir urus kerajaan BN?" soal beliau.

Faiz turut menyentuh kenaikan harga makanan pada kadar 26 peratus dengan kadar pengangguran meningkat 3.5 peratus menyebabkan kehidupan rakyat semakin terhimpit.

"Harga runcit minyak yang dijual tinggi ditetapkan kerajaan BN. Kekayaan negara dibolot kronikroni pemimpin negara tetapi rakyat pula dipaksa membayar hutang negara. Jadi, siapakah yang mengurus ekonomi negara, Najib atau Tuhan?" soal beliau.

Oleh itu beliau menasihati Hamzah agar meneliti lebih banyak dalil dan nas Alquran dan hadis yang memerintahkan kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

**EZKEMBARA**  
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**

**SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
APRIL 13 - 22 APR 2018	<b>3,150</b>	<b>2,840</b>
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	<b>2,990</b>	<b>2,680</b>

**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	<b>4,199</b>	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	<b>4,199</b>	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	<b>3,999</b>	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	<b>4,100</b>	-
AUTUMN OCTOBER	<b>4,100</b>	-

**PAKEJ JUMRAH**

**PAKEJ ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	<b>7,950</b>	<b>7,650</b>	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	<b>7,550</b>	<b>7,250</b>		
MAC 14 - 25 MAC 2018	<b>7,750</b>	<b>7,250</b>		

**PAKEJ RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	<b>7,150</b>	<b>6,800</b>	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
MAC 01 - 12 MAC 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	<b>6,890</b>	<b>6,590</b>		

**PAKEJ TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK <sup>2</sup>		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	<b>6,790</b>	<b>6,490</b>	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	<b>5,890</b>	<b>5,590</b>		

# Setelah tiga gelombang Najib berlalu

**DENGAN** Perhimpunan Agung Umno ke-71 (PAU) melabuhkan tirai Ahad lalu, maka berakhirilah 'gelombang ke-3' yang direncanakan kumpulan strategis parti Melayu terbesar di dunia itu.

Ya, PAU distratagikasikan pemikir parti sebagai 'Gelombang Ke-3' atau 'The Third Wave' yang seharusnya menyuntik semangat dan keghairahan pendukung tegar Umno bagi menyatakan kesediaan mereka untuk 'berperang' bersama Presidennya.

Pun begitu, Presiden Umno dan Pengerusi BN itu jelasnya belum bersedia. Tulisan ini akan memberitahu perihal mengapa Najib masih gugup dan gusar untuk membubar parlimen meskipun telah berlalu PAU.

Buat permulaan, semua yang berucap dalam 'galeri besar' tahunan itu bersaing serta berlumba bertempik buat menyatakan kesediaan untuk bertempur. Macam-macam slogan keramat dipinjam dari pasukan bolasepak England nampaknya. Itulah pasalnya, sebab itu sahaja yang mudah dan diketahui.

Yang penting, posisi Presiden dan Timbalannya selamat. Semua 5,739 anggota perwakilan dari 191 bahagian yang hadir sebulat suara meluluskan usul itu untuk tidak mencabar mereka.

Nak beri menang percuma atau tidak, atau mahu 'Bersatu- Always Be United' di belakang Presiden supaya beliau 'Never Walk Alone' dan sebagainya, itu hak parti dan ahli untuk tentukan.

Namun, yang tampak dek rakyat secara jelas adalah kegagalan PAU membangkitkan suara 'semak-imbang' dan suara 'muhasabah' yang sangat dihajati parti yang berusia 71 tahun itu. Ia langsung pupus, tidak kedengaran.

Lalu apa erti 'bersatu' dan 'mendukung' pimpinan? Atas dasar dan komitmen apa? Dengar dan taat begitu sahaja! Itu adalah ketaatan kepada pimpinan secara salah dan persis dasar 'Asobiyah' mengikut kalam Rasulullah yang ditakrif, "Kamu menyokong kaummu atas kezaliman dan kemungkaran".

Bukankah sebaliknya Rasulullah s.a.w. menganjurkan ketika pemimpin melakukan kezaliman dan kesalahan itu lalu harus 'unsur akhoka...' (bantu mereka). Bagaimana caranya? Dengan 'kamu perbetulkan kesalahan dan kemungkaran yang mereka lakukan'.

Maka inilah gamaknya yang dimaksudkan dengan asobiyah 'Mengekalkan Ketuanan Melayu' meskipun pemimpin terpalit atau sarat dengan rasuah, rompak, bolot, boros dan bazir. Sudah pupuslah suara-suara itu setelah mereka yang berani semuanya telah disingkir?

Itulah persepsi rakyat dan umat terhadap Umno buat yang berfikir dan peka dengan politik negara. Benar semua nak menang. Tetapi mereka mahu menyaksikan komitmen yang tinggi oleh parti dan kepimpinan terhadap nilai dan kejujuran perjuangan.

Ya, mesti bersedia mengakui kesilapan walau bagaimana besar sekalipun 'dosa'

dan kemungkaran yang dilakukan.

## Peluang keemasan

Sejujurnya, Najib terlepas peluang keemasannya untuk menyatakan beliau 'mungkin' silap dan pohon kemaafan dari semua ahli parti bahkan rakyat seluruhnya atas perihal skandal 1MDB!

Alahai... apabila berada dalam 'galeri besar' PAU, hilang kompas kewajaran dan kebijaksanaan. Kesombongan dan kegilaan untuk kekal berkuasa mengatasi segala-galanya. Lalu ditutup segala ruang 'penentangan' serta suara semak-imbang. Awal-awal lagi sudah menang percuma untuk kekalkan jawatan Presidennya itu!

Sekali lagi, Najib selaku Presiden Umno dan BN sangat gusar untuk membubar parlimen. Tidak nampak langsung riak atau isyarat yang beliau bersedia ke arah itu, walaupun sesekali retoriknya keras dan ganas. Beliau masih digaris dan titik yang sama. Terus mengira-mengira dan mencongak-congak.

Nah, mungkin ramai tertanya-tanya, kalau PAU adalah 'Gelombang Ke-3', maka apakah Gelombang Pertama dan Keduanya? Mudah-mudahan 'Gelombang Pertama' adalah lawatannya ke Amerika Syarikat berjumpa Presiden Donald Trump buat memperagakan kepada rakyat bahawa Najib tidak ada masalah dengan kuasa dunia tunggal itu dan Presiden Trump.

Gelombang Kedua adalah Pembentangan Bajet 2018 dan segala rasa sedap atau 'feel-good factor' yang mampu dicipta. Gelombang Ketiga adalah PAU yang baru berakhir.

## Menghadap Trump

Berjayakah Najib? Apa yang Najib dapat dari lawatan Amerika 'menghadap' Trump? Jawapannya ada di sisi rakyat hari ini. Rakyat tidak akan lupa pengakuan Najib kepada Presiden Trump untuk "membantu anda mengukuhkan ekonomi AS".

Masih terngiang-ngiang di telinga rakyat komitmen Najib untuk membeli 25 pesawat 737-MAX 10, lapan 787 Dreamliners dan kebarangkalian besar, bukan kemungkinan, yang kami akan menambah 24 (atau) 25 lagi 737-MAX 10 dalam masa terdekat. Seluruhnya bernilai melebihi AS\$10 bilion (RM41.9 bilion) mengikut Najib. Tidak cukup dengan itu Najib tambah berbilion lagi pelaburan dari KWSP dan Khazanah yang telah sedia ada di Amerika.

Dengan angkara mutakhir Trump mengiktiraf Jerusalem atau Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, secara 'unilateral', maka berkewajipan untuk Najib memberi apa jua tekanan yang termampu untuk menyatakan penentangan Malaysia. Mampukah Najib lakukan dan bagaimana cara terserah kepadanya. Rakyat sedang memerhatikan!

Pokoknya, itulah kesudahan Gelombang Kedua Najib dan para strategis parti! Seka-

Dengan angkara mutakhir Trump mengiktiraf Jerusalem atau Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, secara 'unilateral',

maka berkewajipan untuk Najib memberi apa jua tekanan yang termampu untuk menyatakan penentangan Malaysia. Mampukah Najib lakukan dan bagaimana cara terserah kepadanya. Rakyat sedang memerhatikan!

Pokoknya, itulah kesudahan Gelombang Kedua Najib dan para strategis parti! Sekarang Trump dan Amerika sudah menjadi liabiliti dan ancaman besar buat seluruh dunia...!

## Ibu segala bajet

Setelah Bajet 2018 diluluskan dan gegak-gempitanya mula reda, impak dan euforia keseronokan 'Ibu Segala Bajet' mula pudar dan hambar. Semuanya tidak dapat dirasakan lagi sebab ongkosnya belum ada lagi.

Yang jelasnya derita rakyat terus mengimpit rakyat. Pengakuan besar kegagalan Gelombang Kedua yakni Bajet 2018, dalam menangan 'Derita Rakyat' adalah ketika PAU membuat resolusi menubuhkan 'Majlis Tindakan Sara Hidup Negara!' Belanjawan Pakatan Harapan 2018 yang menekankan aspek menangan aspek kos sara hidup rakyat dipandang sepi bahkan dicemuh pimpinan Umno-BN.

Akibat cukai GST, penarikan balik subsidi dan penyusutan nilai ringgit, amat munasabah dapatan 'Survey Malaysia 2017: Mood of the Nation' mendapati 82% dari 4,468 responden bersetuju GST adalah faktor utama pencetus kos barangan dan sara hidup naik mencanak.

Dalam dapatan kajian yang dijalankan Jabatan Statistik pula, purata perbelanjaan isi rumah rakyat Malaysia: perumahan dan utiliti adalah 24%, makanan dan minuman sebanyak 18% dan pengangkutan ialah 13.7%. Kesemua ini mengalami kenaikan kos memuncak. Persiapan naik sekolah pula menambah derita rakyat.

Lalu setelah 3 Gelombang berlalu Najib masih tercah-cari tarikh keramatnya, kerana ada satu lagi senjata sulit yang mesti digunakannya. Apa? Persempadanan semula kawasan pilihan raya. Najib amat memerlukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan cadangan baru ini. Ini hampir 'saviour' atau talian hayatnya.

Setelah kalah bantahan dari pihak pembangkang dan Pakatan Harapan di Mahkamah baru-baru ini, Najib sangat mengharapkan 'konstituensi baru' yang diracik dan di'gerry-mandered' oleh SPR akan memberi kelebihan kepada BN. Beliau tidak akan membubarkan parlimen selagi persempadanan baru kawasan pilihan raya belum diluluskan parlimen.

## Lima agensi sulit

Walaupun sudah 3 Gelombang dijana para Strategis Umno, kesemua lima 'agensi sulit' yang menasihati Najib tidak lagi mengizinkan Najib membubar parlimen. Belum ada jaminan Najib akan menang.

Dengan hanya 43 'kerusi selamat' BN di Sabah dan Sarawak, dan 53 'kerusi selamat' dari 119 kerusi majoriti Melayu di Semenanjung dan 4 kerusi campuran, Najib hanya



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

ada 100 kerusi sahaja yang beliau agak selesa atau selamat.

Sementara PH mempunyai 50 'kerusi campuran yang selamat' di Semenanjung, 9 di Sabah dan Sarawak dan berpotensi menawan 47 kerusi dari 119 kerusi Melayu di atas. Ini menjadikan jumlah besar kerusi potensi PH ialah 106. Lebih menghampiri angka ajaib 112 atau 'First Past The Post'.

Amat munasabah menjangkakan Najib akan bermatian untuk mendapatkan persempadanan baru diluluskan kerana strateginya adalah memperkuatkan kerusi Melayu dengan pelbagai kaedah 'gerrymandering' yang disebutkan tadi.

Seperkara lagi, PAU juga agak euforia dan bergembira kerana menyangkakan seteru tradisinya Pas, sudah dapat dijinakkan dan tidak lagi akan menyerang Umno-BN. Justeru ada yang meramalkan BN akan menang besar dengan perlawanan tiga penjuru nanti. Umno keseronokan. Isu persaingan agama dan pertentangan kaum akan terus dimainkan BN. Amat kompleks PRU-14 kali ini.

Apakah pimpinan akar-umbi Pas akan mengizinkan Pas diperlakukan sedemikian oleh segelintir pimpinan tertinggi parti itu? Kerana Pas akan menerima padah yang paling buruk. Sama-sama rakyat saksikan 'political posturing' atau 'gelagat politik' Pas menjelang PRU14 nanti.

Buat PH, gandingan kepimpinan dua tokoh legendari Tun Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan suntikan keyakinan besar kepada rakyat seluruhnya.

Cakap-cakap tentang DAP dan Lim Kit Siang sudah dibakulsampahkan dek rakyat. PH semakin mantap selepas 'retreat' (pemukim) baru-baru ini. Pelbagai perancangan reform dan Islah telah diatur sebagai penyelamat rakyat dan negara, yang bakal didehkan dalam manifesto nanti.

Strategi kemenangan sudah dilakar. Perlaksanaan dan mobilisasi jentera perlu mantap dan berkesan.

Yang penting, rakyat lebih bersedia memberi peluang kepada PH dari mengulangi kesilapan yang sama dalam memilih BN. Ia adalah satu visi dan komitmen rencana "Kebangunan Semula Negara".

Semoga Sukses dan Barokah... Amin.

■ Penulis ialah Pengarah Strategi AMANAH Nasional.

# 1MDB lebih teruk berbanding urus niaga forex BNM

**K**UALA LUMPUR: Walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said menyifatkan 'tidak adil' membandingkan isu kerugian dialami Bank Negara Malaysia (BNM) akibat urus niaga mata wang asing (forex) berbanding dakwaan kerugian yang dialami 1MDB, perbandingan antara dua skandal kewangan ini boleh menjawab persoalan yang timbul.

Ini kerana walaupun kerugian forex yang dialami BNM didakwa berjumlah lebih RM30 bilion, ia adalah kerugian akibat keputusan urus niaga yang silap dan tidak mendatangkan keuntungan peribadi kepada mana-mana individu terlibat.

Berbanding skandal 1MDB yang kini menanggung hutang melebihi RM50 bilion, beberapa individu ternyata mengaut keuntungan daripada penyelewengan yang berlaku dalam syarikat pelaburan negara itu.

Malah Peguam Negara Amerika Sya-

rikat (AS) Jeff Sessions dilaporkan berkata hampir separuh hasil kutipan korupsi membabitkan 1MDB yang berjumlah US\$3.5 bilion (RM14.18 bilion) telah dirampas oleh AS.

Jeff Sessions turut menyifatkan pengsonglapan wang 1MDB adalah kleptokrasi paling teruk apabila pegawai 1MDB didakwa melakukan pengubahan wang haram lebih US\$4.5 bilion secara keseluruhan menerusi urus niaga haram yang kompleks.

Selain Amerika Syarikat, skandal berhubung urusniaga 1MDB juga disiasat di Switzerland, Singapura, Hong Kong, Luxembourg, UAE, Britain, Anustralia dan Thailand berbanding kerugian forex BNM yang hanya ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) setelah lebih 30 tahun ianya berlaku (1992-1994).

RCI kerugian Forex BNM juga tidak menyenaraikan individu yang mendapat keuntungan daripada urusniaga

tersebut sedangkan dalam kes 1MDB, Jabatan Kehakiman AS (DoJ) pada 5 Jun lalu mahu menyita aset berjumlah US\$540 juta (RM2.3 bilion) termasuk karya seni, barang kemas, kapal layar mewah dan hak cipta filem dengan dana yang didakwa diseleweng daripada 1MDB.

Antara aset itu termasuk hak cipta 2 filem komedi "Dumb and Dumber To" yang dibintangi Jim Carrey dan "Daddy's Home" lakonan Will Ferrell.

Tindakan itu susulan saman sivil DoJ pada Jun 2016 yang mahu mendapatkan kembali semua aset yang tidak terhad kepada Hotel Park Lane di New York, sebuah hotel mewah di Beverly Hills, kondominium di New York, jet persendirian dan karya seni mahal serta pembiayaan dikaitkan dengan filem arahan Martin Scorsese "The Wolf of Wall Street" lakonan Leonardo DiCaprio.

Kerugian akibat urusniaga forex BNM juga memaksa bekas penolong gabenor BNM yang akhirnya dilantik Timbalan

Pengerusi Khazanah Holdings di era pentadbiran Najib meletakkan jawatan; selepas mengakui bertanggung jawab penuh terhadap kerugian urusniaga itu di hadapan panel RCI sekaligus member-sihkan nama bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad.

Sedangkan skandal 1MDB berlaku ketika rakyat dibebani cukai barangan dan perkhidmatan (GST), kenaikan harga barang dan minyak, serta subsidi bagi barang keperluan harian dihapuskan pentadbiran Najib.

Najib selaku Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB sehingga tahun lepas menafikan sebarang salah laku dan namanya dibersihkan Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

## Benar tidur dalam lokap jaga peti undi disambut baik

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Saranan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membenarkan wakil calon parti-parti yang bertanding tidur di dalam lokap bagi menjaga peti undi disambut baik Invoke Malaysia.

Sehubungan itu pengasas Invoke, Rafizi Ramli akan menulis surat rasmi kepada Tan Sri Mohd Hashim untuk menyatakan minat Invoke menempatkan wakil-wakil calon bagi menjaga peti undi di balai polis walaupun mereka terpaksa bermalam di dalam lokap.

"Saya berharap SPR tidak menarik balik tawaran ini," katanya.

Rafizi mengulas kenyataan Mohd Hashim yang disiarkan akhbar Sinar Harian 6 Dis lalu bahawa "SPR tidak mempunyai halangan jika ada pihak yang mahu tidur bersama tong kertas undi dalam lokap".

Menurut Ahli Parlimen Pandan itu, para pengundi dari kalangan anggota

keselamatan akan membuang undi beberapa hari lebih awal (dirujuk sebagai pengundi awal) dan peti undi itu akan disimpan di balai polis sebelum dikeluarkan untuk dibawa bagi pengiraan pada hari pengundian.

"Sebelum ini, ada kerisauan munasabah bahawa proses menyimpan peti undi di balai polis selama beberapa hari tanpa ada wakil dari calon boleh membuka ruang kepada penipuan dan pelbagai manipulasi.

"Sebab itu, saya mengalu-alukan kesediaan SPR untuk mengubah prosedur bagi membenarkan wakil-wakil calon berada di balai polis sepanjang masa supaya peti-peti undi awal ini tidak dibuka, dipinda atau dimanipulasi.

"Memandangkan Invoke di bawah kelolaan saya memang sedang rancang melatih Ejen Tempat Mengundi/Ejen Mengira Undi (PACA) untuk ditempatkan di pusat-pusat mengundi di kerusi marginal di seluruh negara, saya akan

mula menyusun supaya ada sukarelawan Invoke yang menjadi PACA bertugas menjaga peti undi di dalam lokap sepanjang beberapa hari sebelum pengiraan berlaku," katanya.

Menurut Naib Presiden Keadilan itu, isu kebebasan SPR dalam mengendalikan PRU14 adalah perkara yang merisaukan banyak pihak.

Beberapa perkembangan terkini, jelas beliau termasuk pemindahan pengundi-pengundi yang didaftarkan pada satu alamat yang sama, atau pemindahan pengundi awal di kem tentera yang belum siap, menambahkan lagi kecenderungan rakyat bahawa perkara-perkara ini berlaku untuk memberi kelebihan kepada BN.

Beliau menambah, terdapat enam kerusi parlimen marginal yang keputusannya bakal ditentukan oleh anggota keselamatan yang akan mengundi secara undi awal iaitu Teluk Kemang, Lumut, Setiawangsa, Tambun, Merbok dan Segamat.

## Serang peribadi pemimpin PH tanda Umno terdesak

**KUALA LUMPUR:** Serangan peribadi yang dilemparkan para pemimpin dan perwakilan Umno dalam perhimpunan agung parti itu membuktikan parti tunjang BN itu sedang terdesak dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mengekalkan pengaruhnya.

Bagaimanapun pengarah komunikasi AMANAH Khalid Samad yakin para pemimpin Pakatan Harapan (PH) sudah lali dengan serangan-serangan bersifat peribadi dan jahat itu malah ianya tidak sedikitpun mampu mengubah komitmen pemimpin PH untuk membela rakyat dan menyelamatkan negara daripada kerakusan Umno-BN.

"Semua maklum bahawa pilihan raya

umum (PRU) ke-14 sudah semakin dekat dan Umno BN kini semakin terdesak.

"Mereka sanggup menggunakan apa sahaja cara bagi 'membunuh' PH yang merupakan ancaman utama kepada mereka untuk kekal berkuasa.

"Sudah tentu kebersamaan dan ketuhanan gabungan keempat-empat parti dalam PH sangat dicemburui dan digeruni oleh mereka," ujar Khalid.

Ketakutan Umno, kata Khalid dapat dilihat melalui serangan bertali arus kepada Pakatan Harapan termasuk semasa perhimpunan agung Umno (PAU) yang sedang berlangsung.

Ujar beliau, melalui satu ruang

pameran karikatur khas Umno menghentam pemimpin Pakatan Harapan, begitu juga melalui ucapan pemimpin-pemimpin mereka.

"Serangan bersifat peribadi dilakukan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tun Dr Mahathir Mohamad, Lim Kit Siang, Datuk Seri Dr Wan Azizah, Mohamad Sabu, Lim Guan Eng dan terbaharu ini, terhadap Datuk Seri Mohamad Azmin Ali.

Khalid juga yakin ramai lagi pemimpin PH akan menjadi mangsa serangan politik Umno-BN selepas ini.

Bagaimanapun tegas beliau, PH yakin rakyat sangat bijak untuk menilai di sebalik apa yang berlaku.

## Dokumen pengenalan selain KP buka ruang penipuan

**KUALA LUMPUR:** Keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan penggunaan dokumen pengenalan diri selain kad pengenalan dan passport antarabangsa dalam proses pengundian dikhuatiri akan membuka ruang kepada penipuan.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berkata tindakan membenarkan resit pengenalan sementara, lesen memandu dan kad kuasa yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dijadikan dokumen pengenalan diri bagi menggantikan kad pengenalan adalah berisiko tinggi kerana dokumen pengenalan palsu dalam bentuk resit pengenalan sementara, lesen memandu dan kad kuasa akan digunakan secara berleluasa.

Menurut beliau, peraturan baru ini dinyatakan sendiri oleh SPR seperti yang ditaklmatkan kepada orang ramai.

Untuk mengelakkan kekecohan pada hari pengundian, beliau menyarankan SPR membatalkan peraturan yang memberi kelonggaran kepada dokumen-dokumen pengenalan lain dan hanya menerima kad pengenalan dan passport antarabangsa.

"Saya akan menulis kepada SPR secara rasmi dan akan diedarkan kepada rakyat agar perkara ini diketahui umum.

"Saya juga akan bekerjasama dengan JK Kebebasan Pilihanraya PH yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, mantan Pengerusi SPR dan kini Naib Presiden PPBM untuk memastikan SPR tidak menukar peraturan pilihan raya dengan sewenang-wenangnya yang menjejaskan ketelusan dan kebebasan PRU14," tegas beliau.

# Najib patut nasihati Trump

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu menggunakan hubungan baiknya sebagai rakan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump untuk menasihati pemimpin tersebut supaya menarik balik cadangan memindahkan kedutaan Amerika Syarikat dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, AMANAH turut menggesa pentadbiran Najib menyatakan bantahan keras terhadap

cadangan Trump itu.

“Datuk Seri Najib sering mengumumkan hubungan baik dan istimewa beliau dengan Donald Trump. Jika benar hubungan tersebut begitu baik, beliau patut menggunakan hubungan istimewa tersebut untuk mempengaruhi polisi Trump,” katanya.

Bagaimanapun beliau kesal kerana Najib tidak menggunakan kelebihannya itu malah hanya membisu apabila Trump bertindak menghalang rakyat beberapa negara umat

Islam daripada memasuki Amerika Syarikat sehinggalah hasrat beliau untuk memindahkan Kedutaan Amerika Syarikat ke Baitulmaqdis.

Raja Bahrin kesal kerana Najib lebih memelihara hubungan peribadi beliau dengan Trump daripada menggunakannya untuk kepentingan umum umat Islam.

“Ini adalah sikap mementingkan diri dan bukan sikap seorang pemimpin Islam yang berjuang dan berkorban untuk umat Islam

sedunia. Adakah ini sikap seorang pemimpin yang boleh kita banggakan untuk membela Islam?” ujarnya dalam satu kenyataan.

Menurut Raja Bahrin, sejak Trump dilantik presiden Amerika, beliau tidak berperanan menjadi pendamai ketegangan dan persengketaan di rantau Timur Tengah dan Asia terutamanya di Korea.

“Hak orang Islam sedunia tercabar dan maruah kami tercalar teruk... Baitulmaqdis adalah isu penting dalam rangka menyelesaikan isu rakyat Palestin,” katanya.

## Bantahan rasmi Malaysia dianggap lemah

**KENYATAAN** rasmi Wisma Putra yang mahu Amerika Syarikat (AS) menilai semula keputusan untuk mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel dianggap sebagai ‘satu desakan yang lemah’.

Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tindakan Presiden Donald Trump mengemukakan pemindahan kedutaan Amerika Syarikat dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis sekaligus mengiktiraf kota suci umat Islam itu sebagai ibu kota Israel adalah satu tindakan yang amat terkutuk.

“Kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra meminta Amerika Syarikat menimbang semula keputusannya berhubung

kedudukan Baitulmaqdis adalah amat lemah.

“Saya menyokong penuh gesaan Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail agar Yang Dipertua Dewan Rakyat memanggil satu sidang Parlimen tergeper untuk membahaskan usul mengecam tindakan Amerika Syarikat,” ujarnya.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Pakatan Harapan berkata, keputusan AS itu menunjukkan sikap berat sebelah negara kuasa besar itu dalam rundingan damai Palestin-Israel dan akan menggagalkan sebarang usaha perdamaian antara kedua-dua pihak.

“Lebih dari itu, tindakan ini juga

telah menimbulkan kemarahan bukan sahaja dalam kalangan rakyat Palestin malah umat Islam di seluruh dunia.

“Tindakan ini pastinya akan menambah ketidakstabilan di rantau Timur Tengah yang sedang bergolok dan terus menjadi ancaman keselamatan di rantau itu,” tegasnya.

Menurut beliau, tatkala dunia sedang memerangi ancaman keganasan, tindakan pentadbiran AS mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel tanpa mengemukakan sebarang penyelesaian terhadap penderitaan rakyat Palestin umpama menyimbah minyak ke atas api yang sedang menyala.

Justeru beliau mendesak Kerajaan Malaysia mengecam keras tindakan pentadbiran AS serta menggesa negara itu menghormati wilayah Palestin sebelum 1967.

Sebelum ini, Dr Wan Azizah menggesa pentadbiran Najib mengecam keputusan Donald Trump untuk memindahkan kedutaannya dari Baitulmaqdis ke Tel Aviv dan mahu pentadbiran Trump segera dihubungi bagi merekodkan kecaman Malaysia terhadap langkah tersebut.

Selain itu beliau turut mendesak sidang parlimen tergeper diadakan untuk membahaskan usul khas mengecam tindakan AS itu.

Tindakan mengiktiraf Baitul-

maqdis sebagai ibu negara Israel serta mewujudkan atau memindahkan perwakilan diplomatik ke bandar itu dianggap sebagai pencerobohan bukan sahaja terhadap Arab dan umat Islam, tetapi juga melanggar hak umat Islam serta penganut Kristian.

Ia juga melanggar hak kewarganegaraan penduduk Palestin, termasuk hak mereka untuk menentukan sendiri masa depan dan pelanggaran undang-undang antarabangsa termasuk resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) No. 252 (1968), 267 (1969), 465, 476 dan 478 (1980) dan terkini, Resolusi 2334 (2016).

## Tindakan Trump lebih lebarkan keganasan

**TUN** Mahathir Mohamad yakin konflik Palestin-Israel tidak akan menemui jalan damai malah keganasan akan lebih banyak tercetus ekoran keputusan Amerika Syarikat (AS) memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Bekas perdana menteri itu berkata, AS di bawah pemerintahan Presiden George W Bush (2001-2009) dan Presiden Bill Clinton (1993-2001) pernah bercadang untuk memindahkan ibu kota Israel ke Baitulmaqdis, namun cadangan itu tidak dilaksanakan kerana mereka sedar akan mendapat bantahan dunia Islam sekaligus menggagalkan proses damai Timur Tengah.

Beliau yakin tindakan Trump mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel akan mengapi-apikan keadaan runcing di Timur Tengah, menjadikan proses

perdamaian antara Israel-Palestin terbantut dan keganasan lebih banyak tercetus.

“Trump sengaja api-apikan keadaan di Timur Tengah menjadikan proses perdamaian Israel dan Palestin tidak dapat diteruskan dan ini sudah tentu membangkitkan kemarahan orang Islam terhadap tindakan ini.

“Ia akan membakar hati ramai orang Islam dan saya percaya lebih banyak keganasan berlaku di merata dunia.

“Penganas tidak ada cara lagi selain menganas kerana mereka tidak mempunyai pasukan tentera (laut, darat dan udara),” katanya.

Pengerusi PPBM itu berkata, tindakan ganas dilakukan kerana segelintir umat Islam yakin itu cara terbaik untuk menentang AS.

## DAP kecam Trump iktiraf Baitulmaqdis ibu negara Israel

**KETUA** Menteri Pulau Pinang dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mengecam sekeras-kerasnya pengumuman Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Tegasnya, kenyataan yang dibuat Trump itu jelas bertentangan dengan undang-undang antarabangsa dan resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

“Tindakan Donald Trump itu harus dikecam oleh semua pihak yang mahukan keamanan.

“(Dan) saya berharap Perdana Menteri boleh sampaikan keresahan dan kemarahan rakyat Malaysia

berhubung tindakan Donald Trump itu,” ujarnya pada sidang media di Georgetown, 7 Dis lalu.

Guan Eng dalam pada itu turut berharap AS dapat menarik balik pengisytiharan itu.

“Kenyataan Donald Trump bukan sahaja akan menimbulkan ketegangan, malah juga mungkin boleh menyebabkan satu lagi peperangan dan ini pastinya tidak membantu (usaha) membanteras ancaman pengganas.

“Oleh itu sebagai Ketua Menteri Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dan Setiausaha Agung DAP, saya mengecam sekeras-kerasnya pengumuman yang dibuat oleh pemimpin itu,” ujarnya.

## Tindakan Trump biadab, cabuli hak rakyat Palestin

**LANGKAH** Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mengisytiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel adalah satu tindakan biadab dan mencabul hak warga Palestin, kata Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

Exco Penerangan dan Penyelidikan PKPIM Ahmad Farhan Rosli berkata, pengisytiharan itu suatu penghinaan buat masyarakat Palestin dan umat Islam sedunia.

“Harapan masyarakat Palestin bagi mengembalikan hak Baitulmaqdis sebagai kota utama mereka diragut dengan tindakan Trump.

“Tindakan kurang ajar Trump juga akan menggugat kestabilan dan tahap keselamatan di Timur Tengah.

“Ketegangan dijangka terus memuncak dan dibimbangi membuka ruang kepada Israel untuk berterusan menggunakan kekerasan bersenjata ke atas penduduk awam Palestin,” ujarnya.

Pengumuman Trump itu, kata beliau bakal merencatkan usaha perdamaian yang sedang dijalankan antara pihak Fatah-Hamas dan Israel.

“Usaha ke arah pembentukan ‘dua negara’ dilihat makin sukar dilaksanakan,” ujarnya dalam satu kenyataan.

PKPIM turut bimbang mengenai kedudukan Masjidil Aqsa di Baitulmaqdis sebagai tanah suci ketiga umat Islam.

“Usaha ini dilihat sebagai langkah tersirat Zionis Israel bagi meneruskan sekatan, limitasi akses dan proses pengyahudian ke atas Baitulmaqdis.

“Seluruh pemimpin negara Islam digesa menyahut seruan Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan sebagai Pengerusi OIC bagi menggerakkan tekanan ke atas Israel dan sekutu mereka, Amerika Syarikat,” ujarnya.

# Pemuda PH lancar kempen **Turun-Turun**

Foto WAN ZAHARI SALLEH

**K**UALA LUMPUR: Pemuda Pakatan Harapan (PH) akan menggerakkan kempen 'Turun Harga Minyak, Turun Najib' atau singkatannya "Turun-Turun" bertujuan memobilisasi rakyat ke perhimpunan yang dirancang pada malam tahun baru.

Perhimpunan tahun baru pada 31 Dis itu akan bermula di pusat membeli belah Sogo pada jam 11 malam dan berakhir di Dataran Merdeka.

Dalam satu sidang media Gerakan Turun Harga Minyak, Turun Najib (Turun Turun), Ketua Pemuda PH Nik Nadzmi Ahmad menyasarkan penyertaan lebih 5000 orang peserta dengan penglibatan anak muda daripada pelbagai latar belakang.

Justeru pihaknya menjemput seluruh warga yang cintakan negara untuk sama-sama hadir ke perhimpunan aman itu.

"Kita akan mula berkumpul di Sogo dan akan berjalan menuju ke Dataran Merdeka untuk menyambut kedatangan tahun baru 2018 di sana," katanya.

Menurut Nik Nadzmi, ketidaktentuan harga minyak yang diumumkan setiap Rabu menyebabkan rayat sukar untuk mengurus perbelanjaan bulanan.

"Malah apabila harga minyak naik selama 5 minggu berturut-turut sehingga RON95



Pemuda PH menggerakkan kempen Turun-Turun mendesak minyak dan Najib turun.

mencatatkan harga tertinggi RM2.38 pada minggu ketiga Nov 2017, rakyat berdepan dengan saat sukar untuk menguruskan beban kewangan harian.

"Lebih menghairankan keadaan ini berlaku dalam keadaan Malaysia merupakan negara pengeluar minyak yang sepatutnya menjana lebih keuntungan apabila harga minyak dunia berada di paras tinggi.

"Keuntungan ini sepatutnya boleh disalurkan sebagai dana untuk mengawal harga minyak tempatan supaya tidak membebankan rakyat," tegasnya.

Menurut beliau, rakyat pernah merasai harga minyak yang stabil hasil daripada subsidi minyak yang diperuntukkan kerajaan dan ia menjadi mekanisme untuk mengawal harga minyak pada kadar yang tidak membebankan rakyat.

"Kami menolak sebarang idea yang mengatakan pemberian subsidi akan menambahkan beban kewangan negara.

"Negara tidak akan rugi dengan pemberian subsidi tetapi negara akan rugi dengan perbelanjaan wang negara secara boros yang sering dilaporkan dalam Laporan

Ketua Audit Negara," jelas beliau.

Turut sama dalam sidang media di ibu negara 7 Dis lalu ialah Naib Ketua Pemuda AMANAH Shazni Munir Mohd Ithnin, Penolong Setiausaha DAP Wanita Kebangsaan Young Shefura Othman, Exco Pemuda PPBM Pusat Asyraf Munir, Timbalan Pengerusi Kanun AMANAH Wan Anwar Wan Ibrahim, aktivis pelajar Anis Syafiqah Md Yusof dan wakil gerakan pelajar.

Tambah Nik Nadzmi, selain dua tema utama iaitu Turun Harga Minyak dan Turun Najib, Turun-Turun juga mengangkat dua tema lain yang menjadi kehendak anak muda Malaysia iaitu Turun Harga Barang dan Turun Kos Sara Hidup.

Bagi memastikan kejayaan kempen Turun-Turun, Gerakan Turun-Turun tambah beliau telah menyusun beberapa aktiviti 'pemanas badan' bermula 8 Dis dengan mengedarkan risalah di Masjid Negara selepas solat Jumaat.

"Kami juga akan mengadakan prahimpunan sebanyak dua kali iaitu pada Sabtu, 16 dan 23 Dis bertempat di Sogo pada jam 3.30 petang. Oleh itu orang ramai khususnya anak muda dijemput untuk menyertai aktiviti-aktiviti ini.

"Ayuh anak muda, kita sambut tahun baru dengan laungan 'Turun-Turun'. Turun Harga Minyak, Turun Najib," tegas beliau.

## PH Perak cadang subsidi tambang bas sekolah

**IPOH:** Pakatan Harapan (PH) Perak mencadangkan kerajaan menanggung peningkatan kadar tambang bas sekolah yang dijangka dinaikkan antara RM10 hingga RM20 pada sesi persekolahan baru tahun hadapan.

Ketua Sekretariatnya V Sivakumar berkata, jika tambang bas sekolah meningkat ia akan membebankan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah yang amat bergantung kepada perkhidmatan itu.

"Kerajaan harus campur tangan dan menyelesaikan masalah ini dengan segera. Keprihatinan kerajaan dalam isu ini dinanti-nanti oleh golongan yang memerlukan.

"Saya mencadangkan supaya kerajaan menanggung kos peningkatan tambang bas sekolah ini dengan memberi subsidi. Setiap murid yang menggunakan khidmat bas sekolah perlu diberi subsidi sekurang-kurangnya RM20 seorang.

"Pemberian subsidi secara bersasar ini akan membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana," ujarnya dalam satu kenyataan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Batu Gajah berkata, kos sara hidup rakyat semakin meningkat dengan kenaikan harga barangan sedangkan pendapatan rakyat tidak berubah.

"Pendapatan boleh guna sebenarnya jatuh kerana penurunan nilai ringgit. Ramai juga telah hilang pekerjaan kerana penutu-

pan kilang dan perniagaan.

"Dalam keadaan yang tertekan ini satu lagi berita buruk untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana apabila tambang bas sekolah pula akan dinaikkan pada bulan Januari 2018," katanya.

Pada masa ini tambang bas sekolah di kawasan bandar adalah di antara RM80 hingga RM120 bagi seorang murid.

Di kawasan luar bandar pula tambang bas sekolah adalah dalam lingkungan RM60 hingga RM80 bagi seorang murid.

"Tambang bas sekolah ini adalah besar bagi golongan miskin. Jika tiga orang anak menaiki bas sekolah, belanja yang perlu ditanggung oleh ibu bapa adalah lebih kurang RM240 hingga RM300 sebulan," ujar Sivakumar.

Kenaikan kadar tambang ini, ujarnya didorong oleh kenaikan harga minyak juga kenaikan harga barang gantian (spare parts) akibat penurunan nilai ringgit.

Baru-baru ini, presiden Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Mohd Rofik Mohd Yusof berkata, pihaknya menjangka kenaikan tambang bas sekolah pada kadar RM10 bagi kawasan luar bandar dan RM20 bagi kawasan bandar bagi tahun hadapan.

Kenaikan itu, katanya tidak dapat dielakkan ekoran pelbagai kos yang ditanggung pengusaha bas sekolah termasuk alat ganti yang naik 50 hingga 80 peratus setiap tahun selain kos penyelenggaraan.

## Generasi muda terpaksa bayar hutang 1MDB

**KUALA LUMPUR:** Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Mahathir Mohamad menyifatkan golongan muda di negara ini menjadi mangsa kepada skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menyaksikan kehilangan wang sebanyak RM42 bilion.

Menurut beliau, wang tersebut hilang akibat gejala kleptomania memabitkan Malaysian Official 1 (MO1) dan Riza Aziz iaitu anak tiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Low Taek Jho atau Jho Low.

"Duit yang hilang ini akan dibayar oleh anak muda. Duit itu hilang kerana MO1, tidak tahulah siapa dia, Jhow Low, Riza Aziz dan lain-lain juga.

"Mereka ini didapati membersihkan duit yang dicuri. Kalau curi RM100, RM200 simpan dalam poket, belanja makan habislah.

"Kalau dah curi sebanyak RM1 bilion, bawah TV tidak boleh simpan kena cari tempat nak simpan dan bersihkan. Tempatnya ialah dengan membawa duit itu ke Amerika Syarikat membeli dolar Amerika dan pelbagai benda," ujarnya dalam forum 'Anak Muda Cari Jho Low', dekat sini, 6 Dis lalu.

Tun Mahathir berkata, individu yang suka mencuri dipanggil kleptomaniac

manakala negara yang pemimpinnya suka mencuri dipanggil kleptokrasi.

Mengakui tertarik dengan program itu kerana dianjurkan oleh anak muda, Tun Mahathir berkata, golongan muda menjadi mangsa untuk membayar hutang akibat kleptokrasi itu dengan dikenakan lebih banyak cukai.

"Amerika marah sangat pasal bawa duit itu ke Amerika lepas itu nak bersihkan duit itu, guna bank Amerika, beli barang di Amerika, tipu di Amerika.

"Bukan kerana kecurian itu sahaja tetapi percubaan untuk membersihkan wang itu yang menjadi kesalahan di Amerika.

"Di Malaysia kesalahannya duit itu dicuri. Duit siapa? Duit 1MDB. Dari mana datang? 1MDB hutang dijamin oleh kerajaan. Kalau tidak boleh bayar hutang, kerajaanlah (bayar)," jelasnya.

Bagaimanapun jika kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar hutang, pelbagai bentuk cukai akan diperkenalkan dan ini katanya pasti membebankan generasi muda.

Sehubungan itu, beliau berpendapat tidak mustahil kadar cukai GST akan dinaikkan walaupun sebelum ini negara boleh dimajukan tanpa cukai enam peratus itu.

# Makan malam dana PH hadapi 'ibu segala pilihan'



Ada sesuatu diperkatakan Tun Mahathir kepada Husam.



Ustaz Hasanuddin menyambut ketibaan Tun Mahathir.



Saifuddin Nasution (kiri) mempengerusi bual bicara.



Pemimpin AMANAH Kelantan mengikuti program bual bicara.



Pengerusi AMANAH Kelantan Wan Abdul Rahim Abdul Wahid memberikan ucapan aluan.



Seorang hadirin mengemukakan pertanyaan.



Dari kiri Ir Izham, Dr Hasan dan Mohd Anuar antara pemimpin AMANAH Nasional yang hadir.



Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengikuti program bual bicara.



# Kelantan untuk 'an raya'



Husam mengikuti teliti butiran ucapan Tun Mahathir.



Pentas 'hard talk' menampilkan Tun Mahathir dan Husam.



antant Datuk Saifuddin Nasution telah mem-



at hadir



Lelongan potret pertemuan Tuan Guru Nik Aziz dan Karpal Singh.

Laporan NAZRI ABDULLAH | Foto WAN ZAHARI SALLEH

**B**ANGGI: Kesepaduan Pakatan Harapan (PH) yang menggabungkan empat parti - DAP, Keadilan, AMANAH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) - ketika ini dalam keadaan paling ampuh untuk berhadapan dengan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Menzahirkan keyakinan itu, Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kesepaduan yang ada hari ini adalah terbaik dalam sejarah pakatan pembangkang dan membuatkan Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak 'tidak senang duduk'.

Hakikat itu turut diakui Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa bahawa PH yang dipimpin para pemimpin politik berpengalaman lebih teguh dan tersusun berbanding Pakatan Rakyat sebelum ini.

Kesemua ini diungkapkan pada dialog bersama dua tokoh politik itu yang dipengerusikan Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution sempena program Kutipan Dana dan Dialog Pakatan Harapan Kelantan yang berlangsung dekat sini, 9 Dis lalu.

Turut hadir pada program itu para pemimpin AMANAH Nasional antaranya Naib Presiden Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dan Ustaz Hasan Bahrom, Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir, Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim serta para pemimpin AMANAH Serdang dan PPBM.

Pada majlis itu turut diadakan lelongan karikatur potret tokoh-tokoh pimpinan pembangkang seperti Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Karpal Singh, Mohamad Sabu, Tun Mahathir dan Husam sendiri bagi tabung pilihan raya PH Kelantan.

# Pas resah AMANAH Kelantan terus melangkah

**K**eresahan Pas terhadap AMANAH di Kelantan dilihat semakin ketara apabila nama Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan disebut-sebut akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Panchor.

Kubu yang disandang Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Abdullah itu diyakini Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa akan berjaya dibolosi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Beliau bahkan yakin dengan pemilihan Hazmi yang dikenali sebagai Jeming untuk bertanding di kerusi itu sekali gus menyebabkan pemimpin Pas semua peringkat bertambah melatah.

Menurut Husam yang juga Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan, pengaruh ayah Hazmi yang aktif dalam Pas sebelum ini banyak



membantu sokongan undi kepada AMANAH.

"Ayah saudara Jeming adalah bekas Setiausaha Pas Kawasan Pengkalan Chepa, bekas pegawai khas kepada Tok Guru (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat), cikgu Hassan belum isytihar

masuk AMANAH.

"Tetapi kalau Jeming jadi calon Pakatan Harapan di Panchor, saya yakin cikgu Hassan boleh menggunakan pengaruh beliau di Panchor," ujarnya seperti dipetik.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13

(PRU-13), Amar yang mempertahankan Dun Panchor sejak 2004 memperoleh majoriti 5,036 undi selepas menentang calon BN, Che Rosli Hassan.

Sementara itu, Ketua Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama Angkatan Muda Keadilan (AMK), Ustaz Wan Ji Wan Hussin berpendapat Pas sama ada di peringkat pusat dan negeri tidak wajar menyerang Hazmi.

"Dari sudut kedudukan Pas, Nik Amar setahap tertinggi dalam pemimpin Pusat; di peringkat negeri pula orang nombor dua dalam kerajaan.

"Walaupun kita tahu, Jeming Hasan ini rajin dan banyak idea gila-gila untuk menggerakkan parti AMANAH, beliau tidak wajar digeruni oleh Pas, jauh sekali untuk diserang," ujarnya dalam satu kenyataan.

Hazmi sebelum ini menerima beberapa ugutan secara terbuka

di media sosial termasuk ancaman tembak yang dipercayai daripada penyokong tegar Pas ekoran tulisannya yang mengangkat kepimpinan Tuan Guru Nik Aziz.

Beliau sebelum itu dikenali terhadapan dalam misi bantuan mangsa banjir di Kelantan selain mendedahkan kepincangan pentadbiran kerajaan negeri Pas antaranya seperti isu Pasar Besar Pasir Puteh dan Lebu Raya Rakyat.

Pas yang menerajui kerajaan negeri Kelantan sejak 27 tahun lalu menyaksikan kehilangan sebahagian besar pemimpin dan ahlinya yang bertindak keluar menyertai AMANAH atau PKR ekoran perpecahan rasmi selepas muktamar 2015.

Pecahan 45 Dun di Kelantan menyaksikan Pas memiliki 31 kerusi, Umno (12) manakala AMANAH dan PKR masing-masing satu kerusi.

## Pemuda AMANAH santuni pengundi

**G**erak Gempur Pemuda AMANAH Nasional Dewan Undangan Negeri (DUN) N15 Taman Templer, Selangor pada 9 dan 10 Disember lalu menyaksikan penerimaan masyarakat setempat terhadap AMANAH.

Menurut Timbalan Ketua AMANAH Selayang, Wan Anwar Wan Ibrahim merangkap Penyelaras Pusat Peduli Rakyat (PPR), program dimulakan dengan edaran risalah parti di Pasar Malam Kampung Selayang Indah.

Selepas bersolat jemaah, kuliah Subuh dan sarapan bersama jemaah Masjid at-Tayyibin, Taman Bidara pada keesokan harinya, program diteruskan di Pasar Pagi Cina Selayang

Jaya dan Pasar Pagi Selayang Baru.

Turut peduli pada masalah rakyat setempat, beliau dan kumpulan gerak gempur tersebut meninjau masalah air bertakung di longkang dan sungai di Kampung Selayang Baru.

"Kita doakan agar usaha kita akan memenangkan Pakatan Harapan di DUN Taman Templer khususnya dan Parlimen Selayang umumnya," kata Wan Anwar.

Selain kerjasama Pemuda AMANAH di peringkat nasional, negeri dan kawasan, KeADILan Cabang Selayang turut menyertai program berkenaan dengan kehadiran Ahli Parlimen Selayang, William Leong.



Bersama anak muda antara pemain futsal di Sungai Tua.



Bertemu pengunjung di Pasar Pagi Cina Selayang Jaya.



Wan Anwar berucap di Pasar Pagi Selayang Baru sebelum mengedar risalah.

# Siswa B40: 'Beli motor pun tidak mampu'

Kelolaan **ARIF ATAN**

**P**emberian pas pengangkutan awam adalah lebih baik berbanding cadangan subsidi minyak untuk penuntut bagi motosikal bawah 150cc, kata bekas aktivis mahasiswa Rahman Imuda.

Menurutnya, langkah tersebut lebih praktikal bahkan memberi manfaat kepada semua mahasiswa lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri digelar Bapa Pengangkutan Awam.

"Mahasiswa susah, nak beli motor pun tak mampu. Untuk mahasiswa susah; ia adalah yuran universiti, sewa rumah, makanan dan transportasi.

"Kalau kita ingin membantu mahasiswa yang memerlukan, kita harus melihat pada bahagian apa mereka akan menghabiskan duit," katanya dipetik dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas cadangan wakil mahasiswa nasional, Ammar Adnan ketika berucap di Persidangan Agung Umno baru-baru ini.

Ammar yang juga penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut



mencadangkan penukaran PTPTN kepada biasiswa bagi mahasiswa daripada golongan menengah (M40) yang memperoleh ijazah kelas kedua tertinggi.

Mengulas saranan kedua tersebut, Rahman berkata, nasib golongan 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah (B40) memerlukan lebih perhatian.

"Kalau M40 dihalalkan PTPTN dengan ijazah kelas dua tinggi, B40 perlu halal dengan syarat yang lebih rendah.

"B40 lagi perlu dikeluarkan daripada kemiskinan, dan hutang pendidikan akan menekan graduan yang

sememangnya sudah susah," jelasnya.

Sehubungan itu, Rahman menegaskan pentingnya kaedah yuran mengikut

pendapatan keluarga dilaksanakan kerana dilihat lebih adil kepada semua segmen masyarakat.



## Permohonan aliran sains merosot

**JUMLAH** permohonan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi memasuki aliran sains menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merosot sejak 2013.

Trend penurunan permohonan aliran sains ke universiti awam (UA), politeknik dan kolej komuniti itu menyaksikan penurunan sehingga 21 peratus bagi lepasan SPM dan 10 peratus bagi pemegang STPM sepanjang tempoh tersebut.

Pada 2013, sebanyak 105,000 permohonan lepasan SPM ke aliran sains diterima oleh KPT berbanding hanya 83,000 pada tahun ini manakala bagi tahun sama juga cuma 26,000 pemohon lepasan STPM diterima berbeza dengan 29,000 permohonan pada empat tahun lalu.

Jumlah permohonan melalui Unit Pengambilan Universiti atau UPUONLINE yang semakin mengecil itu didedahkan Pengarah Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT, Mazula Sabudin baru-baru ini.

Menurutnya, tahun ini sahaja menyaksikan KPT kekurangan 1,200 pelajar untuk mengisi program ijazah sarjana muda dalam bidang sains yang ditawarkan di 20 UA untuk lepasan STPM.

Mengulas pola kemerosotan pemohon aliran sains di pengajian tinggi itu, beliau dipetik berkata, negara mengalami kerugian jika peluang pengajian itu tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Mengakui situasi tersebut sebagai membimbangkan, Mazula berkata, bilangan pelajar aliran sains di sekolah yang berkurangan antara punca yang menyumbang penurunan tersebut

## PTPTN buat potongan gaji mandatori

**LAMAN** Facebook Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dilihat turut menjadi luahan rasa tidak puas hati sebahagian peminjam ekoran potongan gaji mandatori.

Seorang peminjam pada 10 Disember lalu mendakwa PTPTN telah memotong gajinya dengan jumlah difahamkan melebihi RM200 tanpa sebarang notis.

Situasi itu juga diakui pengguna Facebook, Nurhida Arfah apabila memberitahu gaji bersihnya hanya tinggal RM400 apabila PTPTN memotong hampir RM400.

Bagaimanapun, PTPTN dalam reaksinya menyatakan kes terbabit mungkin berkaitan dengan tindakan potongan gaji mandatori yang dikuatkuasakan terhadap semua penjawat



awam dan swasta.

Langkah tersebut dikatakan bagi memastikan peminjam membuat bayaran mengikut jadual untuk mengelakkan tunggakan serta disenaraikan dalam rekod CCRIS.

Sementara itu, Zack Chik memberitahu hasratnya untuk berunding dengan PTPTN mengenai kaedah pembayaran secara ansuran luntur apabila diminta terlebih dahulu melunaskan separuh daripada jumlah pinjaman.

"Patutlah ramai yang disenaraihitamkan. Memang silap peminjam tidak melunaskan (hutang) dari dulu tapi tidak semua orang mampu bayar bila habis belajar," jelasnya.

Pada masa sama, terdapat juga dakwaan bahawa banyak cawangan PTPTN menolak rayuan potongan 50 peratus bayaran tunggakan.

"Kasihannya pada pelajar. Sudahlah nak bayar pinjaman, belum apa-apa dah kena amaran," kata Nur Azlinda Zakaria.

## Penyelidikan teori diperlahankan

**K**ementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bercadang untuk tidak lagi menumpukan penyelidikan berasaskan teori sebaliknya fokus kepada penyelidikan dengan pihak swasta.

Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Noorul Ainur Mohd. Nur dipetik berkata, universiti perlu memanfaatkan sepenuhnya sumber-sumber yang boleh mendatangkan pendapatan melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti.

Menurutnya, kementerian mahu supaya lebih banyak penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat diberi keutamaan berbanding kajian berkaitan ilmu-ilmu asas (fundamental).

"Kita akan cuba memperlahankan penyelidikan yang berasaskan teori, sebaliknya akan memberi tumpuan kepada penyelidikan yang menyumbang kepada masyarakat melalui Program Jaringan Penyelidikan Swasta-Awam (PPRN)," jelasnya.

Mengulas tentang langkah memperkukuh ekosistem keusahawanan di universiti, beliau berkata, KPT menyasarkan lima peratus pelajar pusat pengajian tinggi memilih bidang tersebut sebagai kerjaya sejurus menamatkan pengajian.

Bahkan, pihaknya mahu sekurang-kurangnya 15 peratus pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan ketika masih mengikuti pengajian di universiti.

Sejak 2010 lagi, kerajaan menekankan aspek keusahawanan sebagai kerjaya dalam kalangan mahasiswa pada ketika peluang pekerjaan semakin terhad selain kadar gaji bagi yang bergraduan yang tidak banyak meningkat.

Pentadbiran universiti awam juga pada masa sama dilihat tertekan untuk mencari dana ekoran keputusan kerajaan memotong peruntukan seperti diumumkan dalam pembentangan belanjawan tahunan sejak beberapa tahun lalu.

# Bolehkah AMANAH diamanahkan Islam di negara ini?

"MASIHKAH Islam boleh diamanahkan kepada Pas?" – itulah judul tulisan saya dalam akhbar online 'The Malaysian Insider' pada 3 Jun 2015. Judulnya sahaja pun sudah jelas menceritakan apakah isi kandungannya. Mempersoalkan kredibiliti atau 'boleh-dipercayai-atau-tidak-nya' parti politik tersebut sebagai parti politik yang memperjuangkan Islam di negara ini.

Tulisan itu terbit saat parti itu sedang mengadakan mesyuarat atau muktamar tahunannya yang membuat pemilihan pimpinan, iaitu pada 4-6 Jun di Kuala Selangor. Dan muktamar itu menjadi muktamar yang bersejarah kerana menyingkirkan beberapa orang pimpinan utama parti, kerana mereka bukan dari golongan ulama'. Antara yang tersingkir ialah Mohamad Sabu, Timbalan Presidennya.

Tidak lama selepas itu kumpulan mereka yang tersingkir dan yang seperjuangan mulai berpakat hendak menubuhkan parti baru. Waktu itu saya membuat catatan dalam fesbuk bahawa untuk berjuang kita tidak semestinya mempunyai kedudukan istimewa di dalam parti politik sahaja.

Ramai orang yang tidak berkedudukan dalam parti politik pun boleh juga berjuang, dan perjuangan mereka pun tidaklah sia-sia. Maksudnya berjuang dengan tidak memegang kedudukan penting dalam parti politik pun boleh membuat kesan atau perubahan yang dikehendaki dalam masyarakat.

Dan saya menyatakan harapan agar tokoh-tokoh pimpinan yang disingkirkan dari parti politik Pas itu tidaklah tergesa-gesa hendak menubuhkan parti baru, walau apapun alasannya. Cubalah terima dulu hakikat 'kekalahan' atau penyingki-

ran itu sebagai sesuatu yang sementara, dengan hikmahnya tertentu; dan akan ada masanya nanti mereka akan kembali ke tampuk pimpinan yang sesuai untuk mereka.

Janganlah tunjukkan bahawa kita tak boleh membawa perjuangan kalau tak memegang jawatan penting dalam pertubuhan atau parti politik; kerana itu boleh difahami oleh awam bahawa kita dalam masa yang sama juga mementingkan kedudukan yang mempunyai kuasa/pengaruh (walaupun tak besar) untuk diri sendiri; yang kalau tanpa kedudukan dan kuasa/pengaruh itu kita tak boleh atau tak mahu berjuang.

Tak tahulah apakah pandangan saya itu dibaca oleh mereka yang berkenaan ataupun tidak. Rasa-rasanya tidak. Dan yang terjadi adalah sebaliknya. Tak lama pun orang-orang itu hidup tanpa jawatan dalam parti. Sekejap sahaja. 31 Ogos 2015 mereka pun mengisytiharkan akan menubuhkan parti baru, dan pada 16 September 2015 Parti Amanah Negara pun dilancarkan dengan rasminya.

Apabila parti baru bernama (ringkasnya) AMANAH itu ditubuhkan, saya menerima hakikat itu dan melupakan pandangan saya yang mengharapkan seperti dijelaskan tadi itu. Dan seperti yang terang-terangan telah saya nyatakan (dalam tulisan Jun 2015 itu), sejak kepulangan Tok Guru Nik Aziz ke-Rahmatullah, Islam di Malaysia pun turut kehilangan pimpinan yang menanggung amanah meneruskan perjuangan menjaganya itu; secara automatik saya pun turut mengharapkan kiranya AMANAH pimpinan Ahmad Awang (sebagai Penasihat Umum) dan Mohamad Sabu (sebagai Presiden) dapat mengambil peranan itu.

Kini parti itu sudahpun berumur lebih dua tahun. Khabarnya keghairahan orang ramai terhadapnya kini mulai mendingin. Saya sendiri tidak merasai apa-apa pun yang mencuit perhatian saya untuk melihat sesuatu yang menarik atau istimewa berlaku atau dilakukan oleh parti baru yang diharapkan memperjuangkan Islam setelah parti Pas difahamkan telah meninggalkan perjuangan suci itu.

Memanglah saya pun kini bukan lagi seorang yang meminati politik seperti dulu. Namun tidaklah sampai langsung tidak peduli. Masih peduli. Walaupun tak membaca akhbar dan tak menonton televisyen untuk mengikuti berita, saya masih membaca berita-berita di fesbuk dan kumpulan watsap; di samping masih berhubungan dengan kawan-kawan yang berpolitik.

Soal kepemimpinan Islam dan perjuangan ke arah kemajuan ummah adalah perkara yang dalam pemerhatian peribadi saya. Kerananya maka saya berani menulis esei seperti yang disebut di awal tulisan ini – "Masihkah Islam boleh diamanahkan kepada Pas?". Jawapan saya: Tidak! Pas bukan lagi pemegang amanah untuk perjuangan Islam.

Dan soalan kini ialah: Bolehkah AMANAH diamanahkan sebagai parti atau organisasi yang memperjuangkan Islam di negara ini? Setakat ini nampaknya AMANAH belum lagi menunjukkan kemampuan dan kesanggupannya untuk memikul tugas dan tanggungjawab besar itu.

Dalam buku terbaru saya *Mencari Kewajaran Islam Di Malaysia* dengan jelas dipaparkan pelbagai ketidakwajaran dalam kefahaman dan amalan sehari-hari umat Islam di negara ini.



Dengan jelas juga dipaparkan panjang lebar hujah-hujah yang menolak kepemimpinan Pas kini untuk dipercayai sebagai organisasi yang dapat dinonimkan sebagai "Pas adalah Islam" di Malaysia, seperti ia boleh dinonimkan demikian ketika dipimpin Ustaz Fadhil Nor dan Tok Guru Nik Aziz dahulunya.

Telah lima kali buku itu dibicarakan dalam lima majlis diskusi buku di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kuala Kubu Baru, Kota Bharu dan Kuala Kangsar (Universiti Sultan Azlan Shah) sejak ia dilancarkan di Seremban 7 Oktober. Belum sekalipun nama parti AMANAH disebut oleh sesiapa sebagai pihak yang boleh diharapkan untuk membangunkan kembali kewajaran dalam Islam di Malaysia. Sedangkan terdapat beberapa esei di dalam buku ini yang menolak kepemimpinan Pas kini untuk peranan itu.

Ya, kalau ada pun yang menyebutnya ialah Naib Presiden AMANAH sendiri, Dr Mujahid Yusof Rawa, ketika dia menjadi panel dalam forum yang membincangkan kandungan buku ini, di dewan Gerak-budaya, Petaling Jaya. Namun rujukannya tidaklah kepada maksud membangunkan kembali kewajaran dalam Islam yang diamalkan oleh umat Islam di negara ini.

Sepatutnya parti AMANAH dapat memainkan peranan membangunkan kembali kewajaran Islam itu. Walaupun saya tidak percaya kepada politik untuk peranan yang demikian, namun saya mengharapkan AMANAH membawa politik yang berbeza, atau sekurang-kurangnya pun membawa politik Islam seperti yang pernah dibawa oleh Tok Guru Nik Aziz.

## Bagaimana cara membebaskan Baitulmaqdis?

Oleh **ABU FIRDAUS**

**P**RESIDEN Donald Trump bertindak menandatangani dokumen mengarahkan pemindahan kedutaan besar Amerika Syarikat di Tel Aviv ke Baitulmaqdis. Beliau melakukannya kerana memenuhi janji pilihan raya yang dibuat beliau tahun lalu.

Mengapakah beliau berjanji berbuat demikian? Pertama, beliau mahu mendapat sokongan lobi Yahudi di Amerika. Kedua, beliau mahu memperoleh sokongan golongan Evangelikal. Ketiga, beliau sememangnya percaya bahawa ibu negara Israel adalah Baitulmaqdis.

Sebab apa Trump mahukan sokongan lobi Yahudi? Di Amerika, lobi Yahudi amat berpengaruh kepada proses politik negara. Mereka mempunyai dana besar dan mampu mempengaruhi elit

Amerika. Pada umumnya rakyat dan negara Amerika adalah mesra Yahudi.

Sementara golongan Evangelikal juga mempunyai undi yang besar untuk menaikkan dan menjatuhkan ahli politik. Mereka merupakan antara salah satu tonggak fahaman Konservatisme yang diwakili oleh Parti Republikan. Di kalangan mazhab-mazhab Kristian, merekalah penyokong Israel. Mereka mempunyai hujah agama untuk sokongan itu. Bagi Trump, golongan-golongan seperti ini mewakili jiwa Amerika.

Mengapa Trump percaya bahawa Baitulmaqdis adalah wajar dijadikan ibu negara Israel? Beliau seperti mana banyak orang Barat menganggap Israel adalah negara warisan Yahudi, dan Baitulmaqdis adalah juga kota suci mereka.

Dari awal kempen pilihan raya presiden tahun lalu, beliau telah berjanji akan memindahkan kedutaan Amerika itu. Satu hal tentang Trump yang kurang ada pada presiden Amerika ialah beliau berterus terang dan tidak berselindung. Walaupun beliau banyak berbohong, tetapi beliau tidak hipokrit. Sungguhpun beliau dilihat kurang cerdik, kurang rasional dan kurang intelektual, tetapi beliau menyatakan apa yang banyak orang Barat rasakan. Kalau beliau kelihatan anti-Islam, sememangnya beliau bersikap seperti banyak orang Barat. Tetapi kemenangan beliau tidak dijangka. Sebab itu semasa kempen itu, banyak pihak termasuk negara-negara Islam tidak begitu mengambil serius terhadap janji pilihan rayanya itu.

Kini, beliau telah pun menandatangani dokumen pemindahan

kedutaan Amerika ke Baitulmaqdis. Ada pihak di kalangan orang Islam menuntut supaya Trump membuat u-turn. Tetapi perkara itu hampir mustahil akan dilakukannya. Maruah Amerika dan Trump menjadi taruhan.

Maknanya penyokong Palestin terpaksa menerima bahawa Amerika telah mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara dan milik Israel. Sebarang perjuangan wajar bermula dari realiti itu. Ada pihak di kalangan penyokong Palestin menegaskan bahawa usaha sekarang hendaklah ke atas menghalang negara-negara Eropah turut menurut jejak Amerika.

Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu sedang terus melobi supaya negara-negara Eropah turut memindahkan kedutaan mereka ke Baitulmaqdis. Apabila perkara ini berlaku juga

akhirnya, penyokong-penyokong Palestin tidak dapat berbuat apa-apa. Terus mengalah dan akhirnya Palestin ditelan Israel dengan begitu saja.

Maka oleh itu, penyokong-penyokong Palestin tidak boleh membiarkan keadaan sedia ada dikekalkan. Pengiktirafan Amerika ke atas Baitulmaqdis sebagai ibu negara telah menjejaskan status quo. Ini bermakna suatu daya usaha baharu perlu dibuat bagi menyelesaikan soal Palestin.

Langkah pertama ialah ketetapan bahawa Baitulmaqdis adalah juga ibu negara Palestin. Walaupun buat masa ini ia tidak dapat dilaksanakan tetapi ketetapan ini mesti dipertahankan. Sudah tidak timbul bahawa ibu negara Palestin hendak diletakkan di Ramallah.

KE MUKA 21...

DARI MUKA 20...

Maka jika Palestin dapat diwujudkan juga, maka Baitulmaqdis terpaksa dibahagi dua. Sebelah barat ialah ibu negara Israel, dan sebelah timur ibu negara Palestin. Kehendak Israel supaya Baitulmaqdis disatukan mesti ditolak.

Kalau hendak dikira, penaklukan Israel ke atas Baitulmaqdis telah dibuat

melalui peperangan. Maka pembebasannya juga mesti melalui peperangan. Perkara itu yang tidak mampu dilakukan oleh Palestin kecuali ia dibantu oleh penyokong-penyokongnya. Ini boleh membawa kepada perang dunia. Sebolehnya cara penyelesaiannya hendaklah dilakukan melalui diplomasi dan rundingan.

Tetapi melihat sejarah, Israel tidak menghirau usaha itu. Ia hanya mengetahui bahasa peperangan. Satu strategi baharu perlu dilakukan. Isu Palestin bukannya soal umat Islam. Ia adalah soal keadilan dan perdamaian. Sebab itu banyak golongan kiri, termasuk sebahagian orang Yahudi yang menyokong

Palestin.

Pendokong Palestin mesti menilai semula strategi. Mungkin penyelesaian dua negara sudah gagal? Biarlah ada satu negara saja Palestin-Israel dengan prinsip-prinsip demokratik dan hak asasi manusia.

## Apa agaknya anak muda mahu?

**B**EBERAPA minggu lalu saya mengikuti sebuah pemukiman wakil anak muda Demi Malaysia di hujung negeri Melaka, serentak pula dengan pemukiman kumpulan isteri (bukan isteri-isteri) wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang juga berlangsung di Melaka. Untuk tiga hari, kami berkampung memerah otak, memikirkan apa yang sudah tertinggal di belakang, apa yang bakal menanti di hadapan.

Topiknya tetap adalah politik perubahan, tinggal yang memusingkan kepala adalah cara untuk mencapainya. Muncul pelbagai buah fikiran, bukan sahaja dari segi strategi dan pendekatan politik, malah juga cerminan semula pada arah tuju sebenar pergerakan politik yang sedang dikemudi masing-masing. Titik fokusnya adalah pada menggerakkan anak muda.

Ini adalah kumpulan yang terdiri daripada anak muda pelbagai latar dan sudah teruji. Sesetengahnya adalah barisan pimpinan akar umbi pemuda Pakatan Harapan, setengah yang lain adalah aktivis tegar gerakan masyarakat sivil tempatan. Semua berpayung di bawah Demi Malaysia yang muncul ketika kemelut panjang keretakan Pakatan Rakyat dahulu. Sehingga hari ini, gabungan ini masih aktif dan berfungsi biarpun kadang hanya sebagai suara dalam kepada parti politik dan gerakan masyarakat sivil.

Dalam kemunculan awal Demi Malaysia sekitar 2015 dahulu, kami anjurkan sebuah sidang meja bulat yang dihadiri wakil pimpinan tertinggi parti politik Pakatan Rakyat yang baru berpecah. Resolusinya ketika itu

adalah menggesa mereka dengan segera menubuhkan gabungan baharu untuk berhadapan dengan Barisan Nasional. Hasilnya, lahir Pakatan Harapan biarpun tentulah tidak semestinya ilham itu datang daripada kami.

Kemudiannya Demi Malaysia meneruskan lagi aksi dengan pengajutan demonstrasi Tangkap Najib pada Ogos 2015. Ini adalah demonstrasi yang paling singkat dalam sejarah kami. Tidak sampai sejam, kesemua yang baru sahaja sampai ke Sogo sudah ditangkap dan lebih kurang 30 orang disumbatkan ke dalam rumah pasung selama dua hingga tiga hari. Saya dan dua yang lain, Syukri Razab serta Mandeep Singh sendiri sudah pun lebih awal lagi ditahan sebelum itu.

Tahun 2017, kami akhirnya menganjurkan sebuah rapat anak muda yang dijadualkan sebagai Kongres Anak Muda Malaysia 2017. Dari ratusan yang hadir dan mengundi, muncul 13 resolusi yang menggariskan kehendak serta desakan anak muda pelbagai latar. Resolusi ini dipulangkan kembali kepada organisasi masing-masing untuk digerakkan.

Sepanjang pemukiman, soalan yang paling kerap dilontar akhirnya adalah mengapa anak muda tidak peduli langsung dengan politik? Apa terjadi dengan



semangat melawan dalam keadaan yang makin meruncing hari ini? Apa kekecewaan yang sedang dialami oleh anak muda sehingga terlalu jauh membawa diri dari politik?

Muncul pelbagai pendapat. Ada yang mengaitkannya dengan kebosanan atas hidangan yang serba sama saban hari oleh baik kerajaan mahupun pembangkang. Ada juga yang menilik bahawa keadaan adalah terlalu sukar sehingga untuk melawan juga sudah tidak lagi terdaya. Yang lainnya pula meletakkan kesalahan atas diri sendiri; kita sendiri yang tidak cukup menarik buat anak muda. Tidak kurang, ada yang menganalisa bahawa kekeliruan politik pasca Pakatan Rakyat menyebabkan anak muda tidak lagi mahu ikut terlibat.

Segala persoalan ini dirungkai berhati-hati. Di penghujung hari pertama, kami akhirnya menangguk perbincangan dengan meletakkan sebuah titik yang boleh dipersetujui oleh semua untuk sementara waktu – anak muda tidak ikut peduli dengan politik kerana ia tidak lagi melambangkan apa yang dicitakan mereka.

Dari pernyataan tersebut, kami cuba perhalusi pula apa yang boleh dilakukan untuk membawa politik agar ia kembali melambangkan cita dan citra anak muda. Perbincangan lewat topik ini akhirnya tidak begitu membuahkan hasil. Entah kenapa, kami seolah buntu memikirkan apa aja yang dimahukan oleh anak muda.

Ada yang menganjurkan bahawa anak muda inginkan peluang pekerjaan yang

lebih baik. Ada yang menganjurkan bahawa anak muda inginkan penurunan dalam kos sara hidup. Perumahan dan jaminan kewangan untuk persaraan juga turut diselitkan dalam perbincangan. Tidak kurang, ada yang memetik bahawa harga minyak turut adalah apa yang menjadi kerisauan anak muda. Entah kenapa, setiap lontaran pandangan ini kedengaran agak tidak kena. Entah kenapa, ianya tidak pun bunyi seperti kemahuan anak muda.

Dalam ruang tempat kami berbincang, saya menoleh ke kiri dan kanan, sebelum menoleh pada diri sendiri. Di kiri saya Safwan Anang, bekas pemimpin pelajar bersama anak gadisnya Sarah. Di kiri, Sheikh Omar, pemuda DAP dari Johor yang juga sedang memangku anak sulungnya Muiz. Di riba saya Nuh, anak saya yang baru lahir tiga bulan lalu!

Hati saya tergelak; mana mungkin kami mampu untuk memahami citra dan cita anak muda yang ingin kami sasarkan apabila kami sendiri sudah mulai menganjak dewasa. Kepetingan dan citra sudah mulai berbeza. Pahit yang perlu ditelan; kami tidak lagi selamanya adalah "anak muda".

Dengan demikian sahaja, saya undurkan kembali pendapat-pendapat yang ada di dalam benak pemikiran saya. Sampai masanya, mungkin kita benar-benar perlu bertanya kepada anak muda lain, yang masih belum hilang kenafian mereka. Apa agaknya yang mereka inginkan selain harga susu dan lampin yang lebih murah seperti kami?

## Baitulmaqdis: Timur Tengah di lingkaran api

DARI MUKA 5...

**"MENGISTIHARKAN** Jerusalem (Baitulmaqdis) sebagai ibu negara Israel berimplikasi bahawa Masjid Al-Aqsa akan berada di bawah penguasaan Israel sepenuhnya. Umat Islam Palestin dan di seluruh dunia sama sekali tidak akan menerima keputusan ini."

"Baitulmaqdis sudah lama menjadi isu paling sensitif kepada umat Islam. Walaupun Israel mengisytiharkan telah menguasai Jerusalem Timur pada 19-67, ia tetap diperjuangkan oleh rakyat Palestin untuk membebaskannya dari pencerobohan Yahudi Zionis."

"Presiden Perancis Emmanuel Macron sendiri menyatakan pendirian kepada Trump mengenai status Jerusalem perlu dibincangkan dalam perundingan antara Israel dan Palestin."

"Kini Liga Arab dilaporkan telah mengadakan perbincangan khas Selasa kelmarin mengenai isu ini. Ugutan Presiden Palestin Mahmoud Abbas bahawa kepimpinan Palestin akan memutuskan hubungan dengan AS menunjukkan isu ini pasti akan berpanjangan."

"AS jelas menjadi alat Israel untuk mencapai cita-citanya menguasai Masjid Al Aqsa. Sehingga kini tidak ada sebarang kedutaan di Jerusalem kerana komuniti antarabangsa tidak mengiktiraf kuasa Israel ke atas kota tersebut."

"Kongres AS pernah meluluskan undang-undang pada 1995 untuk memindahkan kedutaan selewatnya pada 1999 namun Presiden diberi kuasa melengahkan pemindahan itu setiap enam bulan berdasarkan keselamatan nasional."

"Kami kesal beberapa negara Arab kini telah bersekongkol dengan AS dan

Israel. Dalam hal ini sehingga kini tiada bantahan dari beberapa negara Arab Teluk terutama Arab Saudi dan UAE berkaitan dengan langkah AS ingin memindahkan kedutaannya ke Jerusalem."

Majlis Keselamatan PBB dalam resolusi 478 pada tahun 1980 telah menetapkan semua misi diplomatik yang ada di Jerusalem keluar dari kota suci itu. Ini bermakna ketetapan antarabangsa itu melarang sebarang pembukaan kedutaan negara di Jerusalem.

"Kami dengan ini menyeru:

1. Kerajaan Malaysia segera menyatakan bantahan keras kepada kerajaan AS ke atas usaha memindah kedutaannya ke Jerusalem dan sekaligus mengiktiraf kota suci itu sebagai ibu negara Israel.
2. Negara-negara anggota OIC mengutuk dan membantah keras tindakan Presiden AS Donald Trump yang akan

mengisytiharkan Jerusalem sebagai ibu negara Israel.

3. Kerajaan Malaysia perlu menggesa OIC mengadakan persidangan tergempar untuk membincangkan tindakan provokatif AS dan Israel tersebut.

4. Semua negara Islam dan negara berdaulat yang lain bersatu menentang sebarang percubaan memindahkan ibu negara Israel dari Tel Aviv ke Jerusalem.

5. Seluruh ulama dan organisasi Islam di seluruh dunia membangkitkan kesedaran rakyat di negara masing-masing demi menentang rancangan AS dan Zionis Yahudi menguasai Jerusalem dan Masjid Al Aqsa.

6. PBB menguatkuasakan Resolusi 478 dan resolusi-resolusi lain yang berkaitan untuk menyekat pencerobohan Israel ke atas Jerusalem."

# Sumpah bohong dan hipokrasi orang Islam

**K**ALAU ada angka tunjuk kemunafikan (hypocrisy index), Malaysia tentu mendapat kedudukan yang tinggi. Walaupun Islam mencegah hipokrasi, orang Malaysia - termasuk yang mengaku beragama Islam - terkenal dengan amalan cakap lain buat lain.

Sebab itulah dalam indeks keislaman (Islamicity index), Malaysia dan negara-negara Islam lain mendapat markah rendah.

Indeks ini mengukur amalan ciri-ciri Islam dalam pelbagai aspek kehidupan harian. Ia diilhamkan oleh dua orang cendekiawan Islam Amerika, Hossein Askari dan Hossein Mohammadkhan.

Bagi indeks terbaru iaitu tahun 2016, Malaysia menduduki tempat ke-41, naik dari anak tangga ke-43 tahun sebelumnya. Semua negara yang mendahului kita adalah negara bukan Islam. Negara nombor satu tahun 2016 adalah New Zealand dan 2015 Belanda.

Bagi kedua-dua tahun itu Indeks Keislaman Singapura lebih tinggi. Mereka berada di tangga ke-22 pada tahun lalu, dan 17 pada 2015. Antara ciri yang diambil kira ialah kekuatan ekonomi, keadilan sosial, keselamatan dan bebas rasuah.

## ORANG KAFIR LEBIH PEDULI

Nampaknya orang kafir lebih peduli kepada apa yang betul dan apa yang salah. Mereka sanggup mengambil risiko untuk menegakkan kebenaran.

Contoh klasik adalah penyiasatan dan tindakan undang-undang bersabit skandal penipuan 1MDB dan SRC International Sdn Bhd oleh negara-negara bukan Islam.

Semua pihak yang hari ini sudah bertindak ke atasnya adalah negara-negara bukan Islam seperti Singapura, Amerika Syarikat (AS) dan Switzerland. Indeks Keislaman AS tahun lalu nombor 17 dan Switzerland 5.

Sebab itulah jika pembangkang ditakdirkan menang dalam pilihan raya umum (PRU) tahun hadapan, mereka wajib mengambil tindakan paling tegas dan keras terhadap orang-orang yang terlibat berbohong bagi melindungi skandal ini.

Selain kepala-kepala politik BN, tindakan wajib diambil ke atas pegawai-pegawai utama seperti Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Ketua Audit Negara.

Setidak-tidaknya pun mereka wajib disiasat bersabit peranan mereka meny-

embunyikan atau memanipulasi kebenaran. Dalam konteks ini, mungkin Ketua Audit Negara yang bersara, (Tan Sri Ambrin Buang) telah menjalankan tugas dengan telus.



**PENDAPAT**  
DATUK ABDUL KADIR JASIN

## OSA SEMBUNYI PERKARA BURUK

Saya katakan begitu kerana laporan penyiasatan beliau ke atas 1MDB yang diserahkan kepada parlimen telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Maksudnya ada perkara buruk yang hendak disembunyikan oleh kerajaan daripada rakyat jelata sehingga anggota parlimen pun tidak dibenar membincangkannya.

Sesiapa yang mendedahkannya akan dihukum.

Bagi SPRM pula, sesetengah pegawainya yang terdahulu dipindahkan secara tergesa-gesa atau ditekan agar bersara awal. Ini bermakna mereka telah menemui sesuatu yang buruk mengenai 1MDB dan SRC.

Kemudian pembunuhan amat kejam ke atas pendakwa raya kanan, Datuk Anthony Kevin Morais, pada September 2015.

Morais disebut sebagai pakar dalam bidang pendakwaan rasuah dan dikatakan dalam proses merangka draf pertuduhan yang membabitkan penyelewengan RM42 juta duit SRC.

Enam orang yang terdiri daripada Kol Dr R Kunasegaran, 54; R Dinishwaran, 25; A K Thinesh Kumar, 24; M Vishwanath, 27; S Nimalan, 24; and S Ravi Chandaran, 46 ñ telah dituduh melakukan pembunuhan itu. Mereka telah pun diperintah supaya membela diri.

## PERANAN PEGUAM NEGARA

Dalam apa juga usaha dan tindakan mengungkai skandal 1MDB dan SRC ini, peranan Peguam Negara Mohamed Apandi Ali adalah kemuncak (pivotal).

Beliaulah yang "membebaskan" Perdana Menteri Najib Razak daripada segala tuduhan berkaitan skandal penipuan 1MDB dan SRC.

Semasa berbuat demikian, Apandi bertindak sebagai pendakwa raya, peguam bela dan hakim bagi menyelamatkan Najib.

Kita tentu masih ingat bagaimana Najib tergesa-gesa melantik pengganti Tan Sri Abdul Gani Patail yang tempoh perkhidmatannya ditamatkan lebih awal atas alasan dia sakit.



Alhamdulillah, Allah Taala memperlihatkan pembobongan mereka. Abdul Gani bukan sahaja tidak sakit malah cukup sihat untuk membuka firma guamannya sendiri selepas dipecat.

Berbalik kepada Apandi. Genap enam bulan dilantik Peguam Negara dia mengadakan sidang akhbar membebaskan Najib daripada segala kesalahan berkaitan duit RM2.6 bilion dalam akaun peribadinya, dan RM42 juta duit SRC yang diselewengkan.

## DUIT CURI 1MDB

Tidak dapat tidak, kita terpaksa menamakan Apandi sebagai saksi utama dalam sebarang penyiasatan bona fide mengenai kegagalan mengambil tindakan ke atas penyelewengan 1MDB dan SRC.

Bukan sahaja dia menutup kes-kes di Malaysia malah dia juga enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa luar, khususnya Pejabat Peguam Negara Switzerland, yang sedang menyiasat pengubahan duit haram (money laundering) yang berpunca daripada 1MDB.

Peguam Negara Switzerland, Michael Lauber, dilaporkan berkata pejabatnya meminta bantuan MLA (Mutual Legal Assistance) telah dua kali daripada Malaysia tetapi ditolak atas alasan kerjasama tidak boleh diberikan di bawah rangka kerjasama MLA.

Di sinilah terletak ironi atau keanehannya. Negara kafir peduli terhadap penipuan 1MDB dan mahu membantu mendapatkan balik duit curi itu supaya boleh diserahkan semula kepada rakyat jelata Malaysia.

Singapura telah membekukan duit curi itu dan menghukum - termasuk penjara - pegawai-pegawai bank yang terlibat dengan pengalihan duit haram tersebut.

AS sedang menggunakan KARI (Kleptocracy Asset Recovery Initiative) iaitu inisiatif mendapatkan balik harta negara yang digelapkan oleh kerajaan pencuri.

Pada 5 Disember, Peguam Negara AS yang baru, Jeff Sessions, berkata separuh daripada AS\$3.5 bilion (kira-kira RM15 bilion) aset curi yang dirampas oleh pihak berkuasa Amerika adalah harta yang berkaitan dengan 1MDB.

Beliau memberitahu satu persidangan antarabangsa mengenai harta curi bahawa pencurian wang 1MDB adalah kes kleptokrasi (kerajaan pencuri) terburuk di dunia.

Pendek kata, kalau Apandi ada hati kecil (conscience) dia wajar bertanya kepada hati kecilnya adakah apa yang dia telah dan sedang lakukan itu benar dan betul.

## SIFAT MUNAFIK

Kalau seorang penyiasat Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) AS sanggup bersumpah mengenai 1MDB dan menghadapi risiko dihukum penjara lima tahun sekiranya berbohong, adakah Apandi boleh dibicarakan dengan penafiannya?

Agen FBI yang menyiasat harta dibeli dengan duit curi 1MDB itu boleh dihukum penjara lima tahun di bawah undang-undang sumpah bohong (perjury) kalau maklumat yang diberikannya tidak tepat.

Nampaknya sebuah negara bukan Islam lebih serius dalam usaha membantu kita mendapatkan balik harta negara yang dicuri oleh para pembesar kita sendiri.

Tetapi di Malaysia ada lagi manusia yang mempertahankan jenayah global itu dan marah apabila gelaran "lanun Bugis" digunakan.

Apakah orang ini tidak berasa malu dan berasa bersalah mengaku Islam, menadah tangan ke langit berdoa dan mengelilingi diri mereka dengan tuan guru, tok haji dan tok lebai tetapi melakukan jenayah besar yang satu dunia sudah tahu?

Boleh jadi kerana sifat munafik ramai para pembesar kita dan sikap tidak ambil peduli sebahagian rakyat jelata inilah maka hari ini Malaysia dipersendakan dan dijadikan hamba oleh negara-negara yang berkepentingan.

Wallahua'lam.

**Penulis ialah bekas Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd. dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM. Rencananya ini pertama kali dimuat naik di blognya dengan tajuk 'Apandi, sumpah bohong dan hipokrasi orang Islam'.**

# Selesai lambakan 80,000 rumah tidak terjual

**B**BATU PAHAT: Pentadbiran Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin masih gagal menyelesaikan isu lambakan 80,000 rumah yang tidak terjual di negeri itu sekaligus menunjukkan kerajaan negeri kekeringan idea untuk mengatasi masalah yang timbul.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata, walaupun Khaled pada 7 Julai lalu mengumumkan kesediaan kerajaan negeri untuk berbincang dengan pemaju bagi menyelesaikan masalah lebih penawaran itu, namun setelah hampir 4 bulan, tiada langkah konkrit diambil.

"Selepas mendapat amaran keras Bank Negara Malaysia, Khaled pada 25 Nov lalu sekali lagi mengeluarkan kenyataan yang lebih kurang sama, bahawa kerajaan akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah lambakan perumahan yang tidak terjual.

"Malang sekali hingga kini, beliau masih gagal untuk membentangkan kepada rakyat apa solusi-solusi konkrit kepada masalah lambakan perumahan tidak terjual yang tertinggi di Malaysia iaitu 27% daripada keseluruhan unit kediaman yang tidak terjual berbanding Selangor (21%), Kuala Lumpur (21%) dan Pulau Pinang (8%)," ujar Salahuddin yang juga Naib Presiden Pakatan Harapan (PH).

Menurut beliau, Belanjawan Johor 2018 membuktikan kerajaan negeri tidak mampu menyelesaikan masalah lambakan perumahan di Johor ekoran faktor ketidakmampuan majoriti rakyat untuk membeli rumah pada harga yang tinggi.

Selepas 5 penggal pemerintahan BN, rakyat Johor masih sukar memiliki rumah mampu milik demi kehidupan yang selesa.

"Cukup-cukuplah... hentikan politik tembebang BN! Selesaikan masalah ini segera," katanya.

Sehubungan itu, Salahuddin mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah perumahan antaranya menjalankan kerjasama dengan pihak Maybank Islamic Bhd yang baru-baru ini telah melancarkan produk perkhidmatan kewangan yakni skim rent-to-own (RTO) yang dijalankan bersama 5 pemaju terkemuka seperti SP Setia Bhd, Eco World Development Group Bhd, Mah Sing Group Bhd, Gamuda Land Sdn Bhd dan Sime Darby Property Bhd.

"Skim HouzKEY yang bakal bermula awal tahun 2018 tidak mengenakan bayaran pendahuluan (down payment) dan menawarkan harga pembelian yang tetap.

"Skim ini menfokuskan kepada pembeli rumah pertama bagi rumah mampu milik untuk pembeli dari mereka berpendapatan pertengahan (B40) iaitu minimum pen-

dapatan RM5,000 sebulan.

"Skim ini selari dengan kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu 83% daripada unit perumahan yang tidak terjual adalah dalam kategori harga melebihi RM250,000 seunit," ujarnya.

Skim sewa beli ini, katanya mampu mengurangkan lambakan rumah yang tidak terjual di Johor, kerana kekuatan modal dan perkhidmatan kewangan yang pelbagai dan meluas kepada pelbagai segmen isi rumah di Johor.

Salahuddin juga menyarankan kerajaan negeri menghadkan pembinaan rumah mahal dan meningkatkan penawaran perumahan mampu milik (pada harga RM150,000 ke bawah) dengan kerjasama semua pihak berkepentingan.

Beliau turut mencadangkan pemberian insentif yang bersesuaian kepada pemaju perumahan yang membina rumah mampu milik melebihi kuota yang ditetapkan dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor.

"Hal ini bukan perkara baharu, banyak negara maju telah laksanakan. 'Multiple ways of communications' adalah kunci untuk memastikan sesebuah polisi itu adil kepada semua pihak atau 'solusi menang-menang' agar agenda perumahan mampu milik di negeri Johor dapat digalakkan dengan lebih giat," ujarnya.

## Rakyat Pulau-Pinang nikmati rawatan percuma klinik swasta

**GEORGETOWN:** Keluarga di Pulau Pinang akan menikmati rawatan kesihatan percuma bernilai RM300 di klinik swasta bermula tahun hadapan melalui program 'Pulau Pinang Sihat' membatik peruntukan RM60 juta.

Program yang memberi faedah kepada 195,000 isi rumah berpendapatan terkumpul di bawah RM5000 sebulan daripada 400,000 isi rumah di negeri ini diumumkan Ketua Menteri Lim Guan Eng dalam pembentangan Bajet 2018, baru-baru ini.

Faedah ini akan disediakan menerusi kad elektronik "I Love Penang" dengan nilai kredit RM300 yang boleh dituntut di semua klinik swasta untuk khidmat nasihat dan ubatan.

Pemegang kad dibenarkan menggunakan RM50 seisi keluarga pada setiap lawatan ke klinik.

Mereka yang tidak berkahwin akan memperoleh kredit sebanyak RM150, dengan syarat pendapatan mereka di bawah RM2,500 sebulan. Mereka juga dibenarkan menggunakan RM50 pada setiap lawatan klinik.

Skim ini akan membantu rakyat biasa yang bekerja untuk mendapatkan khidmat rawatan doktor serta merta apabila mereka jatuh sakit tanpa bimbang dengan caj yang dikenakan klinik swasta atau terpaksa ke klinik kerajaan yang jauh dari rumah.

Sementara itu, pemeriksaan mamogram percuma untuk wanita berumur 35 tahun ke atas akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM3.2 juta tahun depan.

Seramai 30,000 wanita dijangka dapat menjalani ujian mamogram percuma menjelang 2020.

Kad "I Love Penang" juga akan digunakan untuk menyediakan elaun kepada penerima bantuan kebajikan negeri.

Kad ini akan menjadi kunci akses kepada pelbagai kemudahan dan faedah sosial yang disediakan kerajaan negeri.

Pengurusan dan pengagihan semua program kebajikan kerajaan akan diperkemas dan disepadukan bagi memudahkan kehidupan rakyat Pulau Pinang.

## Pakatan Harapan yakin kekalkan penguasaan di Pandan



**Mohd Anuar berucap pada majlis ceramah umum PH sempena perasmian Pejabat AMANAH Kawasan Pandan.**

**PANDAN:** Pakatan Harapan yakin mampu mempertahankan kerusi Parlimen Pandan, Dun Teratai dan Dun Chempaka yang dimenangi atas nama Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

Keyakinan itu dizahirkan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli ketika berucap pada majlis perasmian pejabat AMANAH Kawasan Pandan di sini, 10 Dis lalu.

Menurutnya, masyarakat di kawasan itu yang rata-ratanya 'kelas rakyat' paling menyebabkan mereka bijak membuat pilihan.

Sebelum itu, perasmian pejabat AMANAH Kawasan Pandan disempurnakan Presiden AMANAH Mohamad Sabu.

Hadir sama Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir, Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim dan AJK Pusat DAP



**Mohamad merasmikan Pejabat AMANAH Kawasan Pandan sambil diiringi Izham dan para pemimpin AMANAH Nasional.**

Ronnie Liu.

Ceramah oleh para pemimpin Pakatan Harapan juga berjaya menarik kehadiran penduduk pelbagai kaum di kawasan itu.

# Pembangunan PKS Pulau Pinang rancak

**B**ATU KAWAN: Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang diiktiraf SME Malaysia kerana berjaya mempromosikan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kata Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Datuk Rosli Jaafar.

Menurut beliau, meskipun Pulau Pinang kini adalah pemain industri PKS terkemuka di negara ini, namun pelaburan langsung juga penting dalam memastikan ia terus berkembang.

"Pembangunan PKS adalah sama penting dengan pelaburan langsung asing (FDI) kerana ia memberikan perkhidmatan sampingan dan sokongan bukan sahaja terhadap FDI tetapi juga MNC (perbadanan multinasional) lain.

"Antaranya Boston Scientific, Broadcom Limited, Sunningdale Tech Limited, Bose dan Malaysian Automotive Lighting Sdn. Bhd. yang merupakan antara pela-

bur utama yang bertapak di Taman Perindustrian Batu Kawan ini," ujarnya sejarus melancarkan pembukaan Taman Perindustrian Kecil dan Sederhana Fasa 4A di Galeri PDC Batu Kawan, baru-baru ini.

Katanya, dengan pembukaan Fasa 4A, ianya akan menambahkan kerancakan pembangunan PKS di negeri ini.

"Di Batu Kawan kini banyak pelaburan berskala besar seperti RM250 juta yang dilaburkan oleh Design Village Outlet Mall, pembinaan Kolej Universiti KDU dan pelaburan RM600 juta oleh gedung perkakasan rumah ternama, IKEA yang dijangka dibuka menjelang suku ketiga tahun hadapan.

"Sebab itu, PDC mengambil pendekatan tiga serampang untuk pembangunan PKS iaitu mewujudkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan (SMART), membangunkan Taman PKS dan menyediakan akses perkhidmatan



**Rosli melihat model Taman Perindustrian Kecil dan Sederhana Fasa 4A di Galeri PDC Batu Kawan.**

keperluan," jelasnya.

Difahamkan fasa terbaharu ini akan mengambil masa selama 18 bulan

untuk disiapkan iaitu dari 16 Oktober 2017 hingga 15 Januari 2019 melibatkan keperluan SME. - Buletin Mutiara

## Kompleks penjaja terbiar di Kuala Ketil

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**BALING:** Kegagalan kerajaan negeri khususnya Perbadanan Kemajuan Pembangunan Negeri Kedah memanfaatkan 20 gerai penjaja yang terbiar sejak 2013 di Taman Perindustrian Kuala Ketil, dekat sini merugikan penduduk khususnya golongan peniaga kecil.

Sikap acuh tidak acuh ini juga membuktikan kerajaan BN negeri tidak serius membantu penjaja dan peniaga kecil terutamanya di daerah Baling.

Ketua Pemuda AMANAH Kedah Asmirul Anuar Aris berkata, gerai penjaja terbiar itu adalah sebahagian daripada projek 'gajah putih' kerajaan negeri yang boleh dilihat di serata negeri.

"Cuba kita renungkan begitu banyak sekali wang rakyat yang telah dihabiskan sedangkan perbelanjaan yang telah lebur sepatutnya dapat menjana ekonomi penduduk Baling," katanya.

Asmirul yang juga Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) turut mempersoalkan sikap Pengerusi Tabung Haji Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim yang



**Kompleks penjaja terbiar di Taman Industri, Kuala Ketil merugikan rakyat.**

juga ahli parlimen Baling kerana tidak prihatin dengan pembaziran yang berlaku di kawasan beliau.

Kerosakan katanya banyak berlaku di kompleks penjaja itu kerana sebahagian peralatan telah dicuri.

"Sepatutnya kerajaan negeri boleh memperbaiki kompleks penjaja ini bagi membolehkan peniaga kecil menjalankan perniagaan sekaligus menyediakan kemudahan kepada penduduk tempatan," ujarnya.

## Jakim perlu patuh dasar Mais, titah Sultan

**KLANG:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan pegawai persekutuan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang berkhidmat di negeri ini supaya patuh dengan dasar dan garis panduan ditetapkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Pegawai Jakim, titah baginda perlu memberi ketaatan dan kesetiaan kepadanya selaku Ketua Agama Islam di Selangor sepanjang tempoh berkhidmat walaupun menerima gaji dan elaun

daripada Kerajaan Persekutuan.

Baginda turut bertitah semua perkara berkaitan hal ehwal agama Islam negeri terletak sepenuhnya, di bawah kuasa pertimbangan baginda.

"Beta ingin mengingatkan Jakim yang bertindak sebagai badan agama di peringkat Persekutuan hanya berfungsi selaku agensi pusat yang berperanan menyelaras perkara berkaitan agama Islam antara negeri di Malaysia.

"Setiap satu dasar berkaitan agama Islam daripada Jakim sebagai contohnya

isu persijilan halal, zakat, pemakaian sesuatu fatwa, wakaf dan sebagainya yang ingin dilaksanakan di negeri ini perlu merujuk kepada Mais terlebih dahulu.

"Mais sebagai badan penasihat agama Islam kepada beta sebelum perkara ini diangkat untuk dilulus dan dilaksanakan," titah baginda pada Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Anggota Mais bagi sesi 2018-2020 dan Majlis Santapan Tengah Hari Bersama Imam Masjid-masjid Seluruh Negeri

## Khusrin ganti Adzib sebagai pengerusi Mais

**KLANG:** Sultan Selangor berkenan melantik bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang baharu.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa yang berkhidmat sejak 2005 dan tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Disember ini.

Sementara itu, baginda juga berkenan melantik tiga anggota baharu Mais iaitu Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, Pensyarah Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Khadijah Mohd Khambali dan Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Prof Madya Dr Yasmin Hanani Mohd Safian.

Mereka menganggotai Mais bersama 16 ahli lain berkuatkuasa 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

Selangor, di Istana Alam Shah, dekat sini, baru-baru ini.

Pada majlis sama, baginda turut berkenan menerima wakaf RM5 juta daripada kerajaan negeri bagi pembinaan Masjid Denai Alam, Shah Alam.

Selain itu, kerajaan negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) turut memberi tanah wakaf seluas 10 ekar bernilai RM74 juta untuk pembinaan Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor.



# Belanjawan berjiwa rakyat untuk rakyat

Oleh RAJA BAHRIN SHAH

**B**ELANJAWAN: Pakatan Harapan (PH) Terengganu adalah suatu belanjawan berhemah dalam masa rakyat berhadapan tekanan kos sara hidup yang tinggi.

PH Terengganu mencipta sejarah hari ini sebagai pihak pembangkang pertama menawarkan belanjawan alternatif kerana memandangkan Terengganu yang begitu kaya dengan sumber minyak dan gas serta berbagai lagi aset utama mengalami begitu banyak ketirisan dan pembaziran yang meletakkan negeri ini di antara empat negeri termiskin. Kemiskinan di kalangan nelayan, petani dan penduduk luar bandar merupakan masalah lama yang tiada penghujungnya.

Belanjawan ini merupakan pendekatan 'bottom up' iaitu mengambil tumpuan utama kebajikan dan keperluan semasa rakyat di tengah-tengah senario kesempitan hidup semasa. Ianya dirangka oleh pemimpin PH yang terdiri dari golongan profesional seperti Pengerusi PH yang berlatar-belakang arkitek dengan pengalaman pembangunan projek, isu warisan dan juga pelancongan tempatan dan juga timbalan Pengerusi PH, seorang akauntan dengan pengalaman swasta

yang luas.

Diantara cadangan utama Belanjawan Pakatan Harapan Negeri Terengganu berasaskan 5P adalah:

## 1. Pendidikan

Keputusan perperiksaan yang cemerlang murid sekolah menengah Terengganu mesti dimanfaatkan sepenuhnya di peringkat universiti dan pusat pendidikan tempatan yang akan dan telah diwujudkan.

Perancangan program membawa cendekawan serta cerdik pandai tempatan untuk kembali berkhidmat di Terengganu akan diwujudkan untuk menghentikan "brain drain" dan "talent drain" keluar dari negeri.

Sistem berteraskan pendidikan saintifik akan ditingkatkan lagi dengan nilai serta pendekatan Islam yang kaya.

Pemberian semula biasiswa serta pinjaman kepada pelajar anak Terengganu yang telah dihentikan akan dikembalikan dan diteruskan. Ini adalah selaras dengan cadangan PH Nasional yang bercadang memberi pendidikan percuma dalam waktu terdekat apabila berkuasa.

## 2. Petroleum dan gas

Menuntut kembali royalti untuk Terengganu pada kadar 10% di peringkat permulaan, dan 20% untuk jangka masa panjang; usaha mengadakan serta memastikan wujudnya industri hiliran (downstream industry)

serta penglibatan anak tempatan secara lebih bermakna akan dilaksanakan.

Memastikan syarikat minyak Terengganu sendiri untuk terlibat secara terus dalam industri minyak dan gas yang akan memberi penyertaan dan manfaat terus kepada anak tempatan melalui kontrak terus dan juga melalui usaha sama.

## 3. Pelancongan

Sektor pelancongan Terengganu yang mempunyai potensi tinggi dan boleh membuka peluang pekerjaan yang amat luas akan dipertingkatkan lagi dengan tumpuan memanfaatkan aset-aset semulajadi, kraftangan dan warisan tempatan. Segala infrastruktur pelancongan seperti 'connectivity' udara, air dan darat akan di berikan keutamaan.

## 4. Pertanian dan Perikanan

Sektor permakanan ini akan diberikan prioriti penting bagi memastikan segala keperluan dari segi bantuan dan permerkasaan diberi tumpuan supaya bekalan makanan tempatan boleh membantu menampung keperluan makanan rakyat Terengganu.

Masalah penanam padi dengan isu baja dan juga peranan Bernas yang menyusahkan mereka akan ditangani. Isu masalah nelayan tempatan dengan masalah ikan yang makin pupus di laut dan pencerobohan serta kecurian oleh nelayan asing akan ditangani cara bersegera dan serius.

## 5. Pemasyarakatan

Memandangkan kos sara hidup amat membebankan, masyarakat amat tertekan dan perlu disediakan kemudahan kekeluargaan yang baik seperti bantuan bagi kaum ibu yang perlu berkerja.

Penyediaan pusat-pusat penjagaan anak kecil, pusat jagaan 'day care' anak kecil, cuti bersalin yang lebih lama seperti 120 hari, pusat atau rumah jagaan warga tua dan lain-lain bantuan yang membolehkan masyarakat memelihara institusi dan ahli keluarga dengan baik sambil mereka berkerja menyara hidup.

Itulah di antara tawaran Belanjawan PH Rakyat Terengganu secara berhemah dan dalam segala kesederhanaan tanpa melibatkan perbelanjaan yang boros dan membazir. Apa jua yang dapat diijamatkan adalah untuk menampung keperluan rakyat dalam kesusahan.

Semoga Allah memberkati niat serta usaha murni kita mempersembahkan 'Belanjawan Berjiwa Rakyat, Untuk Rakyat'.

■ **Datuk Raja Bahrin Shah ialah Pengerusi Pakatan Harapan Terengganu dan Ahli Parlimen Kuala Terengganu. Artikel ini adalah ucapan beliau sempena pelancongan tawaran 'Belanjawan Pakatan Harapan Rakyat' untuk negeri Terengganu.**

## Individu ugut tembak Ketua Pemuda AMANAH minta maaf

**KOTA BHARU:** Selepas membuat laporan polis berhubung ugutan tembak dan santau di Facebook, Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan memberitahu salah seorang daripada pengancam itu telah memohon maaf.

Walau bagaimanapun, beliau menuntut individu terbabit mengeluarkan kenyataan permohonan maaf secara terbuka di laman facebook IRDK.

"Permohonan maaf itu perlu dilakukan bagi menutup isu ini dan saya akan menarik balik laporan polis yang telah dibuat terhadap beliau" ujarnya.

Hazmi berkata, beliau tidak berminat untuk memanjangkan perkara tersebut

tetapi permohonan maaf secara terbuka mesti dibuat sebagai pengajaran kepada semua pihak.

Terdahulu, individu dikenali sebagai Shahrman mengugut akan menggunakan santau (sejenis sihir) dan menembak sesiapa yang menggunakan nama bekas Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Terdapat tiga ugutan tembak daripada pengguna kumpulan Facebook IRDK terhadap Hazmi.

"Saya kalau orang main parti guna Tok Guru (Nik Aziz) memang saya santau. Kalau bolehlah, ada pistol saya bedil (tembak) lagi.

"Ingat Ming (Hazmi), ATGNA (Allahyarham

Tuan Guru Nik Aziz) ni anak saya tiga orang dia cukur jambul," ujarnya sebagai reaksi terhadap tulisan Hazmi bertajuk, 'Semoga nama Almarhum Tok Guru terus hidup'.

Selain Shahrman, seorang lagi pengguna Facebook, Yusnira Yus turut mengancam keselamatan Hazmi dengan ugutan tembak.

Sehubungan itu, Hazmi membuat laporan polis pada 8 Dis lalu namun pada 9 Dis terus menerima ugutan yang mengancam nyawa daripada seorang individu dikenali sebagai Ghazli Mamat.

Menurut Hazmi, beliau hanya menulis tentang kebaikan dan kebijaksanaan politik Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz dengan disertakan contoh.

"Saya akan menyerahkan perkara ini kepada peguam dan tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan, namun sedia maafkan individu yang mengugut sekiranya mereka meminta maaf secara terbuka," jelasnya.

Mengulas ugutan yang diterimanya sehingga mengancam nyawa, Hazmi yakin ia berpunca akibat sikap taksub.

"Wujud kecenderungan pihak tertentu yang ingin menutup cara politik Almarhum Tok Guru juga menolak dan anti kepada perbezaan pandangan.

"Apabila mati hujah, guna serangan peribadi atau fizikal," ujarnya lagi ketika dihubungi.

## Pemimpin AMANAH serah hak pegangan bangunan Pas

**KOTA BHARU:** Bekas penasihat undang-undang Pas Kelantan Hisham Fauzi yang menyertai AMANAH menyerahkan hak beliau sebagai pemegang amanah Syabab Point, bangunan pejabat pemuda Pas di hadapan Istana Kota Lama, dekat sini, 19 Dis lalu.

"Alhamdulillah, hari ini selesailah tanggung jawab saya berkait dengan

Syabab Point apabila saya menyerahkan dokumen berkait hak milik bangunan ini kepada wakil Pas yang hadir ke pejabat saya sekejap tadi setelah selesai proses berkaitan.

"Tinggal bil utiliti sahaja lagi yang masih beralamat di pejabat saya yang akan diselesaikan selepas ini.

"Semuanya berjalan dengan penuh ukhawah tadi," katanya dalam satu status yang tular di media sosial.

Menurutnya setelah tidak lagi menjadi ahli Pas beliau dengan penuh tanggung jawab melepaskan pegangan berkaitan bangunan itu.

"Sementelahan saya pun tidak lagi jadi pemegang amanah bagi pihak Pas selepas penghijrahan saya, jadi saya seberapa segera telah memindahkan amanah itu kepada penama yang lain," katanya.

Selain hal bangunan itu masih ada bebe-

rapa urusan berkaitan parti lama beliau yang perlu diselesaikan.

"Ada satu dua lagi dokumen lain yang perlu saya tanda tangan insya Allah akan diselesaikan," katanya.

Ketika proses jual beli bangunan itu, beliau sebagai Naib Ketua Pemuda Pas Kelantan diamanahkan sebagai pengerusi jawatankuasa pembelian dan pengurusan bangunan.

# Projek Lebuhraya Rakyat hanya tinggal batu asas



Hazmi dan anggota Pemuda AMANAH Kelantan meninjau batu asas majlis pecah tanah yang ditumbuhi belukar.

Oleh ARIF ATAN

**M**ACHANG: Hanya tinggal batu asas yang dipanjat tumbuhan liar dengan persekitaran bersekitaran bersema-samun walaupun bekas Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah merasmikan majlis pecah tanah pembinaan Lebuhraya Rakyat sejak lima tahun lalu.

Itu penemuan mengejutkan Pemuda AMANAH Kelantan yang diketuai Hazmi Hassan dalam tinjauan mereka di Felcra Mek Nab, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Hazmi, situasi terkini di tapak majlis pecah tanah itu menimbulkan banyak persoalan memandangkan kerajaan negeri memberitahu projek lebuhraya dari Kuala Krai ke Kota Bharu itu dijangka siap 3 Disember lalu.

"Kenapa laluan yang dibuka berhenti separuh jalan dan ada projek penanaman pokok getah oleh Felcra. Adakah pihak kerajaan masih tidak selesai hal pengambilan tanah?"

"Adakah kerajaan masih serius untuk menyiapkan projek ini? Adakah kerajaan hari ini mampu menyiapkan projek ini seperti mana yang telah dijanji?" soalnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, projek Lebuhraya Rakyat merupakan antara janji terbesar Pas pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu apabila majlis pecah tanah telah dirasmikan oleh Almarhum Nik Aziz pada 28 Mei 2012.

"Pembinaan Lebuhraya Rakyat ini menentang sistem wakaf dan dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri tanpa kutipan tol.

Rakyat merupakan antara janji terbesar Pas pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu apabila majlis pecah tanah telah dirasmikan oleh Almarhum Nik Aziz pada 28 Mei 2012.

"Pembinaan Lebuhraya Rakyat ini menentang sistem wakaf dan dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri tanpa kutipan tol.

"Hari ini (semalam) saya ke Kampung Machang untuk melihat sendiri perkembangan Lebuhraya

yang merupakan senjata utama menghadapi PRU13.

"Saya mencari batu asas di mana tempat Almarhum Tok Guru merasmikan projek ini. Namun, sehingga kini projek Lebuhraya Rakyat masih tidak siap dan terkini projek ini seperti dilupakan terus tanpa berita terkini," ujarnya.

Hazmi dan anggota Pemuda AMANAH Kelantan meninjau batu asas majlis pecah tanah yang ditumbuhi belukar.

Laluan yang dibuka di Berangan, Machang berhenti separuh jalan dengan terdapat penanaman getah oleh Felcra.

Beliau berkata, keadaan tersebut dilihat bukti bahawa kerajaan negeri Kelantan yang ditadbir Pas tidak mampu melakukan apa-apa perubahan sekali gus berperanan sebagai sebuah kerajaan yang sebenar.

"Walhal inilah antara harapan besar Almarhum di mana Kelantan satu-satunya negeri yang membina sendiri sebahagian lebuhraya.

"Almarhum Tok Guru begitu yakin bahawa projek dapat disiapkan dimana Dato' Haji Husam Musa diamanahkan almarhum untuk menyiapkan projek ini," jelasnya.

Mengulas kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar yang pernah memberitahu sebuah bangunan pun tidak boleh siap dalam tempoh 100 hari, beliau berkata, pentadbiran kerajaan negeri masih seperti dahulu walaupun sudah lebih empat tahun Pas menang PRU13.


Terdahulu, reaksi Mohd Amar yang juga Naib Presiden Pas itu selepas Prof Agus mendakwa kerajaan negeri Kelantan tidak melakukan apa-apa perubahan selepas menang PRU13.

"Tidak ada apa-apa perubahan yang besar selain hanya mengikut pentadbiran yang telah ditinggalkan Almarhum Tok Guru," ulang Hazmi lagi.

Laluan yang dibuka di Berangan, Machang berhenti separuh jalan dengan kawasan penanaman getah oleh Felcra. Beliau ketika dihubungi *Malaysia Dateline* hari ini turut memberitahu kerja-kerja pembinaan fasa pertama projek lebuhraya itu dari Bukit Tiu, Machang hingga Dusun Damar di Kuala Krai sejauh 30.5 kilometer yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob pada 27



Kos projek yang dikatakan turut mendapat sumbangan rakyat itu masih tidak menunjukkan kemajuan selepas lima tahun majlis pecah tanah.



Kerajaan negeri diterajui Pas gagal menepati janji menyiapkan projek Lebuhraya Rakyat.



Laluan yang dibuka di Berangan, Machang berhenti separuh jalan dengan ladang tanaman getah oleh Felcra.

Ogos 2014 juga masih belum siap.

Sehubungan itu, Hazmi berharap wakil kerajaan negeri dapat membuat kenyataan terkini berhubung status sebenar pembinaan Lebuhraya Rakyat yang menjadi tanda tanya rakyat Kelantan.

Untuk rekod, kerajaan Pas Kelantan turut difahamkan menukar kontraktor yang dilantik beberapa kali selain terdapat syarikat yang memfailkan saman kerana mendakwa ditamatkan kontrak tanpa menurut prosedur.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed pada

1 Jun 2015 dilapor berkata, Kerajaan Persekutuan akan membantu menyiapkan jajaran sejauh kira-kira 43 kilometer bermula di Kota Bharu hingga ke Machang mengikut persetujuan yang telah dicapai.

Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli itu turut memberitahu kerajaan negeri pula akan menyiapkan laluan sepanjang 30 kilometer dari Machang hingga ke Kuala Krai.

Kos projek yang dikatakan turut mendapat sumbangan rakyat itu masih tidak menunjukkan kemajuan selepas lima tahun majlis pecah tanah.

# Tidak perlu Akta Anti Diskriminasi yang tidak adil

**SAYA** membaca dengan penuh minat artikel sahabat baik saya, yang juga seorang peguam, Syahredzan Johan dalam kolom beliau di akhbar *Sinar Harian*.

Beliau nampaknya bersetuju agar digubal satu undang-undang khusus menangani diskriminasi yang tidak adil. Keperluan Akta itu, ramai yang menyarankan, setelah berlakunya insiden wanita yang berkerja di 'front desk' dalam sektor perhotelan dilarang mengenakan tudung atau hijab.

Meskipun beliau mengakui Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi antara lain atas isu jantina, beliau bagaimanapun menyatakan masih perlu ada Akta khusus melarang diskriminasi yang tidak adil ke atas kakitangan di sektor swasta.

Syahrezan mengatakan begitu kerana Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan dalam satu kes sebelum ini, bahawa perlindungan anti diskriminasi di dalam Artikel 8 Perlembagaan itu hanya terpakai kepada kakitangan di sektor awam sahaja.

Dengan rasa hormat, saya rasa cadangan daripada saudara Syahrezan itu meskipun amat baik, tapi bagi saya tidak perlu. Kenapa?

Bagi saya, ianya tidak perlu kerana kita sudah ada Perlembagaan Persekutuan.

Tapi mungkin ada yang berhujah bukanlah Mahkamah Persekutuan sendiri telah memutuskan bahawa Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan itu tidak terpakai kepada kakitangan swasta.

Saya amat arif dengan keputusan Mahkamah Persekutuan itu. Dan saya, dengan tanpa rasa segan silu, berkata Mahkamah Persekutuan itu jelas tersilap. Bagi saya, mahkamah dalam kes itu, dengan penuh hormat, telah menghampakan begitu ramai orang, termasuk saya.

Semua hakim yang dilantik diwajibkan di dalam Perlembagaan, mengangkat sumpah bagi memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan (lihat Jadual Keenam Perlembagaan). Maka tindakan para hakim Mahkamah Persekutuan itu, bagi saya, dengan hormat, bertentangan sekali dengan sumpah dan ikrar yang mereka lafaskan. Dan saya mempunyai banyak pengalaman berhadapan dengan para hakim seperti itu dan ia amat-amat mengecewakan.

Perlembagaan negara ini, bagi saya, adalah identiti kebangsaan (a national identity) rakyat negara ini dan kerana itu ia sewajarnya melindungi hak dan kepentingan semua orang, tidak kira di sektor apa dan mana pun. Hakikatnya,

kewujudan mahkamah itu sendiri adalah hasil buah tangan Perlembagaan Persekutuan. Jadi, amat ganjil sangat bila ada para hakim yang seolah-olah tidak mahu melindungi kepentingan rakyat di atas nama dan roh Perlembagaan.

Justeru itu, apa yang diperlukan bagi saya, bukan undang-undang dalam bentuk Akta atau Enakmen bagi menghalang anti diskriminasi yang tidak adil. Hatta istilah 'anti diskriminasi' tidak adil itu sendiri, bagi saya, adalah istilah yang tidak tepat (a misnomer) kerana diskriminasi itu sendiri adalah secara inherentnya sudah berbentuk tidak adil.

Apa yang perlu adalah kerajaan dan seluruh agensi di bawahnya diberi pendidikan yang betul dan tepat dalam memahami tasawwur dan ruh Perlembagaan. Begitu juga para hakim, malah merekalah yang paling penting kerana ia adalah sebahagian fungsi dan tanggung jawab mereka.

Satu perkara yang menarik tentang Perlembagaan adalah ia tidak seperti Akta atau undang-undang lain, ia digelar dokumen "sui juris" (yang berdiri sendiri) dan tidak terikat dengan doktrin duluan (precedent) atau yang juga dipanggil "stare decisis".

Dalam bahasa yang mudah, meskipun telah ada "precedent" hatta oleh mah-



kamah yang paling tinggi dalam negara ini yang menafsirkan Artikel 8 itu tidak terpakai kepada kakitangan swasta, keputusan itu tidak boleh mengikat mana-mana mahkamah lain hatta mahkamah yang lebih rendah daripada Mahkamah Persekutuan itu.

Maknanya, mungkin dalam kes yang lain, yang barangkali melibatkan juga tafsiran Artikel 8 itu, para hakim masih boleh sahaja menyimpang dan enggan terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan sebelum ini.

Di sinilah indahnya Perlembagaan. Jadi yang diperlukan bukan Akta yang khusus, sebaliknya satu inisiatif yang berterusan untuk memastikan Perlembagaan Persekutuan dipelihara, dilindungi dan dipertahankan khususnya ketika mana hak orang ramai di waktu genting sedang dirobek-robek oleh elemen-elemen yang mabuk dengan kuasa.

■ **Mohamed Hanipa Maidin ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH.**

## Kurangkan syarahan berapi, lihatlah fakta Melayu

Oleh **DR NAZRY KHAN**

**SALAM** hormat saya tujukan kepada Umno, sebuah parti yang telah berkhidmat untuk bangsa dan negara selama 69 tahun lamanya sejak tahun 1946 dan sedang bersidang lima hari di PWTC.

Di sebalik senyum, gelak ketawa, pujian dan syarahan berapi-api perwakilannya, saya berharap parti ini lihat keluh kesah ekonomi Melayu sekarang.

Kos sara hidup melonjak. Pertumbuhan gaji yang perlahan. Pengangguran naik. Nilai ringgit jatuh. Harga komoditi jatuh. Saiz hutang meningkat.

Jurang kaya-miskin bertambah. Pemilihan saham dan hartanah Melayu masih menyedihkan.

Beberapa data yang pilu dan sayu untuk renungan Umno:

1. Ekonomi Malaysia tumbuh sederhana antara 4 hingga 5 peratus setahun berbanding pertumbuhan mantap mele-

bihi 7 peratus selama lebih daripada 53 tahun dari tahun 1945 hingga 1998.

2. Duit ringgit sudah jatuh 25 peratus dalam masa setahun kepada USDMYR 4.25 berbanding purata USDMYR 2.5 dari tahun 1970 ke 1998. Jurang ekonomi kaya-miskin semakin melebar dengan 20% orang terkaya di Malaysia menguasai 90% daripada kekayaan negara.

3. Hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM582 bilion atau 54.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berbanding RM90 bilion pada tahun 1998 dan RM2 bilion pada tahun 1970. Hutang terkini isi rumah Malaysia adalah 88% dari KDNK atau RM940 bilion, antara yang tertinggi di rantau ini, berbanding hanya 16% atau RM70 bilion pada tahun 1998.

4. Walaupun kadar pengangguran masih terkawal, jumlah pengangguran meningkat 20 peratus dalam setahun.

Jabatan Perangkaan anggar seramai 460,000 orang tidak mempunyai pekerjaan. Dari angka ini, 161,000 lulusan universiti umur di antara 20 dan 24 tahun tak ada kerja. 70% daripada semua graduan menganggur pada tahun 2010 adalah Melayu Bumiputera. Sekitar 10,000 belia yang diisytiharkan mufliis pada tahun 2012 adalah orang Melayu.

5. Pendapatan purata isi rumah Melayu dan Bumiputera adalah sekitar RM4400 bermakna 30% lebih rendah berbanding purata pendapatan isi rumah Cina dan 15% lebih rendah dari purata isi rumah India dalam tempoh yang sama. 25% dari isi rumah Bumiputera mendapat di bawah kira-kira RM2,000 sebulan. Kebanyakan Melayu dan Bumiputera bekerja di sektor kerajaan dan hanya 8% Bumiputera menguasai jawatan pengurusan di sektor swasta.

6. Nilai Bursa Malaysia telah berganda

sejak tahun 2008 dan 90% daripada semua perusahaan mikro Malaysia adalah syarikat milik Bumiputera, tetapi yang peliknya kurang 10% daripada syarikat-syarikat senarai besar di Malaysia di miliki Bumiputera.

7. Walaupun berjumlah 68% dari penduduk dan politik Malaysia dikuasai Melayu, Bumiputera hanya memiliki 25% daripada jumlah nilai hartanah di Malaysia dan 22% daripada jumlah ekuiti di Malaysia.

Saya terpenggal dengan rintihan ini kerana ekonomi Malaysia dan Melayu khususnya sedang menempuh satu keadaan yang sangat mencabar sekarang, menuntut perubahan agresif dari parti ini.

Di harap parti Umno memperjuangkan semua bangsa Melayu dan bukan hanya 10% Melayu terkaya di Malaysia.

■ **Dr Nazri Khan ialah Fellow Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.**

# Memahami erti 'demokrat muslim'

**BEBERAPA** nama sejak lebih sedekad lalu, dikaitkan dengan sebutan demokrat muslim antaranya Anwar Ibrahim, Rached Ghannouchi, BJ Habibie, Recep Tayyip Erdogan, Abdullah Gul, Surin Pitsuwan dan beberapa nama lagi.

Pada 2013, Dr Charles Allers menerbitkan sebuah buku yang setahun selepas itu diterbitkan kembali dengan judul "Anwar Ibrahim: Evolution of A Muslim Democrat". Sebuah tulisan yang wajar diberikan perhatian oleh siapa sahaja yang ingin memahami tentang demokrat muslim yang kita perkatakan ini.

Walaupun tampaknya masih ramai yang belum begitu selesa dengan terma ini, terutama bagi mereka yang kuat berada dalam golongan Islamisme, saya berpendapat demokrat muslim adalah pemain-pemain politik yang semakin terserlah keberadaan mereka masa kini dan masa depan.

Charles Allers menyebut Anwar sebagai cukup lama menyuarakan tentang keserasian Islam dengan prinsip-prinsip demokrasi sebelum kebangkitan Arab Spring, di mana topik demokrasi dalam negara-negara Islam dibicarakannya di pentas-pentas antarabangsa.

Selain dari itu, saya juga cenderung menamakan Mohammad Hatta tokoh politik rantau dan Burhanuddin Helmi sebagai demokrat muslim di awal abad lalu.

Mohammad Hatta pemimpin kelahiran Bukit Tinggi, Sumatera yang berpijak kepada asas kefahaman kebangsaan 'cap rakyat' bukan 'cap ningrat' (bangsawan) atau 'cap intelek'. Rasanya tepat saya namakan beliau sebagai demokrat muslim.

Menurut Bung Hatta, faham kebangsaan 'cap rakyat' yang harus mendesak dan segera dibangun sebab rakyat itu badan dan jiwa bangsa (jantung hati) rakyat. Rakyatlah menjadi ukuran tinggi rendahnya darjat suatu bangsa. Dengan rakyat kita akan naik, dengan rakyat pula kita akan turun.

Mantan Naib Presiden Republik Indonesia yang pernah juga mengepalai kabinet negara itu sesudah merdeka, menyertai berbagai organisasi bermula dari Indische Vereeniging yang pada tahun 1924 berganti nama Perhimpunan Indonesia.

Bung Hatta juga memimpin Parti Nasional Indonesia dan berbagai pertubuhan nasional yang lain. Beliau memang tidak pernah menyertai parti-parti Islam tapi dilihat pada sosok keperibadian sangat taat beragama dan seorang demokrat tulen. Tidak pantas untuk sesiapa pun untuk mengesampingkan karakter muslimnya yang kuat dan anti rasuah.

Apabila sahabat dwitunggalnya, Presiden Soekarno memulakan gagasan demokrasi terpimpin, beliau menentang dan terus meletakkan jawatan. Walaupun mengalami perselisihan dengan Presiden Soekarno, beliau tidak berden-

dam sebaliknya memilih untuk terus melakukan perjuangan dan aktiviti-aktiviti demi bangsa di luar pemerintahan.

## Burhanuddin Helmi

Di negara kita pula, saya amat mengagumi Dr Burhanuddin Helmi, tokoh religius intelek yang tiada tandingan di zamannya. Beliau ikut memimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan kemudiannya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), pendokong penubuhan Hizbul Muslimin dan Parti Rakyat Malaya serta kemudiannya dijemput untuk memimpin Parti Islam Se-Tanah Melayu (Pas).

Sejak awal beliau seorang muslim yang amat kuat berpegang dengan agama tetapi memilih pada peringkat itu berkiprah dalam organisasi-organisasi yang tidak bernuansa Islam. Burhanuddin dianggap kepunyaan semua baik golongan kanan atau golongan kiri, para nasionalis maupun sosialis atau Islamis sangat menghormati beliau. Jelas Burhanuddin itu tiada duanya di negara ini.

Sebagai seorang muslim yang teguh berpegang kepada nilai-nilai agama tidak pernah menghalang beliau menjadi seorang demokrat tulen. Beliau tahu, ketika rakan-rakannya mahu menurunkan beliau dari kerusi Yang Dipertua PKMM di kongres parti di mana beliau dilantik ke jawatan baru Penasihat Agung PKMM dan Ishak Haji Mohamad diatur untuk menggantikannya. Beliau menerima dengan baik, justeru keputusan itu dicapai dalam kongres parti secara demokratik.

## Kemunculan muslim demokrat

Dalam konteks politik Malaysia masa kini, beberapa perkembangan mutakhir menarik untuk diberikan perhatian. Di masa-masa lalu para pencinta Islam di negara ini banyak memberikan perhatian dan meneladani Gerakan Al-Ikhwanul Muslimin, Jamaat-e-Islami, Masyumi, Milli Selamet Partisi, Refah Partisi dan parti-parti yang punya nuansa sama iaitu sebagai gerakan siasah Islamisme.

Namun suasana ini sudah banyak berubah di benua kecil Asia yakni Turki yang menyaksikan kehadiran kelompok yang wajar digelar 'demokrat muslim'. Recep Tayyip Erdogan mewujudkan sebuah parti nasional digelar Adalet ve Kalkinma Partisi (AKP).

Di bumi Tunisia pula tokoh besar Syeikh Dr Rached Ghannouchi menjenamakan semula Hizbul Nahdah kepada sebuah parti yang tidak lagi dilihat sebagai parti fundamentalis Islam. Mereka begitu terbuka dalam memperjuangkan maqasid syariah dan bukan berjuang untuk mengkanunkan undang-undang jenayah Islam ke dalam perlembagaan dan undang-undang negara.

Kita juga menyaksikan penubuhan Parti Amanah Negara yang menggelar diri mereka sebagai sebuah parti Islam progresif demi mewujudkan sebuah negara yang adil dan rahmat untuk semua. Dalam anggaran dasar atau perlembagaan Parti

Amanah Negara yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 5 Jun 2017.

Pada Fasal 3, dasar dan tujuan termaktub secara jelas bahawa parti ini yang di dalamnya turut hadir beberapa tokoh yang boleh kita turut namakan sebagai golongan muslim demokrat.

3.2 Mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua (Rahmatan li Al-'Alameen).

Saya percaya para aktivis sosial demokrasi tentu dapat berbincang dengan lebih baik secara terbuka dengan golongan muslim demokrat justeru masing-masing berkongsi perjuangan demokrasi. Golongan demokrat muslim tidak mempunyai sikap fanatisme, sektarian, ekstrem dan militan. Sikap menerima falsafah 'coexistence' iaitu suatu keadaan di mana manusia boleh hidup bersama secara harmoni walaupun berlainan agama dan kepercayaan.

## Sikap akomodatif

Saya percaya seorang Surin Abdul Halim Ismail Pitsuwan (Allahyarham) yang kita kategorikan sebagai muslim demokrat tentunya dapat berbicara secara baik dengan seorang pejuang hak asasi Ajarn Sulak Sivaraksa yang terkenal sebagai pejuang 'coexistence' di belahan dunia sebelah sini.

Memetik dari apa yang disebut oleh Dr. Siddiq Fadzil bahawa sesungguhnya semangat demokratik seterusnya membentuk sikap akomodatif toleran terbuka dan menghargai kepelbagaian – kepelbagaian ras, aliran pemikiran dalam parti politik. Islam pada asasnya memang bersikap positif terhadap kepelbagaian kerana ia adalah sebahagian ayat atau tanda kebesaran Illahi yang mengandungi hikmah tersendiri.

Manusia dengan segala kepelbagaian warna dan bahasanya tetap menyatu dengan ikatan kesatuan kemanusiaan. Kepelbagaian aliran pemikiran adalah jelmaan kebebasan berfikir yang mengakar pada ajaran Islam. Demikian juga kepelbagaian parti adalah jelmaan hak berbeza pendapat yang seterusnya membawa kepada perbezaan agenda dan program politik.

Hak berbeza pendapat dalam politik seterusnya berimplikasi kebebasan memilih parti atau menubuhkan parti. Ini bererti setiap warga boleh menyertai sebuah parti dan boleh pula meninggalkannya. Sebagai pengundi dalam pilihan raya, rakyat bebas memilih calon, atau menolaknya berasaskan pertimbangan masalah.

Rakyat boleh menolak calon dari parti mana pun, termasuk parti Islam, jika pada pertimbangannya ia tidak layak atau berprestasi buruk menolak calon parti Islam tidak bererti menolak Islam, kerana parti Islam tidak sama dengan agama Islam. Inilah antara dasar pegangan dan praktis para demokrat muslim di mana pun



mereka berada.

Demokrat muslim menolak sebarang bentuk kongkongan minda dan pemaksaan fikiran, tiada pemimpin yang bebas atau kalis kritik. Penghargaan terhadap kebebasan, keadilan, dan demokrasi adalah menjadi perjuangan utama bagi para demokrat muslim. Oleh itu sebarang perlakuan atau tindakan mana-mana pemimpin yang memaksa agar semua orang hanya menerima pandangan atau dasarnya sahaja adalah ditolak. Sebagai seorang demokrat tentu tidak dapat menerima sebarang bentuk fasisme atas nama bangsa atau agama.

Slogan golongan fasis pimpinan Benito Mussolini di Itali iaitu "Il duce ha sempre" (pemimpin sentiasa benar) sudah barang pasti tidak dapat diterima. Pemimpin bagaimana hebat pun tentu ada kekurangannya. Oleh itu, golongan pencinta Islam masa kini tidak berminat dengan sebuah regim kepimpinan yang mentadbir sebuah organisasi, parti atau kerajaan dalam tempoh masa yang terlalu panjang. Dulu kita perhatikan pergerakan-pergerakan Islam di benua kecil Indo-Pakistan dan Asia Barat akan hanya menggantikan pemimpin utamanya apabila tokoh itu meninggal dunia.

Golongan demokrat muslim sedang memperbaharui budaya demokrasi di dalam parti masing-masing dan saya percaya keberanian dalam membuat perubahan sedang segar berlaku. Perubahan dan pembaharuan itu bukan sesuatu yang mudah dan ia mendambakan kesungguhan, kesabaran dan keghairahan berjuang.

Tentulah tidak mudah melakukan sesuatu yang baru setelah selama ini ramai dari kalangan para Islamis melalui proses indoktrinasi. Perubahan dan keberanian menempa suatu yang baru memerlukan sesuatu kekuatan besar, ia perlu diperjuangkan.

Dengan catatan ringkas ini, saya percaya usaha untuk mengengahkan angkatan baru bergelar demokrat muslim di tengah-tengah pergulatan politik di negara ini pasti suatu yang amat menarik sekali.

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.

# PAU 2017 buktikan Umno buta masalah rakyat

**P**ERSIDANGAN Agung Umno (PAU) 2017 telah berakhir. Perhimpunan Agung Umno yang diadakan pada ketika menjelang PRU ke-14 mungkin diharapkan ramai ahli dan penyokong sebagai pentas terakhir untuk Umno membuktikan relevansinya kepada bangsa Melayu, rakyat dan negara.

Malangnya bagi mereka, ianya telah datang dan pergi dengan begitu sahaja. Tiada apa-apa kesan dari PAU terhadap dasar-dasar yang mencengking kehidupan rakyat. Sebaliknya ianya terus menjadi medan memuji pemimpin dan menyerang pembangkang. Dari segi membela nasib bangsa Melayu dan rakyat? Tiada apa-apa yang boleh dibanggakan.

## HIDUP DALAM ILUSI

Pimpinan Umno, khususnya Datuk Seri Najib Razak masih hidup dalam ilusi bahawa negara berada dalam keadaan baik dan rakyat jelata kebanyakan mereka bahagia. Dan sekiranya tidak bahagia sekalipun, boleh dibahagiakan dengan mudah semasa PRU ke-14 kelak.

Ilusi ini telah menjadikan segala teguran yang dibuat sama ada oleh pembangkang dan rakyat jelata tidak dihiraukan. Keberadaan dalam keadaan ilusi ini jelas dari isi kandungan Bajet 2018 yang telah dibentangkan Najib tempoh hari. Bajet tersebut memberikan gambaran bahawa semuanya berada dalam keadaan baik dan ekonomi negara terus berkembang seperti yang diinginkan.

Hasil dari ketidakmampuan untuk menyedarkan Najib dari keadaan ilusinya, sama ada di dalam atau di luar Parlimen, maka ramai yang mengharap PAU kali ini boleh menjadi medan perbincangan untuk menegur dan membetulkan pimpinan Umno. Sayangnya tiada teguran dan tiada perbincangan bermakna telah berlaku. Umno sebagai parti politik yang sepatutnya mampu mengawal dan menyedarkan pemimpinnya yang sedang leka dan khayal melalui Perhimpunan Agungnya telah gagal dengan cemerlangnya.

PAU telah merendahkan

LAUT  
BUDI  
TEPIAN  
AKAL

KHALID SAMAD

martabatnya sendiri sehingga menjadi medan memuji pemimpin walaupun telah gagal membawa kebaikan kepada rakyat. Ianya bukan lagi medan muhasabah, yang mana muhasabah itu amat sangat diperlukan dewasa ini, tetapi sebaliknya telah menjadi medan memuji dan mengampu. Ini adalah antara petanda bahawa Umno sudah hilang relevansinya terhadap rakyat jelata.

## SLOW LEARNERS

Dengan segala isu yang dibawa Najib dan pentadbirannya, ramai merasa amat kecewa melihat bagaimana perwakilan PAU begitu mandul dan tidak berkesan dalam memainkan peranan mereka. Adakah benar mereka semua 'slow learners' atau kurang cerdas sehingga tidak mampu memahami bahawa isu 1MDB adalah benar dan bukan rekaan media atau pembangkang semata-mata?

Tidaklah mereka mampu memahami bahawa ianya skandal sebenar kerana telah menyebabkan bank-bank di luar negara ditutup, pegawai-pegawai bank dipenjarakan dan harta milik 1MDB dirampas dan disita?

Sekiranya mereka 'slow learners' dan hanya 'slow learners' layak menjadi perwakilan PAU, maka Umno pasti akan hilang keupayaan untuk memimpin negara. Sekiranya sebaliknya, iaitu mereka faham tetapi tidak berani untuk bersuara, atau kekeyangan dengan dedak, maka Umno sebagai parti politik orang Melayu telah sekali lagi hilang kelayakannya untuk memimpin negara. Pokoknya, sama ada 'slow learners' atau kekenyangan dedak, masa Umno sebagai parti yang mendapat sokongan rakyat telah tiba ke garisan penamatnya.

Pendedahan Jeff Sessions, Peguam Negara Amerika Syarikat, bahawa Amerika telah merampas RM14.1 bilion harta 1MDB

“**Sekiranya mereka 'slow learners' dan hanya 'slow learners' layak menjadi perwakilan PAU, maka Umno pasti akan hilang keupayaan untuk memimpin negara. Sekiranya sebaliknya, iaitu mereka faham tetapi tidak berani untuk bersuara, atau kekeyangan dengan dedak, maka Umno sebagai parti politik orang Melayu telah sekali lagi hilang kelayakannya untuk memimpin negara. Pokoknya, sama ada 'slow learners' atau kekenyangan dedak, masa Umno sebagai parti yang mendapat sokongan rakyat telah tiba ke garisan penamatnya...**”

sepatutnya digunakan perwakilan untuk bangun bertanya Najib mengenai isu 1MDB! Malangnya tiada yang sanggup mahupun berani untuk bertanya sedangkan ianya isu yang memalitkan bukan sahaja Umno tetapi seluruh negara sebagai antara skandal terbesar dunia!

## ARUL KANDA

Sebenarnya PAU adalah medan terbaik untuk semua ini dikemukakan dan diperjelaskan. Najib boleh bawa sekali Arul Kanda untuk membantu beliau menjawab dan sememangnya beliau hadir bersama. Tetapi malangnya peluang keemasan ini untuk Umno membuktikan kewibawaannya terlepas begitu sahaja.

Begitu juga dengan persoalan kos kehidupan yang telah melambung naik di bawah pentadbiran Najib. Ianya persoalan amat penting dan sepatutnya PAU dipenuhi dengan desakan supaya dicari dan dikaji cara-cara ianya boleh diatasi. Jawapan bodoh bahawa ianya "ditetapkan Allah" oleh salah seorang Menteri

sepatutnya ditempelak kembali ke atas Najib dan Kabinetnya. Mana mungkin masalah yang terhasil dari ketidakmampuan dan ketidakcekapan pentadbiran Najib dipersalahkan pula Allah SWT!

Begitu juga di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bila ditimbulkan isu kos kehidupan maka dijawab dengan jumlah orang yang menunaikan umrah! Lain yang ditanya dan lain yang dijawab! Tiada yang menafikan wujudnya golongan yang berada yang tidak terjejas dengan meningkatnya kos kehidupan ini. Tetapi adakah kerajaan menafikan kos kehidupan sebenarnya meningkat dan ramai kebanyakan tertekan dengannya?

## KUTUK ARTIS

Dan begitu juga dikutuknya kembali artis-artis dan selebriti yang mengeluh mengenai kos kehidupan yang sememangnya dirasai semua! Sedangkan artis dan selebriti juga berhak bersuara. Jawab teguran itu dengan hujah, bukan dengan cacian dan ugutan! Itu cara kerajaan yang berwibawa dan sedar diri. Sebaliknya dijawab

sebagai 'kerajaan samseng' yang tidak sedar diri.

Bagi PH tidak tanduk perwakilan dan pimpinan Umno dalam PAU mereka adalah seperti apa yang diharapkan. Mereka golongan berada dan yang berhubungan dengan yang berada. Mereka mendapat manfaat dari pemerintah yang rakus, penyamun dan kleptokrat. Mereka bersuka-ria sambil rakyat biasa merana.

Kesimpulannya adalah Umno tidak lagi relevan. Sama ada untuk bangsa Melayu mahupun rakyat jelata. Masa mereka telah tiba. Kata Mat Salleh, "They have outlived their usefulness".

Sekarang Umno menjadi beban dan liabiliti dan tidak lagi membantu. Telah tiba masanya untuk ditunjukkan pintu keluar. Ianya bukan lagi parti berjiwa rakyat. Ia buta kepada masalah rakyat.

Berjalannya PAU beberapa bulan sebelum PRU ke-14 amat bermakna. Rakyat perlu tahu, kalau Umno terus memerintah, tiada kelegaan bagi rakyat. Ianya akan terus dengan dasar dan budaya sedia ada. Pemimpin perompak bersama konkonconya. Rakyat bawahan terus ditekan dan diperah semaksimanya.

Semoga bangsa Melayu bangun membawa perubahan bersama rakyat keseluruhannya. Ke arah masa depan yang lebih cemerlang di bawah PH yang dipimpin Tun Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dibantu pula oleh Mohamad Sabu, Ahmad Awang serta Lim Kit Siang. Gandingan padu yang menjanjikan perubahan ke arah kecemerlangan.

**Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH dan Ahli Parlimen Shah Alam.**





## Gerak Gempur Dun Taman Templer medan bertemu rakyat

**SELAYANG:** Program Gerak Gempur Pemuda AMANAH Nasional di kawasan DUN N15 Taman Templer, Selangor pada 9-10 Disember lalu menjadi platform kepada pemimpin dan aktivis parti untuk bertemu rakyat.

Program dua hari itu dimulakan dengan edaran risalah AMANAH di Pasar Malam Kg. Selayang Indah.

Hadir pada program itu Ketua Pemuda AMANAH Nasional Mohd Sany Hamzan, Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional Wan Anwar Wan Ibrahim dan para pemimpin serta aktivis AMANAH kawasan.

Pada 10 Dis, program dimulakan dengan solat Subuh berjemaah, kuliah Subuh dan sarapan bersama jemaah Masjid at-Tayyibin, Taman Bidara.

Wan Anwar yang juga Ketua AMANAH Kawasan Selayang kemudian mengedarkan risalah AMANAH di Pasar Pagi Cina Selayang Jaya dan Pasar Pagi Selayang Baru.

Hadir sama Ahli Parlimen Selayang William Leong dan aktivis parti-parti komponen PH iaitu DAP, Keadilan dan PPBM.

Pada masa yang sama, program demonstrasi masakan 'cup cake' (kek cawan) dan dekorasi kek diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Selayang Permai.

Turut diadakan pendaftaran dan semakan daftar pemilih.

Selepas solat Zohor, program ziarah warga emas dan asnaf diadakan di Kampung Selayang Permai dan Kampung Selayang Baru.

Wan Anwar kemudian dibawa meninjau masalah air bertakung di parit dan sungai di Kampung Selayang Baru oleh wakil penduduk.

Difahamkan masalah ini telah diadakan penduduk sejak 2008, namun masih tidak mendapat perhatian pihak-pihak berwajib termasuk Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Wan Anwar yang juga penyelia Pusat

Peduli Rakyat AMANAH Dun Taman Templer berjanji akan mengemukakan masalah penduduk kepada pihak berkenaan agar masalah yang berlarutan itu diselesaikan segera.

Pada sebelah malam, berlangsung acara futsal dan layan BPL bersama anak muda Selayang di Sg. Tua.

Hadir sama dan memberi ucapan motivasi ialah Mohd Sany.

Wan Anwar bagi pihak Pemuda AMANAH Nasional, AMANAH Kawasan Selayang dan AMANAH Dun Taman Templer merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan program dua hari itu.

"Kita doakan agar usaha ini akan membantu memberi kemenangan kepada PH di Dun Taman Templer khususnya dan Parlimen Selayang umumnya," ujar beliau.



Edaran risalah AMANAH di Pasar Pagi Selayang Baru.



Mohd Sany memberikan motivasi kepada anak muda yang menyertai acara futsal dan layan BPL di Sg. Tua.



Wan Anwar mempengerusikan mesyuarat persiapan Gerak Gempur AMANAH Dun Taman Templer.



Anwar dan William bertanya khabar penduduk di Pasar Cina Selayang Jaya.



Demonstrasi masakan cup cake dan dekorasi kek di Kg. Selayang Permai.



Edaran risalah AMANAH di Pasar Malam Selayang Indah.



Menziarahi warga emas dan golongan asnaf di Kg. Selayang Permai dan Kg. Selayang Baru.



Wan Anwar dibawa meninjau masalah air longkang dan sungai bertakung dan tersumbat di Kampung Selayang Baru.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

**RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

**BETULKAH SHAFEE**

**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**

**01132334322 (EN HAKIM)**

12 Setelah tiga gelombang Najib berlalu

13 1MDB lebih teruk daripada kerugian forex BNM



14 Najib patut nasihati Trump



Pemuda PH lancar kempen Turun-Turun

ms15

PP18978/03/2016(034450)

# WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17.12.2017	5:40	5:50	7:10	13:12	16:35	19:08	20:23
18.12.2017	5:41	5:51	7:11	13:13	16:35	19:09	20:24
19.12.2017	5:41	5:51	7:11	13:13	16:36	19:09	20:24
20.12.2017	5:42	5:52	7:12	13:14	16:36	19:10	20:25
21.12.2017	5:42	5:52	7:12	13:14	16:37	19:10	20:25
22.12.2017	5:43	5:53	7:13	13:15	16:37	19:11	20:26
23.12.2017	5:43	5:53	7:13	13:15	16:38	19:11	20:26

# Amanah

BIL 81 | 17 - 23 DISEMBER 2017

# BEBASKAN ANWAR JALANI RAWATAN



Peguam Kimberley Montley ketika bertemu Tun Dr Mahathir baru-baru ini. Mereka mendakwa Anwar adalah tahanan politik.

**PENGERUSI** Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad dan peguam terkenal dari Amerika Syarikat (AS) Kimberly Montley mendesak kerajaan Malaysia membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membolehkan beliau menjalani rawatan perubatan.

Kenyataan itu dibuat bersama selepas pertemuan antara kedua-duanya diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

← **Laporan penuh muka 2**

## Negara rugi RM160 bilion di bawah Najib

**PENGERUSI** PH, Tun Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan kenapa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tidak ditubuhkan setelah negara kerugian RM160 bilion antara tahun 2013 hingga 2015, sedang RCI ditubuhkan ketika negara rugi RM31 bilion 30 tahun lalu.

Menurut laman web rasmi Bank Negara, rizab negara

menurun kepada USD95,289.62 bilion pada Disember 2015 berbanding USD134,910.79 bilion pada Disember 2013.

→ **Laporan penuh muka 2**

Tun Mahathir mendakwa negara rugi RM160 bilion dari 2013 hingga 2015 tetapi tidak ada pula RCI ditubuhkan.



**Natural Soap Effective**

**Olive Kapsul Manjakani**

**Sabun Manjakani**

SABUN MANJAKANI  
KAPSUL MANJAKANI

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:  
TEL: +6013 754 9335  
EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS